

DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA

Bil. 23

Isnin

15 Jun 2009

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
- Mengalu-alukan Ahli Baru	(Halaman 5)
- Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 6)
- Perutusan Daripada Dewan Negara	(Halaman 7)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 8)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):	
■ Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Isu Skandal PKFZ Dan Laporan Audit Pricewaterhousecoopers Mengenai PKFZ - <i>Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)</i>	(Halaman 30)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008	(Halaman 32)
USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 104)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
■ Bantahan ke Atas Projek Rumah Mewah Taman Rekreasi DBKL - <i>Tuan Chua Tian Chang (Batu)</i>	(Halaman 105)
■ Desakan Penyelesaian Masalah Gangguan Bekalan Elektrik di Tawau - <i>Datuk Chua Soo Bui (Tawau)</i>	(Halaman 107)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 15 Jun 2009

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin [Bukit Gantang]

Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan seluruh rakyat Dewan supaya memberikan makluman... *[Sambil memakai head band yang bertulis "Bubar DUN"]* hidup, hidup! Hidup rakyat! Bubar, bubar... *[Diikuti oleh Ahli-ahli Pembangkang] [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Eh, apa ini? Ingat ini Dewan Perak ke?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat!

Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin [Bukit Gantang]: Hidup, hidup!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, apakah ini salah satu sikap yang dilihatkan oleh pembangkang. *[Dewan terlalu riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong duduk. Tolong duduk, Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat tolong duduk sekejap. Duduk, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bukan Dewan Negeri Perak.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Apa ini? Apa ini?

Seorang Ahli: Minta dia dihalau Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk. Pertama, Ahli Yang Berhormat buka apa yang di atas kepala itu kerana itu tidak termasuk dalam peraturan mesyuarat.

Seorang Ahli: Buka, buka. Halau dia.

Tuan Yang di-Pertua: Kedua, Ahli Yang Berhormat, sebagai Ahli Yang Berhormat dalam Parlimen ini jangan buat Parlimen Malaysia seperti mana-mana tempat. Ini amaran pertama.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bukan bawah pokok.

Tuan Yang di-Pertua: Ini amaran pertama, belum pernah berlaku dalam Parlimen Malaysia seperti begini dan saya tidak menghendaki sesiapa sahaja *Member of Parliament* seperti begini. Amaran pertama, sila duduk dan patuh kepada peraturan mesyuarat. Sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [*Masih berdiri*]

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: [*Masih berdiri*]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Masih berdiri*] [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Buka! Ahli-ahli Yang Berhormat, buka! Buka! Buka! [*Dewan semakin riuh*] Ahli-ahli Yang Berhormat, Padang Serai. Ahli Yang Berhormat yang dua di sana tolong duduk dan buka apa yang di atas kepala. Sila, sila buka apa yang di atas kepala. Sila buka Ahli Yang Berhormat kerana itu bukan antara daripada pakaian kita.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Itu, itu..

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, buka. Satu...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [*Masih berdiri dan memakai head band di kepala*]

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: [*Masih berdiri dan memakai head band di kepala*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, buka. Dua Ahli Yang Berhormat tadi buka apa yang di atas kepala ini. Ahli Yang Berhormat, oleh kerana Ahli Yang Berhormat kedua-dua ingkar, tolong sila keluar. Satu, dua, tiga, sila. [*Mengarahkan tiga Ahli Yang Berhormat keluar Dewan*] [*Tepuk*] Ahli Yang Berhormat berdua, sila keluar.

Beberapa Ahli: Keluar, keluar.

Tuan Yang di-Pertua: Keluar sekarang. Dua Ahli Yang Berhormat sila keluar. Bentara, sila jalankan tugas. Sila.

Seorang Ahli: Untuk berapa lama?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, keluar. Keluar, Yang Berhormat dan... saya belum siap lagi Yang Berhormat. Oleh kerana angkara ini dimulakan oleh wakil rakyat baru dia juga saya minta keluar sekarang. [*Dewan riuh*][*Tepuk*]

Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional yang lain, sila duduk! Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sila duduk! [*Dewan riuh*][*Sampuk-menyampuk antara Ahli-ahli*]

Okey. Siapa yang pakai "itu" oleh kerana mahu keluar sila keluar. Sila. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, sila duduk, Ahli-ahli Yang Berhormat!

Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin [Bukit Gantang]: [*Keluar Dewan*] [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk! Duduk dulu, Ahli-ahli Yang Berhormat, ada *point of order*.

Beberapa Ahli: Masih berdiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, semua ini Ahli-ahli Yang Berhormat. Tabiat apa ini?

Seorang Ahli: *Bodoh!*

Tuan Yang di-Pertua: Siapa cakap “bodoh”? Tidak boleh bercakap “bodoh”! Siapa? *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat, sila senyap! Sudahlah, sudah, sudah! *[Memandang ke arah galeri awam]* Yang di sana, yang di galeri, buka, buka “ini”, buka. Kalau tidak saya juga halau.

Beberapa Ahli: Buka! Buka!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini bukan pasar.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Padang Serai, cakap lagi saya halau. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolonglah duduk. Jangan campur lagi! Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sila duduk, sila duduk. *[Sampuk-menyampuk antara Ahli-ahli]* *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jangan bising lagi, apa cakap?

Tuan Yang di-Pertua: Padang Serai, sudahlah, sudah. Ahli-ahli Yang Berhormat, banyak perkara yang perlu dibincangkan demi untuk kepentingan rakyat, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat suka sangat bertengkar. Itu kepentingan kamu semua. Ahli-ahli Yang Berhormat..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, kami bukan suka bertengkar, kami...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa! Tidak apa, Sri Gading. Duduk, Sri Gading. Sudahlah. Sudahlah, Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang cerita pasal bertengkar ini budak-budak umur dua tahun pun pandai bertengkar di sana, di jalan-jalan raya! Sudahlah!

Sila Setiausaha, teruskan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam soal pagi-pagi ini, daripada awal-awal dulu saya tidak benarkan *point of order* sebelum *question time*. Tidak ada *point of order* di sini, tidak ada. Bagan, saya tidak benarkan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Bagan, saya tidak benarkan. Tiada.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya hendak minta *point of order*.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk. Sila duduk, Yang Berhormat. Tidak ada. Sila teruskan.

Seorang Ahli: *Point of order can be raised any time.*

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tetapi selepas *question time* saya akan layan, bukan sekarang. Masa sudah begitu jauh kita buat. Bagan, duduk Bagan.

Beberapa Ahli: *[Menunjukkan ke arah Ahli Yang Berhormat yang memakai arm band]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini *arm* pun dijerut.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Macam mana ada *arm band* di lengan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Buka, buka. *Arm band* buka. Tuan Yang di-Pertua, buka ini – *arm band*.

Seorang Ahli: Apa pemimpin macam ini! [*Dewan riuh*]

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Apa, salahkah pakai *arm band*?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk. Sudahlah, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sudahlah, Ahli-ahli Yang Berhormat!

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [*Menyampuk*]

Seorang Ahli: Ini pakai di tangan dan di kepala serupa. [*Merujuk kepada Ahli Yang Berhormat Pokok Sena dan Ahli Yang Berhormat Kuala Krai yang memakai arm band*]

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Pokok Sena, Pokok Sena, bukalah itu, Pokok Sena. Bukalah. Di kepala atau di sini pun bukalah. Bukalah Pokok Sena, tolonglah! Bukalah! Saya mahu dengar Pokok Sena berhujah bukan simpan di tangan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Pokok Sena, kalau tidak mahu buka juga, boleh rehat. Boleh! Sila, sila keluar Pokok Sena, sila.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Saya kata buka. Kalau tidak salah Pokok Sena fikir, sila. Sila keluar, sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [*Menyampuk*]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. Pokok Sena, sila. Sila keluar. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong senyap. Ahli-ahli Yang Berhormat, tidakkah Ahli-ahli Yang Berhormat mahu dengar apa jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan lebih awal ini. [*Mengangkat senaskhah Aturan Urusan Mesyuarat*]

Beberapa Ahli: Mahu!

Tuan Yang di-Pertua: Kalau mahu tolong ikut arahan Speaker yang pakai *band* di kepala dan di tangan tolong keluar sekarang. Tolong keluar sekarang! Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong. Sila, sila...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk. Saya jawab.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta...

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, Yang Berhormat. Saya jawab, saya respons, yang lain diam. Ahli-ahli Yang Berhormat, atas peraturan mana apabila seorang Ahli Yang Berhormat daripada pembangkang selepas angkat sumpah sampai berteriak, mana?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tiada, tiada, tiada!

Tuan Yang di-Pertua: Duduk. Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Padang Serai juga ikut keluar. Itu, yang itu, tolong. *[Menunjuk ke arah Ahli Yang Berhormat Pokok Sena dan Ahli Yang Berhormat Kuala Krai]* Ahli-ahli Yang Berhormat tiga orang keluar sekarang. Bentara, sila jalankan tugas. Bentara, jalankan tugas!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Padang Serai, sila. Sila, keluar. Keluar, keluar. Yang tadi saya arah keluar sila keluar. Saya tidak akan memulakan persidangan sehingga arahan saya dituruti. Sila.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Padang Serai, sila. Sila.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, menurut peraturan kita bahawa apabila masuk dalam Dewan dengan tertib pakaian mesti tertib. Kalau sudah pakai *band* di kepala itu bukan tertib lagi dalam penglihatan saya.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Itu Perak, ini Dewan Rakyat Malaysia. Itu Perak. Itu makanya saya sebut bahawa jangan buat Parlimen, kalau saya masih duduk di sini seperti mana-mana tempat. Padang Serai, keluar. Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang mana... keluar. Sila. Sila.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Padang Serai, oleh kerana ingkar dengan arahan saya... Sila teruskan.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA **MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, secara tradisinya apabila seorang Ahli Yang Berhormat mengangkat sumpah tugas Speaker atau Yang di-Pertua yang pertama ialah mengalu-alukan kehadiran. Dalam ucapan alu-aluan itu diselitkan di situ bahawa Speaker mengharapkan sangat supaya Ahli Yang Berhormat demikian dapat menyumbang bukan sahaja kepada perbahasan-perbahasan yang dibincangkan dalam Dewan, tetapi dapat menyumbang sekali gus dengan tatacara masuk Dewan, keluar Dewan, cara bercakap, berdiri, semua peraturan mesti diikuti. Akan tetapi pada hari ini apa yang saya mahu sebut dalam suasana sedemikian seorang wakil rakyat bekas Menteri Besar satu negeri ... *[Disampuk]* Apa gelagat

Ahli-ahli Yang Berhormat di luar Dewan itu saya tidak kisah, tetapi jangan buat gelagat yang tidak mengikut peraturan mesyuarat Parlimen sewaktu saya duduk [*Tepuk*] dan atas sebab itu saya tidak akan buat ucapan alu-aluan. Sila Setiausaha.

■1020

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: ...saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: ...seperti berikut. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timur, saya telah menyatakan berkali-kali bahawa sebelum selesai soalan-soalan pada setiap pagi, saya tidak akan *entertain* mana-mana *point of order*. Saya sudah buat penjelasan itu daripada awal lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timur, Ipoh Timur, aturannya Ipoh Timur, sewaktu wakil rakyat tadi yang tadi angkat sumpah tadi Ipoh Timur berdiri, buat *point of order*. Kenapa tidak berdiri? Apa sebab? Ipoh Timur berdiri, maka saya tidak ada nampak selain daripada kekacauan tadi berlaku, tidak ada *point of order* yang harus dikemukakan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order* bila-bila pun boleh dikemukakan. Ini Peraturan Mesyuarat selama 52 tahun. Mana boleh tukar semacam ini?

Tuan Yang di-Pertua: Selama 52 tahun tidak ada sebegini saya nampak. [*Disampuk*] Selama ini, Ipoh Timur, adakah begini? Ipoh Timur, ada begini? Itu di Perak. Jangan bawa Perak di sini. [*Disampuk*] Itu di Perak, Ipoh Timur. Jangan bawa Perak di sini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini "SATU MALAYSIA".

Tuan Yang di-Pertua: Satu Malaysia, jangan berbahas semacam itu. Ipoh Timur, sudah. Sila, sila, sila duduk.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ulang balik. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut. Ini perlu didengar kerana ini mustahak, akta penggabalan Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri.

1. Akta Perbekalan Tambahan (2009) 2009;

2. Akta Perbekalan Tambahan (2008) 2009;
3. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2009;
4. Akta Perlindungan Saksi 2008;
5. Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2008;
6. Akta Pelantar Benua (Pindaan) 2009;
7. Akta Fi (Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan Pengesahan) 2009;
8. Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2009; dan
9. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“8 April 2009

Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2009) 2009;
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009;
3. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2009;
4. Rang Undang-undang Perlindungan Saksi 2008;
5. Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2008;
6. Rang Undang-undang Pelantar Benua (Pindaan) 2009;
7. Rang Undang-undang Fi (Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan Pengesahan) 2009;
8. Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2009; dan

9. Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008.

Yang Ikhlas,

t.t.

“YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]** minta Perdana Menteri menyatakan penjelasan Gagasan “SATU MALAYSIA” dari segi pelaksanaan dan penerapannya kepada masyarakat majmuk di Malaysia dan bagaimanakah Gagasan ini akan dapat lebih bermanfaat dalam menterjemahkan kejayaan Wawasan 2020.

Perdana Menteri [Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab secara serentak pertanyaan-pertanyaan berkaitan maksud dan definisi Gagasan “SATU MALAYSIA” yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tenggara, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Kapit, Yang Berhormat Mambong, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan Yang Berhormat Taiping.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sebaik saya mengambil alih tampuk kepimpinan negara pada tanggal 3 April yang lalu, saya telah utarakan sebuah konsep iaitu “SATU MALAYSIA” sebagai teras pentadbiran saya. Sejak gagasan ini diketengahkan, begitu banyak perbincangan dan perbahasan telah berlangsung di kalangan rakyat di semua peringkat.

Izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bagi memperjelaskan erti atau maksud Gagasan “SATU MALAYSIA”. Seperti yang telah saya sebutkan berkali-kali sebelum ini termasuk dalam ucapan saya sempena Ulang Tahun Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada 6 Jun yang lalu, “SATU MALAYSIA” bukanlah konsep atau formula baru, sebaliknya matlamat akhir “SATU MALAYSIA” iaitu perpaduan nasional juga merupakan wawasan utama pemimpin-pemimpin negara yang terdahulu yang telah diterjemahkan dalam pelbagai rupa bentuk dan jelmaan sepanjang lebih lima dekad kita merdeka.

Jika diamati, apa yang berubah adalah pendekatan dan gerak kerja menurut kesesuaian zaman dan generasi yang silih berganti. Dalam erti kata lain, “SATU MALAYSIA” adalah satu

gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Ia bukan satu pendekatan yang terpisah dari dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada untuk mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara Malaysia.

Makanya "SATU MALAYSIA" digagaskan sebagai satu formula yang menjadi prasyarat bagi memastikan aspirasi negara iaitu Wawasan 2020 tercapai jika ia diterapkan ke dalam sanubari rakyat dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat. Jika bangsa Malaysia adalah matlamat akhir perjalanan ini, maka "SATU MALAYSIA" adalah penunjuk haluan ke arah matlamat ini.

Pengertian ini adalah bertunjangan hujah bahawa untuk mencapai status negara maju dalam jangka masa yang telah ditetapkan, syarat yang paling utama ialah sebuah negara yang kukuh dan stabil dan ini akan hanya dapat dicapai apabila rakyatnya bersatu padu. Perpaduan yang digambarkan oleh Gagasan "SATU MALAYSIA" amat berbeza dengan konsep asimilasi diamalkan oleh negara-negara lain di mana identiti kaum-kaum etnik dilenyapkan dan digantikan dengan satu identiti nasional yang sama. Ia juga sangat berbeza dari Konsep "MALAYSIAN MALAYSIA" Parti Pembangkang.

"SATU MALAYSIA" tidak sekali-kali menyimpang dari roh Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang negara sama ada secara tersurat atau secara tersirat. Malahan Gagasan "SATU MALAYSIA" kekal menjunjung semua peruntukan teras seperti Perkara 3, Perkara 4, Perkara 152, Perkara 153, Bahagian II dan Bahagian III seperti mana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, janganlah mana-mana pihak berasa khuatir atau menaruh syak serta bimbang bahawa konsep ini akan terpesong dari apa yang telah dipersetujui dan dimuafakatkan oleh bapa-bapa negara satu ketika yang lalu.

Sebaliknya "SATU MALAYSIA" menghargai dan menghormati identiti-identiti etnik setiap kaum di Malaysia dan menganggapnya sebagai satu aset atau kelebihan yang patut dibanggakan. "SATU MALAYSIA" menekankan sikap penerimaan atau dengan izin, *acceptance* di kalangan rakyat berbilang kaum di mana sesuatu kamu menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat hidup bersama dalam keadaan saling hormat-menghormati sebagai rakyat dalam satu negara.

■1030

Ia adalah peningkatan ketara dari sikap toleransi semata-mata. Menjadi asas kepada semua ini, adalah prinsip keadilan untuk semua kaum yang membawa maksud bahawa nasib semua rakyat Malaysia akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan. Keadaan ini mestilah mengambil kira taraf kemajuan kaum-kaum yang berada pada tahap yang berbeza.

Oleh itu, dasar-dasar kerajaan dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukan akan tetap dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, "SATU MALAYSIA" adalah penerusan agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar. Formula "SATU MALAYSIA" digagaskan dan dilaksanakan dalam dua aspek utama.

Aspek pertama adalah penerapan teras-teras perpaduan manakala aspek kedua adalah penerapan nilai-nilai aspirasi. Teras-teras perpaduan ada tiga perkara yang telah saya huraikan sebentar tadi iaitu:-

- (i) sikap penerimaan antara semua kaum dan rakyat Malaysia;
- (ii) prinsip-prinsip kenegaraan berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara; dan
- (iii) keadilan sosial.

Teras-teras perpaduan ini pula didukung oleh nilai-nilai murni yang perlu menjadi sebahagian daripada budaya hidup rakyat Malaysia termasuklah nilai-nilai seperti hormat-menghormati, tawaduk, kesederhanaan dalam tingkah laku dan tutur kata serta kebijaksanaan dalam sebarang keputusan dan tindakan.

Aspek kedua, formula "SATU MALAYSIA" pula menekankan lapan elemen yang perlu menjadi amalan mana-mana masyarakat yang ingin berdaya maju dan berjaya. Elemen-elemen tersebut merangkumi:

- (i) budaya kecemerlangan atau *high performance culture* dalam melaksanakan semua tugas dan tanggungjawab;
- (ii) keberanian untuk berinovasi;
- (iii) meneroka peluang-peluang baru;
- (iv) meritokrasi dalam memberikan tugas kepada yang paling layak melaksanakannya berlandaskan undang-undang dan Dasar Negara;
- (v) kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada tanah air tercinta;
- (vi) ketabahan dalam mengharungi sebarang cabaran yang mendatang;
- (vii) integriti dalam segala urusan dan transaksi; dan
- (viii) tidak kurang penting juga ialah penguasaan ilmu dan kemahiran yang sebanyak mungkin.

Pembudayaan nilai-nilai aspirasi ini akan menyerlahkan masyarakat Malaysia yang berwibawa, dihormati dan disegani bersesuaian dengan identiti sebuah negara bangsa yang maju dan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan komitmen terhadap rakyat, kerajaan telah mengutarakan tema "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" sebagai sebahagian dari

konsep "SATU MALAYSIA". Tema ini membawa maksud bahawa di samping menekankan peri pentingnya perpaduan rakyat Malaysia, kerajaan juga akan memberikan keutamaan kepada isu-isu yang dianggap penting oleh rakyat.

Kerajaan juga menekankan prestasi dan pencapaian oleh semua kakitangannya apabila berurusan dengan rakyat. Dalam kata lain, kerajaan amat memahami betapa pentingnya kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam dalam meningkatkan mutu hidup rakyat. Justeru itu pendekatan mesra rakyat akan diberi keutamaan oleh semua agensi kerajaan.

Sehubungan dengan itu, KPI akan digunakan bagi semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dan ini akan diterjemahkan pelaksanaannya ke semua peringkat termasuklah di peringkat hubungan langsung orang ramai dengan kakitangan kerajaan. Seorang menteri di Jabatan Perdana Menteri ditugaskan khas untuk memastikan kelancaran pelaksanaan KPI ini. Yang Berhormat Menteri berkenaan akan memberikan penerangan yang selanjutnya tentang KPI dan perancangan spesifik yang akan dilaksanakan bagi menterjemahkan hasrat kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, segala inisiatif ini diharapkan akan membawa perubahan yang nyata bukan sahaja pada urusan pentadbiran kerajaan tetapi lebih penting ia akan membawa penambahbaikan kepada kualiti hidup rakyat Malaysia. Di atas segala-galanya, "SATU MALAYSIA", rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan. Yakni akan menjadi satu transformasi ketara ke arah sebuah negara Malaysia yang maju didukung oleh rakyat yang utuh perpaduannya dan tinggi martabatnya pada pandangan dunia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh dinafikan "SATU MALAYSIA" adalah konsep yang adalah di *hijack* kan daripada parti DAP, "Malaysian Malaysia". [Tepuk] Akan tetapi itu adalah perkara lain. Apa yang penting adalah, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan satu ladang yang utama? Ini adalah mengenai satu insiden dalam tahun 1987. Sehari atau dua hari selepas Operasi Lalang. Adalah dikatakan dan saya mahu mendapat tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adakah ini benar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengeluarkan *currish* dia dan ada menyatakan, "*I will not put it back until this currish taste chinese bloody*". Adakah itu benar? Jika itu benar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersedia untuk meminta maaf daripada masyarakat Cina dalam negara ini? [Tepuk]

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya tidak benar sama sekali konsep "SATU MALAYSIA" ini kita tiru daripada konsep "Malaysian Malaysia". [Tepuk] Maksud "Malaysian Malaysia" jauh sekali. Yang paling penting, yang paling pokok, ia tidak berpaksi kepada Perlembagaan negara kita sama ada secara tersurat ataupun tersirat.

Yang kedua, insiden tersebut tidak berlaku sama sekali dan saya tidak pernah mengutarakan ayat yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Yang sepatutnya meminta maaf ialah Yang Berhormat yang berkenaan, bukan saya. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Datuk Halimah Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *[Dewan riuh]* Saya memohon penjelasan. Dengar, dengar dahulu. Awak ini semua tak faham, dengar! Saya memohon penjelasan lanjut daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dalam Gagasan "SATU MALAYSIA", ini Yang Amat Berhormat telah pun menegaskan bahawa rakyat diutamakan merentasi seluruh lapisan masyarakat dan kumpulan etnik di setiap pelosok negara dan memastikan tidak ada sesiapaupun yang patut merasakan diri mereka tercicir ataupun terpinggir daripada wacana nasional ini dan sejajar dan menepati dengan segala peruntukan yang ada di dalam Perlembagaan kemerdekaan negara.

Soalan saya, apakah tindakan kerajaan agar penerapan Gagasan "SATU MALAYSIA" ini dapat diterapkan dengan se pantas mungkin dalam pengamalan hidup rakyat di Malaysia ini untuk mengelakkan daripada diambil kesempatan dan untuk mengelakkan daripada memberikan ruang kepada mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab dan mahu menanggung di air yang keruh.

Saya mahukan penjelasan yang lebih fokus lagi tentang perbezaan antara Gagasan SATU MALAYSIA daripada konsep "Malaysian Malaysia" yang sengaja dilaung-laungkan oleh parti pembangkang. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan saya sebentar tadi, jawapan tersebut boleh dijadikan asas penjelasan kepada rakyat jelata.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh memainkan peranan ke arah ini dan kita akan tugaskan agensi-agensi kerajaan dan juga media masa serta juga orang ramai dan NGO untuk menghuraikan Konsep "SATU MALAYSIA". Saya tidak mahu Konsep "SATU MALAYSIA" ini terlalu *rigid* Tuan Yang di-Pertua sehinggakan kita tidak ada ruang untuk menerima pandangan-pandangan. Akan tetapi apa yang penting sekali ialah konsep itu tetap diasaskan kepada prinsip-prinsip yang telah saya gariskan tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

■1040

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat ada jawab beberapa ramai Ahli Parlimen dan panjang lebar. Bukankah kita ada lebih masa untuk kemukakan *supplementary*? Sekurang-kurangnya tiga, empat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, kalau ada tidak kekecohan pagi tadi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini mustahak ..

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu ini semua mustahak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: “ONE MALAYSIA” moto Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bolehkah kemukakan soalan tambahan. Mementingkan maklumat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Semua penting Yang Berhormat Ipoh Timur tetapi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan, tidak ada lebih penting daripada ini.

Seorang Ahli: Satu Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini lebih penting, Satu Malaysia. Bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan saya yang singkat tidak boleh. Biarlah lain kali Yang Berhormat Ipoh Timur bahas.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Lain kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada di sini lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Lain kali. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur.

2. Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kewajaran dan peruntukan undang-undang yang membolehkan polis menceroboh persidangan Dewan Undangan Negeri Perak pada 7 Mei 2009 dan mengheret keluar Speaker yang sedang melaksanakan tugas ketika persidangan tersebut berjalan.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Beruas 17 Jun 2009, soalan nombor 36 dan pertanyaan daripada Yang Berhormat Padang Serai pada 30 Jun 2009 soalan nombor 89 kerana pertanyaan-pertanyaan ini ada kaitan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semasa persidangan Dewan Undangan Negeri DUN Perak ke-12 yang diadakan pada 7 Mei 2009, DUN Perak telah membuat pemilihan Speaker yang baru dengan memilih Datuk Ganesan bagi menggantikan Yang Berhormat Sivakumar Varatharaju Naidu.

Lantaran daripada pelantikan Speaker baru yang dibuat oleh Dewan, Yang Berhormat Sivakumar akur dengan keputusan dan gagal meninggalkan kerusi Speaker sedangkan pada waktu itu beliau tidak lagi memegang jawatan tersebut. Walaupun beliau telah berulang kali diarahkan keluar, beliau didapati masih ingkar berbuat demikian sehinggakan Speaker yang baru dilantik Yang Berhormat Datuk R. Ganesan meminta Bentara untuk mengeluarkan beliau dari Dewan.

Oleh kerana keadaan ketika itu huru-hara dan kemungkinan berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan maka Speaker baru ...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta maaf Ahli Yang Berhormat, saya terpaksa ganggu. Yang Berhormat Beruas saya sudah arah untuk keluar. Sila Yang Berhormat keluar. Yang Berhormat Beruas, sila keluar.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 44, apabila Speaker membuat *ruling* untuk mengusir seseorang Ahli-ahli Yang Berhormat dan tidak tetapkan hari berapa, Peraturan Mesyuarat 44 tidak lebih daripada 10 hari. Apabila Speaker tidak menentukan bermakna dua hari termasuk pada hari ini. Maka Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan tadi itu terkena dua hari, tidak boleh masuk. Sila.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Walaupun beliau telah berulang kali telah diarahkan keluar, beliau didapati masih ingkar berbuat demikian sehinggakan Speaker yang baru dilantik Yang Berhormat Datuk R. Ganesan meminta bentara untuk mengeluarkan beliau dari Dewan.

Oleh kerana keadaan ketika itu huru-hara dan kemungkinan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini maka Speaker baru telah meminta polis masuk ke dalam Dewan untuk menenteramkan keadaan dan membantu bentara untuk mengeluarkan Speaker yang lama daripada Dewan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat tindakan Speaker memanggil polis untuk membantu menenteramkan keadaan dan membantu bentara untuk mengeluarkan Speaker yang lama dari Dewan berlandaskan kepada perintah-perintah 89 dan 90 perintah-perintah tetap DUN Perak Darul Ridzuan. Maka dakwaan Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Beruas bahawa pihak polis telah mencerobohi DUN Perak adalah tidak benar.

Ini kerana tindakan pihak polis masuk ke dalam Dewan adalah atas permintaan Speaker Dewan dan bukan dibuat atas arahan mana-mana pegawai polis seperti mana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Pihak polis hanya membantu bentara DUN Perak menjalankan arahan Speaker mengeluarkan Yang Berhormat Tuan Sivakumar dalam Dewan bagi memastikan sidang Dewan dapat berjalan dengan lancar tanpa gangguan lagi, terima kasih.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, lebih satu juta rakyat menonton *you tube* tentang apa yang sebenarnya berlaku dan tidak seperti mana yang didakwa oleh Yang Berhormat Menteri ataupun media rasmi yang di dokong oleh Yang Berhormat Menteri. Dalam gambaran itu jelas bahawa sidang yang dibuat oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dari UMNO dan Barisan Nasional di bawah sidang sementara Speaker seperti mana Tuan Yang di-Pertua masih di kerusi.

Walau bagaimanapun, pertikaian itu belum ada kesudahannya. Apa alasan untuk pihak polis mengambil sikap yang diskriminatif memilih Speaker yang di bawah menolak hak Speaker yang di atas. Ini soal prinsip. *[Tepuk]* Menteri Dalam Negeri boleh jawab sewenang-wenangnya tetapi harus ingat bahawa lebih sejuta rakyat menonton apa yang berlaku.

Jadi sebab itu, yang sebab-sebab kita mengatakan pencerobohan Tuan Yang di-Pertua mengambil kira peraturan 89 dan 90 dengan kuasa Speaker yang belum sah dan diketahui oleh pihak polis hanya membuktikan bahawa ada usaha yang bersekongkol melanggar peraturan dan tidak menghormati kemuliaan Dewan Undangan Negeri. Apakah Yang Berhormat Menteri boleh bagi jaminan perkara sedemikian tidak harus berlaku.

Jadi soalnya jaminan Menteri tidak berlaku di Dewan Undangan Negeri mana-mana dan tidak akan berlaku di Dewan Parlimen ini sehingga terjejas nanti kedudukan Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, Menteri boleh bagi jaminan di atas amanah dan juga tanggungjawab Menteri dan pihak IGP untuk memastikan keadaan tenteram. Kita buat jawapan tadi tidak secara sewenang-wenangnya kerana apa yang dilakukan berasaskan kepada batas perundangan dan juga permintaan Speaker Dewan dan sekiranya Yang Berhormat merasakan bahawa apa yang dilakukan, apa yang dinyatakan di sini saya sudah ulang-ulang kali menyatakan bahawa kita tidak boleh meletakkan diri kita melebihi undang-undang negara.

Kalau kita tengok Akta Polis 1967 dari segi seksyen 4(1) dengan izin "*The Force shall be under the command of an Inspector General who shall be a police officer and shall be responsible the Minister for the control and direction of the Force and all other persons appointed or engaged for police duties*".

Seksyen 33, "*The Force shall subject to this Act be employed in and throughout Malaysia (including the territorial waters thereof) for the maintenance of law and order, the preservation of the peace* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Bermakna *absolute responsibility* atau tanggungjawab hakiki, tanggungjawab mutlak berada di atas bahu dan kepala IGP dan Menteri berkenaan. Kalau sekiranya Yang Berhormat Permatang Pauh merasakan apa yang saya nyatakan di Dewan yang mulia ini tidak jelas dan dilakukan secara sewenang-wenangnya dengan apa yang berlaku di Dewan Undangan Negeri merupakan satu kesalahan dari segi undang-undang ambillah tindakan mahkamah terhadap kami dan kita tidak takut untuk berdepan dengan undang-undang yang ada.

Datuk Ir Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jangan pelik, kita boleh berada di mana-mana tetapi peranan dan tanggungjawab kita itu sama mempertahankan.

Seorang Ahli: Jangan perli, itu memperli.

■ 1050

Datuk Ir Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk menambah soalan ini dan saya yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua telah melaksanakan tugas dengan baik. Kita tengok virus-virus malapetaka Dewan Undangan Negeri Perak cuba dibawa ke Dewan Parlimen tetapi.... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Soalan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua amat berwibawa. Tuan Yang di-Pertua, pada saya apa yang berlaku di Dewan Undangan Negeri Perak itu bukanlah satu perkara yang lucu tetapi ia merupakan satu malapetaka, dan malapetaka itu dibawa oleh pihak yang tidak bertanggungjawab seperti bekas Menteri Besar, Ahli kita yang baru tadi.

Seorang Ahli: Heh!

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta, jangan layanlah mereka yang ikat kepala itu kerana kepala dia retak, sebab itulah otak dia tidak betul...

Beberapa Ahli: *[Ketawa] [Tepuk]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri...

Seorang Ahli: Tarik balik!

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Soalan saya... Buat apa hendak tarik balik? Memang betul, orang yang ikat kepala itu kepala dia pecah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah soalan tambahan itu dikemukakan sekarang?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita lihat di TV, di radio, dan surat khabar mungkin berbeza apa yang sebenarnya berlaku di dalam Dewan. Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, banyak barang, mikrofon, meja patah, rosak dan sebagainya. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, ada tak laporan polis dibuat, dan yang kedua Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya juga, selepas pihak polis campur tangan di dalam perjalanan Dewan Undangan Negeri ini, apakah yang berlaku selepas itu, setelah Yang Maha Mulia Tuanku tunggu sekian lama. Adakah perjalanan mesyuarat berlaku dengan mengikut *order of the day*; dan yang ketiga Yang Berhormat Menteri, saya hendak tahu, ada laporan mengatakan salah seorang yang masuk ke dalam Dewan membawa senjata api. Ini *mechanism of control*, keselamatan yang masuk. Apa berlaku dengan proses keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia sebelum masuk ke Dewan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan daripada Barisan Nasional. Bukan macam sebelah sana... *[Dewan Riu]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Sememangnya kita boleh membuat *selective reporting* atau memaparkan gambar-gambar dan visual tertentu mengikut cita rasa dan niat-niat pihak-pihak berkenaan tetapi kita tidak boleh lari daripada apa yang sebenarnya berlaku di Dewan Undangan Negeri Kedua Belas, Perak Darul Ridzuan pada 7 Mei 2009.

Hakikatnya apa yang berlaku terkandung di dalam Hansard Dewan berkenaan dan daripada muka surat pertama kita lihat gangguan demi gangguan. Muka surat enam sahaja

dicatat oleh Hansard, bukan saya. Kita boleh hitung, lapan catatan gangguan. Muka surat tujuh sembilan gangguan termasuklah sehingga pertengahannya bila Hansard sendiri menyatakan dan mencatatkan, Dewan dalam keadaan kecoh yang berpanjangan; Dewan dalam keadaan kelam-kabut; Dewan masih lagi kecoh dengan laungan yang perkataannya tidak jelas. Kemudian terdengar perkataan-perkataan yang tidak jelas; Dewan masih kecoh dengan suara-suara yang sukar untuk difahami; dan apabila tindakan telah pun diambil supaya untuk menenteramkan keadaan.

Saya hendak jawab kepada Yang Berhormat bahawa sebenarnya selepas muka surat 24, di mana Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan kita lihat bahawa Baginda diberikan, dapat ruang untuk Titah tanpa ganggu lagi. Jadi apa yang kita lakukan ialah untuk memastikan bahawa perjalanan Dewan itu berjalan dengan lancar dan sebenarnya itulah merupakan tanggungjawab yang terpaksa kita lakukan dan kalau ianya diputar belit untuk kepentingan politik atau gambaran visual di dalam Dewan, itu digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu, itu kita tidak boleh sekat tetapi sekurang-kurangnya di dalam Dewan yang mulia ini, kita boleh bentangkan apa sebenarnya berlaku.

Jadi bermakna bahawa, selepas tindakan yang diambil Dewan Undangan Negeri Perak dapat berjalan dengan lancar. Sama juga dengan isu-isu lain yang ada sampingan. Sebenarnya ini bukan merupakan mahkamah dan sekiranya kalau pihak-pihak berkenaan ingin membawa perkara ini ke mahkamah maka saksi-saksi yang terlibat akan dapat berhadapan di mahkamah dan memberi penjelasan, dan itulah cara sistem negara kita. Inilah caranya untuk kita mendapat tahu sebenarnya apa yang berlaku. Di situlah kita dapat tahu dari segi *statements* yang dibuat di pihak polis yang kita telah terima, kita telah teliti, telah dikaji tetapi ini bukan masanya untuk kita bawa saksi-saksi, himpunkan di dalam Dewan ini untuk membicarakan sebegitu. Jadi gunalah saluran yang tertentu dan biar kita lihat kepada apa yang sebenarnya berlaku dan mereka yang bertanggungjawab akan membuat keputusan. Terima kasih.

3. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah pihak kementerian berhasrat untuk membuat Penyelarasan dengan Penggunaan Satu (Format) mengenai Sistem Pendaftaran eKasih SPKR (Skim Program Kesejahteraan Rakyat) dan PBR (Program Bantuan Rumah) serta lain-lain Agensi Kerajaan; dan
- (b) adakah pihak kementerian berhasrat untuk menyelaraskan Pemberian Bantuan ini kepada satu Agensi Kerajaan sahaja kerana buat masa kini sudah terdapatnya permohonan serta kelulusan yang bertindih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Bintulu.

- (a) Kerajaan telah membangunkan Bank Data Nasional yang dikenali sebagai eKasih. Sistem maklumat bersepadu ini dibangunkan bertujuan

untuk menyeragamkan maklumat ketua isi rumah (KIR) dan ahli isi rumah atau AIR, miskin dan miskin tegar di kawasan luar bandar dan bandar termasuk mereka yang tersenarai di bawah skim pembangunan Skim Program Kesejahteraan Rakyat (SPKR).

Melalui eKasih, maklumat peserta yang layak menerima bantuan di bawah semua agensi yang terlibat dengan pembasmian kemiskinan boleh diakses bagi tujuan perancangan permohonan bantuan dan menentukan saluran penyampaian yang bantuan bersesuaian. Ini termasuklah mereka yang tersenarai layak untuk menerima bantuan di bawah Program Bantuan Rumah (PBR).

Untuk soalan yang kedua,

- (b) Sememangnya buat masa ini terdapat pelbagai kementerian dan agensi yang terlibat dalam pembasmian kemiskinan mengikut kawasan dan kriteria kumpulan sasar berdasarkan kepada pengkhususan dan kepakaran yang terdapat di kementerian dan agensi masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak lima agensi terlibat atau kementerian. Walau bagaimanapun, penyelarasan dari segi penetapan dasar, perancangan, pelaksanaan, dan pemantauan projek dan program bagi mengelakkan pertindihan penyampaian bantuan dilaksanakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri di peringkat Pusat dan pejabat pembangunan negeri di peringkat negeri.

Penubuhan *focus group* mengenai pembasmian kemiskinan di peringkat Pusat, negeri dan daerah memastikan penyelarasan dilaksanakan dengan lebih berkesan. Kerajaan tidak berhasrat untuk menyerahkan kepada satu agensi sahaja melaksanakan program pembasmian kemiskinan. Ini kerana melalui mekanisme *focus group* di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah pertindihan penerima bantuan dapat dielakkan memandangkan kesemua penerima bantuan yang layak adalah melalui satu sistem iaitu eKasih sahaja. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sedar atau tidak, dalam jawapan memang baik, sejauh mana pelaksanaan? Sekarang dalam sistem kita agensi dan kementerian masing-masing maklumat yang lain. Inilah kita hendak tanya macam mana kita ada satu format untuk sistem pendaftaran kita, eKasih negara kita. Sekarang kementerian contohnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat maklumat lain. Di sini saya mahu tanya, sejauh manakah skim pemberian bantuan tersebut dalam menyelesaikan masalah kebajikan yang dihadapi oleh golongan rakyat yang tidak berkemampuan.

Kedua, berapakah kadar peratus penduduk di Sarawak khususnya di kawasan Bintulu mendapat faedah melalui kedua-dua program tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan S. K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat daripada Bintulu. Baik. Oleh kerana program ini ataupun *focus group* dan juga eKasih ini dimulakan pada 8 Ogos 2007 diluluskan oleh Kabinet dan kemudiannya *focus group* dibentuk pada 1 November 2007, maka setakat ini, program ini sedang berjalan. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Bintulu, di peringkat daerah, Mesyuarat Tindakan Daerah ada *focus group*, di mana *focus group* ini dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Semua pegawai dan agensi berkenaan akan diwakili di situ dan di peringkat kampung, penghulu-penghulu akan mengutip data dan bawa ke peringkat ini.

■ 1100

Sekiranya ada data-data yang tertinggal, diminta kerjasama daripada ahli-ahli Yang Berhormat untuk sampaikan maklumat-maklumat itu kepada saluran-saluran tertentu. Oleh kerana kemiskinan ini adalah sesuatu yang anjal, oleh kerana mobiliti sosial boleh berlaku kerana kadar kemiskinan kita ada 720 untuk golongan miskin dan miskin tegar adalah 430. Itulah kadar yang ditetapkan di peringkat Persekutuan oleh pihak-pihak tertentu ataupun pihak kerajaan.

Maka dalam konteks itu kadang-kadang, penerima itu boleh keluar daripada kemiskinan. Maka terpaksa data itu dikeluarkan dan bantuan itu disalurkan kepada pihak yang memerlukannya. Oleh kerana keanjalan ini mungkin ada yang tertinggal, tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa projek eKasih ini suatu yang penting. Sekiranya ada keluarga-keluarga yang miskin, isi rumah yang miskin yang tertinggal daripada pendaftaran ini, tolong maklumkan kepada semua kementerian atau agensi di peringkat daerah supaya bantuan itu dapat disalurkan.

Terlalu banyak bantuan telah diberikan, saya tidak ada masa untuk menyatakan satu persatu. Maka itulah jaminan yang saya berikan, saya minta supaya Yang Berhormat kalau di peringkat Sarawak pula, di keseluruhan Sarawak datanya adalah jumlahnya 20,600 isi rumah yang dikenal pasti di Sarawak, tetapi untuk Yang Berhormat Bintulu, saya akan bekalkan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, walaupun sistem ataupun pendekatan eKasih ini telah pun diperkenalkan oleh pihak kerajaan, soalan saya adalah adakah kerajaan benar-benar telah ada suatu *database* tentang isu kemiskinan ini. Sama ada kemiskinan tegar atau kemiskinan yang berbentuk relatif kerana saya melihat masih ada banyak lagi kerenah birokrasi yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat miskin ini untuk mereka mendapat bantuan. Sebagai contoh ibu-ibu tunggal dan juga rakyat yang miskin di peringkat kampung. Kadang-kadang mereka menghadapi masalah tentang bagaimana mereka hendak mendapatkan bantuan itu. Kerenah birokrasi masih berjalan. Jumpa

penghulu, pergi ke pejabat, balik semula ke kampung hendak berjumpa dengan ketua kampung dan sebagainya.

Adakah ini akan dapat menyelesaikan, eKasih ini dapat menyelesaikan masalah ini sedangkan kerenah birokrasi sedangkan saya melihat *database* itu sendiri terima kasih ada, tidak lengkap lagi untuk menyelesaikan masalah ini. Adakah pihak kementerian Yang Berhormat akan memperbaiki sistem ini supaya rakyat di kampung ataupun masyarakat miskin ini dapat menikmati sebenarnya daripada sistem eKasih ini. Terima kasih.

Tuan S. K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian.

Tuan S. K. Devamany: *Sorry*, Kubang Kerian saya ingin memberi jaminan bahawa memang pendaftaran golongan miskin ini terbuka setiap masa. Daripada awal tahun sampai hujung tahun. Baru-baru ini saya ingin mengatakan di sini bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah pun mengujudkan pegawai-pegawai cari oleh kerana masalah sebegini dan ada yang mengatakan bahawa ada kumpulan sasaran tertinggal daripada penerimaan bantuan ini.

Maka Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah pun menggaji 800 pegawai untuk turun padang untuk mencari orang miskin ini pergi ke rumah mereka dan mencari orang sebegini dan didaftarkan supaya mereka tidak tertinggal daripada pendaftaran eKasih ini. Sekiranya ada yang tertinggal, saya minta kerjasama Yang Berhormat supaya sampaikan maklumat kepada kami melalui Parlimen dan saluran di sini atau di peringkat daerah atau peringkat negeri supaya kita pastikan bahawa bantuan itu dapat disalurkan. Itu sahaja jaminan yang boleh saya bagi. Saya sentiasa ada di sini, tolong jumpa dengan kami. Terima kasih Yang Berhormat.

4. Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan:

- (a) mengapa mengikut senarai konservasi Jabatan Warisan Negara 2006-2008, hanya sembilan projek diperolehi untuk Pulau Pinang, berbanding 49 untuk Melaka; dan
- (b) berapakah pula bilangan projek, jenis projek dan kos yang diperuntukkan kepada Pulau Pinang bagi tahun 2009 dan 2010.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan [Puan Heng Seai Kie]: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Bagan atas soalan yang dikemukakan. Yang Berhormat Menteri Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim menyampaikan salam. Beliau meminta maaf tidak dapat hadir hari ini kerana dikehendaki menghadiri Mesyuarat Komunikasi di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak lapan projek dengan nilai RM4,499,367.70 telah diperuntukkan kepada negeri Pulau Pinang untuk tujuan pemuliharaan warisan. Projek-projek yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh 2006 hingga 2008 ialah sebanyak tujuh projek, bukannya sembilan seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Bagi negeri Melaka pula, diperuntukkan sebanyak 24 projek dan bukannya 49 seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi tempoh yang sama.

Untuk makluman Yang Berhormat, negeri Melaka mempunyai jumlah projek yang lebih banyak kerana Melaka mempunyai jumlah monumen bersejarah yang banyak dan berusia lebih daripada 300 tahun berbanding dengan negeri Pulau Pinang. Tambahan pula negeri Melaka juga mempunyai Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya Negeri Melaka 1988, yang menjadi penggerak kepada aktiviti konservasi.

Peruntukan bagi projek-projek ini adalah berasaskan permohonan dan justifikasi. Dari segi peruntukan walaupun bilangan projek di negeri Pulau Pinang adalah kecil, tetapi setiap projek adalah diberikan peruntukan yang besar, sebagai contoh.

Dan ini juga bagi menjawab soalan Yang Berhormat iaitu bahagian,

- (b) iaitu bagi tahun 2009, walaupun hanya satu projek yang telah diperuntukkan untuk Pulau Pinang, tetapi kosnya adalah besar iaitu sebanyak RM200 juta iaitu di atas kerja-kerja konservasi, Gereja St. George, dan ia dijangka siap pada tahun 2010.

Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Senator tentang angka yang disebutkan tadi. Mungkin kalau ini tidak tepat, harap beliau boleh betulkan *website* yang telah dipamerkan butiran tersebut di mana dinyatakan di antara 2006-2009 ada sebanyak sembilan projek diperoleh oleh Pulau Pinang berbanding dengan 49 untuk Melaka dan ini adalah angka-angka yang telah pun disahkan oleh pihak kementerian dan pegawai-pegawai kementerian. Kalau begitu, maklumat ini boleh dibetulkan.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Georgetown bersama-sama dengan Melaka merupakan Tapak Warisan Sedunia UNESCO, bukankah kita harus menitikberatkan yang sama kepada Georgetown. Sungguhpun kita lihat dari segi konservasi,

sedarkah Yang Berhormat Senator, bahawa negeri-negeri lain yang tidak mendapat pengiktirafan UNESCO memperolehi projek konservasi yang jauh lebih besar daripada Pulau Pinang.

Kalau kita lihat dari segi aspek jumlah-jumlah projek yang telah diperuntukkan, Pulau Pinang di antara 2006-2008 hanyalah pada tahap tangga kesembilan berbanding dengan negeri-negeri lain. Saya rasa ini tidak mencerminkan status Georgetown sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO dan ini saya rasa tidak menunjukkan *emphasis* ataupun penekanan ke atas status yang susah didapati daripada UNESCO.

■1110

Dari segi jumlah peruntukan ini, bolehkah saya tahu kalau di antara RMK-9 ini menyatakan RM4.3 juta. Bolehkah saya tahu berapakah yang diberikan kepada Melaka, dan apakah keseluruhan peruntukan yang telah dibelanjakan. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya rasa, ini adalah perkara penting kerana kita harus tunjuk kepada dunia. [*Dewan riuh*]

Bahawa Georgetown dan Melaka sebagai bandar raya warisan berkembar, haruslah diberikan penekanan bersama, kalau tidak macam mana kita hendak tunjukkan kebanggaan yang sekarang diidam-idamkan oleh negeri-negeri lain. Sekian, terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Bagan di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Jadi kami mengambil maklum tentang isu yang telah dibangkitkan, dan akan mengambil langkah untuk mengemaskinikan maklumat di *website*. Bagi soalan yang kedua, tentang peruntukan. Jumlah peruntukan yang diluluskan antara Pulau Pinang dengan Melaka, seperti mana yang saya telah nyatakan, peruntukan bagi projek-projek yang diluluskan itu adalah berasaskan kepada permohonan yang dikemukakan dan justifikasi untuk diberikan status tersebut.

Bagi menjawab soalan yang ketiga, yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu tentang jumlah peruntukan yang diberikan untuk Melaka.

Negeri	Tahun	Jumlah peruntukan diluluskan
Melaka	2006	RM1,128,121.50 sen
	2007	RM2,943,158.00
	2008	RM2,013,211.00

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sebab mungkin Ahli Yang Berhormat Bagan tidak tahu.. [*Dewan riuh*]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dalam Kabinetlah, dalam Kabinetlah, *you ask in the Cabinet, not here.* [*Dewan riuh*].

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Minta penjelasan, minta penjelasan..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *You ask in the Cabinet, not here.*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat Bagan .. [*Dewan riuh*]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: One Malaysia, apa ini semua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Bagi penjelasan, okey. Saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: Dia jaga KPI. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat..

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Bagan, tak payahlah Bagan. Yang Berhormat Senator, biarlah penjelasan-penjelasan itu minta dari Yang Berhormat Bagan, selepas itu kita *break lunch*, berceritalah di luar, tidak ada dalam urusan mesyuarat yang saya tahu boleh buat begitu.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan dari BN?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dari BN soalan tambahan?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Balik Pulau, Balik Pulau.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Tangga Batu.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Balik Pulau!

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, inilah hikmahnya bila duduk di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Balik Pulau, kita sudah buat pendirian bahawa dalam sesi begini, mesti bergilir-gilir, sila, Tangga Batu tolong *straight to the point*, jangan lagi ada bunga-bunga.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya akur, saya akur..

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Mohon penjelasan, mohon sedikit penjelasan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya akur, saya akan *straight to the point*.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan sikit.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ini dah keluar, TV dah keluar, semua pun tak dapat juga.

Tuan Yang di-Pertua: Lain kali dapat, saya janji akan dapat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih di atas keprihatinan kementerian, kerana memberi peruntukan kepada Kerajaan Negeri Melaka di atas kerja-kerja konservasi ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika ada tindakan-tindakan yang melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Badan Warisan Dunia ini, oleh negeri Pulau Pinang umpamanya, yang mana antaranya akan memberi kesan kepada Melaka.

Apakah kuasa yang ada pada kementerian untuk kalau boleh memisahkan dua-dua negeri ini, supaya kesilapan yang dilakukan oleh negeri Pulau Pinang, tidak akan memberi kesan kepada Kerajaan Negeri Melaka, kerana negeri Melaka memang begitu aktif di dalam kegiatan mempromosikan warisan ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu atas soalan tambahan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, bagi pihak kementerian kedua-dua buah negeri Pulau Pinang dan juga negeri Melaka adalah sama-sama pentingnya kepada kementerian, sebagai satu bandar warisan dunia, dan kalaulah berlaku kesilapan dalam mana-mana perkara, adalah menjadi tanggungjawab kementerian untuk memberikan pemantauan, supaya kita dapat mengekalkan status kedua-dua bandar ini sebagai tapak warisan dunia. Sekian, terima kasih.

5. Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu bakar [Jerantut] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah benar Pakej Rangsangan Ekonomi yang dikemukakan oleh kerajaan baru-baru ini akan pergi kepada sasaran yang tepat iaitu untuk membantu rakyat, terutama rakyat di kawasan luar bandar.

Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Jerantut, bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat Parit Sulong, Bandar Tun Razak, Shah Alam, Lenggong, Kepong, Kulai, Rantau Panjang, Kuala Langat, Libaran, Alor Gajah, Gelang Patah, Rembau dan Kinabatangan, yang dijadualkan dijawab pada 15 Jun serta pada 16, 17 dan 18 Jun, kerana menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama, iaitu berkaitan Pakej Rangsangan Ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada menerima kesan krisis ekonomi global yang telah merosot lebih daripada yang dijangkakan. Pada suku pertama 2009, Malaysia telah mengalami kemerosotan

pertumbuhan ekonomi dengan mencatat KDNK sebenar pada kadar -6.2%. Ini merupakan pertumbuhan ekonomi negatif suku tahunan pertama yang dialami sejak suku ketiga tahun 2001.

Pertumbuhan negatif ini disebabkan terutamanya oleh kesan kelembapan ketara ekonomi dunia, dan perdagangan antarabangsa yang telah menjejaskan permintaan eksport negara sejak separuh kedua 2008. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah pun menyemak semula unjuran kadar pertumbuhan ekonomi dunia 2009, daripada +0.5% kepada -1.3%, dan perdagangan dunia 2009, daripada +2.1% kepada -11%.

Negara-negara maju dan membangun juga dijangka mencatat penguncupan ekonomi atau kadar pertumbuhan yang lebih perlahan. Berdasarkan situasi ekonomi semasa, kerajaan menjangkakan persekitaran ekonomi global bagi tahun 2009, adalah lebih sukar dan mencabar, perkembangan ini jelas dilihat melalui penunjuk-penunjuk ekonomi domestik yang mengamalkan trend yang menurun, seperti nilai eksport, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) dan perbelanjaan pelaburan.

Berikutan dengan ini, kerajaan telah membuat semakan semula unjuran kadar pertumbuhan KDNK Malaysia, bagi tahun 2009 daripada antara -1% kepada +1% kepada -4% hingga -5%.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari situasi ekonomi yang semakin mencabar, kerajaan terus komited untuk mengurangkan kesan kelembapan ini, supaya ekonomi negara kembali cergas dan beransur pulih.

■1120

Untuk tujuan ini, sebanyak RM7 bilion telah diperuntukkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama pada 4 November 2008. Manakala Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua yang telah diumumkan pada 10 Mac 2009 dengan peruntukan RM60 bilion. Pakej kedua ini adalah lebih komprehensif serta meliputi semua sektor ekonomi dan akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun iaitu 2009 dan 2010. Kerajaan akan memastikan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama dan Kedua serta perbelanjaan bajet tahunan dilaksanakan segera dan memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menubuhkan Unit Pengurusan Projek atau PMU bagi memantau pelaksanaan Pakej Rangsangan Satu dan Kedua. Tindakan yang diambil oleh PMU untuk memastikan perbelanjaan dan prestasi kelancaran projek adalah seperti berikut.

- (i) mendapatkan Laporan Kemajuan Pelaksanaan Projek tiap-tiap minggu daripada semua agensi pelaksana pada setiap hari Rabu;
- (ii) mengadakan mesyuarat berkala dengan semua agensi pelaksana bagi mendapatkan maklumat dan menyelesaikan masalah berbangkit;
- (iii) memantau terus dengan kementerian-kementerian yang mempunyai masalah dalam pelaksanaan projek;

- (iv) mesyuarat setiap minggu oleh Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan bagi menyelesaikan masalah yang timbul dan memastikan pelaksanaan program dan projek mengikut jadual; dan
- (v) Laporan Kemajuan Pelaksanaan Projek dikemukakan terus kepada Majlis Ekonomi yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri tiap-tiap dua minggu sekali.

Sebarang masalah di dalam pelaksanaan projek-projek akan diselesaikan di Majlis Ekonomi ini yang berfungsi dengan izin sebagai *one stop agency*.

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah RM7 bilion yang diperuntukkan untuk Pakej Rangsangan Satu ataupun Pertama, 99% atau RM6.95 bilion telah diagihkan. Daripada jumlah ini, sebanyak RM4.02 bilion atau 57.9% yang melibatkan 43,681 projek telah ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor yang berjaya manakala bakinya sedang dalam proses untuk ditawarkan. Sehingga 5 Jun 2009, sebanyak 10,979 projek bernilai RM1.4 bilion telah siap dilaksanakan. Ini turut melibatkan projek-projek kecil seperti menaik taraf, membaik pulih jalan luar bandar, jambatan, sekolah dan hospital yang berjumlah RM500 juta telah dilaksanakan.

Di samping itu, Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam atau PIA dan Projek Infrastruktur Asas atau PIAS bernilai RM592 juta turut dilaksanakan. Projek Rumah Mesra Rakyat yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM200 juta bagi membina 2,664 unit rumah telah dilaksanakan dengan segera. Pelaksanaan projek ini telah memberi kesan positif pada aktiviti sektor pembinaan pada suku pertama tahun 2009 di mana sektor ini telah mencatat pertumbuhan sebanyak 0.6%. Pelaksanaan projek tersebut telah memberi peluang pekerjaan dan pendapatan kepada kontraktor-kontraktor kecil terutama di kawasan luar bandar.

Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pula, sejumlah 7,811 projek bernilai RM4.2 bilion telah diagihkan sehingga 5 Jun 2009. Daripada jumlah projek tersebut, sebanyak 453 projek bernilai RM1.2 bilion telah disiapkan. Ini turut melibatkan projek-projek PIA dan PIAS bernilai RM173 juta yang melibatkan 2,686 projek yang mana memberi lebih tumpuan kepada negeri Sabah dan Sarawak.

Pakej rangsangan ini merupakan pakej yang komprehensif yang turut mengambil kira usaha mengurangkan beban rakyat dalam mengharungi kemelesetan ekonomi. Kerajaan telah menambah peruntukan sebanyak RM674 juta sebagai subsidi untuk mengelakkan kenaikan harga bahan makanan harian seperti gula, roti dan tepung. Ini telah membantu mengurangkan kadar inflasi kepada 3% pada bulan April 2009 berbanding dengan 8.5% pada bulan Julai dan Ogos 2008.

Bagi meringankan beban pekerja yang diberhentikan serta penganggur termasuk siswazah, kerajaan telah membelanjakan RM460 juta untuk menyediakan peluang latihan kemahiran dan teknikal kepada mereka. Perbelanjaan ini juga termasuk pemberian elaun harian

berjumlah RM500 sehingga RM1,800 sebulan. Sehingga Jun 2009, seramai 3,200 orang pelatih sedang mengikuti Program Latihan Kemahiran dan Teknikal di pusat-pusat latihan kemahiran negeri dan dijangka seramai 12,000 orang pelatih akan mengikuti program ini sehingga pertengahan tahun 2010.

Di samping itu, program melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan PhD turut mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kesemua peruntukan berjumlah RM200 juta telah habis diagihkan. Selain itu, sebanyak 4,869 kekosongan jawatan di pelbagai agensi dalam sektor awam juga telah diisi. Proses pengambilan sedang berjalan dan dijangka 63,000 jawatan akan dapat diisi menjelang tahun 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, trend bilangan pemberhentian pekerja telah mula reda dengan bilangan telah berkurangan daripada 7,665 pada bulan Disember 2008 kepada 3,085 pada bulan Mei 2009.

Tuan Yang di-Pertua, Pakej Rangsangan Kedua juga telah memberi penekanan bagi membantu sektor swasta dalam menghadapi kesan krisis ekonomi global. Kerajaan telah menubuhkan dana jaminan pada 15 Mei 2009 dengan modal berbayar sebanyak RM1 bilion yang dijangka dapat menyediakan penambahan kredit kepada syarikat swasta untuk memperoleh pembiayaan dalam pasaran modal. Di samping itu, bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana untuk mendapatkan pembiayaan modal kerja dari institusi kewangan, kerajaan telah menyediakan Skim Dana Jaminan Modal Kerja yang bernilai RM5 bilion.

Sehingga 9 Jun 2009, sejumlah 1,381 permohonan dengan nilai jaminan RM1.3 bilion telah diluluskan manakala Skim Dana Jaminan Penstrukturan Semula Industri yang juga bernilai RM5 bilion telah disediakan untuk meningkatkan produktiviti dan nilai tambah yang lebih tinggi serta menggalakkan aplikasi teknologi hijau. Sehingga 9 Jun 2009, sebanyak 29 permohonan dengan nilai jaminan RM80 juta telah dilaksanakan ataupun diluluskan. Langkah-langkah ini telah meningkatkan keupayaan syarikat swasta yang terlibat untuk terus beroperasi dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu. Krisis ekonomi global ini memberi peluang kepada kerajaan melaksanakan, memperkukuh dan mengembangkan kapasiti negara bagi memastikan ekonomi lebih berdaya tahan dan mempunyai asas yang kukuh apabila keadaan kembali pulih.

Tumpuan akan diberi kepada pelaburan domestik yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Untuk ini, kerajaan telah mengumumkan langkah liberalisasi terutamanya dalam sektor perkhidmatan di mana 27 subsektor perkhidmatan telah diliberalisasikan. Kerajaan juga sedang mengkaji untuk menambah baik prosedur Jawatankuasa Pelaburan Asing atau FIC bagi meningkatkan pelaburan. Saya akan membuat pengumuman pada 30 Jun akan datang mengenai perkara ini sempena Invest Malaysia 2009.

Inisiatif kerajaan untuk memulihkan ekonomi telah dapat memberi keyakinan kepada para pelabur terutama dalam pasaran ekuiti. Ini jelas apabila indeks komposit Kuala Lumpur

mencatatkan peningkatan ketara sejak Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua diumumkan. KLCI telah melonjak sehingga 1,072.85 mata pada 8 Jun 2009 berbanding 855.25 mata pada 10 Mac 2009. Dengan terlaksananya lebih banyak projek di bawah pakej rangsangan, dijangka akan memberi kesan positif yang ketara ke atas ekonomi negara lebih-lebih lagi dalam separuh kedua 2009.

■1130

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin bahawa melalui strategi dan langkah yang telah dirangka dalam kedua-dua pakej rangsangan yang komprehensif dan menyeluruh ini akan dapat meminimumkan impak kemelesetan ekonomi dunia terhadap ekonomi domestik serta dapat memastikan kesejahteraan rakyat.

Kerajaan akan terus memantau pelaksanaan pakej rangsangan ini dengan rapi bagi memastikan ianya dilakukan dengan pantas dan berkesan. Akhir sekali adalah amat penting untuk kita semua mengutamakan usaha pemulihan ekonomi negara dalam keadaan kegawatan ekonomi global. Kerajaan yakin dengan pakej ini dan usaha-usaha lain yang diambil oleh semua pihak termasuk sektor swasta dapat mengurangkan impak negatif kemelesetan ekonomi global ke atas negara.

Di samping itu, langkah untuk membina keupayaan masa depan akan dapat mengurangkan kebergantungan ekonomi negara yang keterlaluan kepada sektor luar dan seterusnya menjamin pertumbuhan lebih mampan pada masa hadapan.

Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Sultan Abu Bakar [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas jawapan yang panjang lebar. [*Tepuk*] Saya percaya niat kerajaan itu amat baik dan saya bercakap atau mengemukakan soalan tambahan ini kerana tertumpu kepada kawasan macam kawasan saya iaitu kawasan luar bandar. Saya percaya banyak projek yang akan diturunkan di kawasan luar bandar dan semata-mata untuk membantu rakyat yang pada hari ini terhimpit dari segi masalah ekonomi dunia.

Jadi, saya meminta jasa baik Yang Amat Berhormat selaku pemimpin negara yang baru, bolehkah kita pastikan untuk hendak melaksanakan segala tanggungjawab dan juga rancangan kerajaan untuk membantu rakyat terutama di kawasan luar bandar, di pastikan pejabat-pejabat daerah di seluruh negara ini dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang lebih canggih demi untuk memastikan segala projek dijalankan oleh kerajaan ini akan disempurnakan dengan baik. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jerantut yang telah memberi cadangan secara khusus mengenai dengan usaha yang boleh kita lakukan bagi meningkatkan keupayaan pejabat-pejabat daerah di seluruh negara terutama sekali yang melibatkan kawasan luar bandar.

Saya akan kemukakan cadangan ini kepada PEMUDAH iaitu sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara untuk mengkaji dan seterusnya membuat apa-apa syor kepada pihak kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, dalam enam bulan ini pakej ekonomi stimulus yang ada dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan adalah gagal. Pakej pertama untuk RM7 bilion pada November adalah bermaksud untuk mengadakan kadar GDP 3.5% sesungguhnya satu penurunan daripada 5.4% yang dikemukakan dalam bajet Ogos 2009, tetapi ini gagal.

Oleh sebab itu ada pakej yang kedua - RM60 bilion pada 10 Mac. Maksudnya ialah supaya boleh kekalkan GDP 1% kepada -1%. Akan tetapi, dalam dua bulan, awal bulan ini, ini sudah gagal. Sekarang mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apa yang dianggarkan ialah *contraction* 4% kepada 5%, enam bulan. Kenapa dua pakej ini gagal? Apakah ini oleh kerana tidak ada *revamp policies* dan semacam NEP tidak dimansuhkan, tidak ada meritokrasi, tidak ada dasar-dasar yang perlu diadakan. Adakah ada satu *third economic package* supaya kita boleh mengatasi masalah-masalah ekonomi ini?

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timur ini dia salah tanggapan, sama ada dia tidak faham atau pun dia sengaja tidak faham. Masalah ekonomi yang berlaku sekarang ini kerana masalah kelembapan dari segi *external demand*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya bagi contoh negara Singapura. Ekonomi dia akan menguncup -9% pada tahun ini. Apakah ini bererti bahawa dasar-dasar dalaman Singapura lebih teruk daripada negara kita? Kita dijangkakan menguncup 4% atau pun 5% oleh kerana perdagangan antarabangsa akan menguncup lebih ketara daripada apa yang dijangkakan.

Masalah pemulihan di Amerika Syarikat ini tidak berjalan seperti mana yang kita harapkan. Jadi, ini merupakan satu kajian yang perlu kita lakukan dari semasa ke semasa. Tentang masalah dalaman, hambatan-hambatan, kita akan kaji dari semasa ke semasa seperti asas liberalisasi dan juga kajian semula terhadap FIC yang saya akan umumkan tidak lama lagi. Jadi, dengan ini maka bukan bererti pakej pertama, kedua gagal tetapi sebaliknya kerana masalah permintaan luaran yang menguncup lebih ketara kepada yang dijangkakan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi soal jawab untuk pagi ini selesai. Sila Setiausaha.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada Ahli Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH P.M 18(1)**

**PENUBUHAN SURUHANJAYA SIASATAN DIRAJA MENGENAI ISU SKANDAL PKFZ
DAN LAPORAN AUDIT PRICEWATERHOUSECOOPERS MENGENAI PKFZ**

11.37 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengemukakan usul yang berbunyi, bahawa Dewan ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) memberi laluan kepada Yang Berhormat Lim Kit Siang untuk menangguhkan Dewan untuk merundingkan perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan mengenai Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai RM12.5 bilion skandal Port Klang Free Zone atau (PKFZ), Laporan Audit PricewaterhouseCoopers (PWC) mengenai PKFZ yang diumumkan pada 28 Mei 2009 langsung tidak memuaskan kerana *term of reference* nya telah dihadkan kepada *opposition review* dan bukannya siasatan menyeluruh mengenai sebab mengapa skandal RM1.1 bilion pada 2002 di bawah Menteri Pengangkutan Tun Ling **Liong Sik** meningkat empat kali ganda menjadi RM4.6 bilion di bawah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Chan Kong Choy pada 2007 dan kini melonjak dua kali ganda lagi menjadi RM7.453 bilion dan menuju ke angka RM12.5 bilion di bawah Menteri Pengangkutan masa kini.

Sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan secara terbuka pada 29 Mei supaya Menteri Pengangkutan menjawab segala pertanyaan yang dibangkitkan oleh mana-mana pihak mengenai laporan PWC atas PKFZ dan saya telah membangkitkan tiga pertanyaan setiap hari mengenai PKFZ sejak 30 Mei tetapi tidak ada sebarang jawapan yang memuaskan dan dikemukakan oleh Menteri Pengangkutan.

Angka RM12.5 bilion bukannya angka kecil. Ia adalah lima kali ganda skandal Bumiputera Malaysia Finance (BMF) yang bernilai RM12.5 bilion dan ini boleh digunakan untuk membina 20 universiti pada kos RM500 juta setiap satu, 125 hospital pada kos RM100 juta setiap satu, 1,250 sekolah pada kos RM10 juta setiap satu, 312,500 rumah kos rendah pada kos RM40,000 setiap satu atau bayaran bonus RM338 kepada setiap satu dari 27 juta rakyat Malaysia tanpa mengira umur.

■ **1140**

Hanya dengan menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja di mana setiap satu bekas Menteri Pengangkutan, Pengerusi dan Ahli-ahli lembaga *Port Klang Authority* serta semua pegawai kerajaan yang berkenaan dalam Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kewangan dipanggil dan memberikan penerangan mengenai peranan mereka barulah akauntabiliti dan integriti dalam ibu negara ibu segala *mother of scandals* ini dapat diperjelaskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat kawasan Ipoh Timur pada hari Khamis 11 Jun 2009. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mematuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu, syarat yang kedua ialah perkara itu adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah perkara itu berkehendakkan dibincangkan untuk disegerakan. Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa atas perkara tertentu perkara ini adalah perkara yang tertentu. Atas perkara kepentingan orang ramai ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Atas syarat ketiga iaitu sama ada berkehendakkan disegerakan atau tidak bagi pendapat saya ialah seperti begini, Kementerian Pengangkutan memaklumkan bahawa satu pasukan petugas khas telah ditubuhkan untuk membantu dalam semakan perundangan dan penstrukturan semula kewangan, *financial restructure* yang akan memberi perakuan dalam tempoh dua bulan. Dalam pada itu Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara sedang menjalankan siasatan terhadap projek PKFZ ini.

Sementara itu juga projek tersebut masih dalam siasatan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM). Dengan tindakan ini saya berpuas hati bahawa usul ini tidak perlu disegerakan. Oleh yang demikian saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2). Terima kasih. Sila.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. *Point of order* nombor 2 berhubung dengan menetapkan kerusi Ahli-Ahli. Saya ingin bertanya apakah alasan yang munasabah di mana Tuan Yang di-Pertua telah menentukan bahawa wakil daripada Bukit Gantang duduk di belakang bersama dengan dua lagi wakil BEBAS dan meletakkan wakil daripada Pasir Mas di hadapan. Saya merasakan bahawa sebagai Menteri Besar yang sah bagi pihak negeri Perak, [*Disampuk*], wakil daripada Bukit Gantang sepatutnya diberikan satu kedudukan yang lebih ke hadapan. Ini yang pertama.

Kedua, sama ada susunan kerusi yang baru ada sedikit sebanyak dipengaruhi oleh *backbenchers club* kerana saya nampak rangkaian tiga ketua yang *backbenchers club* ini rangkaian ini tidak dipecahkan atau pun dipisahkan walaupun susunannya telah ditukar bagi seluruh Dewan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat tetapi bagi pandangan saya sebagai Tuan Yang di-Pertua susun atur tempat Yang Berhormat duduk itu amat teratur sekali. Saya selesa. Terima kasih. Sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua saya tidak ada halangan untuk duduk belakang diberi peningkatan duduk di hadapan. Tidak ada hal, perkara kecil. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

11.45 pg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua di mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum mengikut Akta Latihan Khidmat Negara 2003 warganegara dan...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat saya minta maaf dahulu Ahli Yang Berhormat saya dapati bahawa Yang Berhormat Kuala Selangor masuk balik. Sudah saya buat keputusan tadi bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat...

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]: Yang Berhormat Lembah Pantai macam mana?

Tuan Yang di-Pertua: Dalam dua hari tidak boleh masuk Dewan. Tolonglah Ahli Yang Berhormat. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mahu juga berdegil ada lagi kuasa-kuasa yang saya boleh gunakan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya tidak diberitahu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Dua hari.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dua hari?

Tuan Yang di-Pertua: Hari ini, esok, lusa baru datang.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya mahu bahaskan rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Ahli Yang Berhormat bersikap tertib pagi tadi insya-Allah dapat membahaskan rang undang-undang tetapi...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya mahu minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat tidak memilih cara itu Ahli Yang Berhormat sila keluar. *[Dewan riuh]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sila keluar. Tidak ada penjelasan dari saya lagi Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Lembah Pantai lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri teruskan.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hilang stim lah.. Seperti mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum mengikut Akta Latihan Khidmat Negara 2003 warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia yang berumur di antara lingkungan 16-35 tahun dikehendaki menjalani Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Kegagalan seorang warganegara dan pemastautin tetap yang dipilih bagi mengikuti PLKN merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 18 Akta Latihan Khidmat Negara 2003 atau Akta 628.

Pada masa sekarang Akta Latihan Khidmat Negara 2003 memperuntukkan bahawa seorang yang disabitkan dengan kesalahan di bawah akta ini oleh mahkamah boleh didenda tidak melebihi RM3000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian mendapati pelaksanaan peruntukan hukuman yang sedia ada ke atas warganegara pada peringkat umur demikian akan mendatangkan lebih banyak kesan negatif terhadap masa hadapan mereka. Justeru hukuman tersebut akan meninggalkan satu titik hitam dalam sejarah hidup remaja berkenaan. Di samping itu keadaan ini akan menjejaskan kehidupan keluarga sekiranya mereka ini merupakan satu-satunya tempat bergantung harap untuk menyara keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 2 seksyen 18, seksyen 19, seksyen 27, seksyen 28 dan seksyen 31, Akta Latihan Khidmat Negara 2003 supaya peruntukan hukuman yang sedia ada iaitu hukuman denda dan penjara digantikan dengan hukuman melaksanakan perintah khidmat masyarakat dengan izin *community service*. Hukuman pelaksanaan perintah khidmat masyarakat merupakan satu hukuman alternatif baru yang telah dimasukkan ke dalam kanun tatacara jenayah melalui Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006 dan Akta Kanun Tatacara Jenayah 2007, hukuman pelaksanaan perintah khidmat masyarakat telah diperuntukkan di bawah seksyen 293(1)(e) Akta Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) dan telah dikuatkuasakan sejak 7 September 2007.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dengan pindaan ini mahkamah boleh memerintahkan seorang pesalah untuk melaksanakan perintah khidmat masyarakat untuk satu tempoh tidak melebihi 240 jam. Perintah khidmat masyarakat adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. Hukuman ini menitikberatkan proses pemulihan dan kaunseling agar pesalah berkenaan menginsafi kesilapan yang dilakukan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

■ 1150

Ia melibatkan aktiviti-aktiviti khidmat komuniti yang dilaksanakan oleh (JKM) Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mengandungi tujuh fasal. Fasal-fasal berkenaan adalah seperti berikut.

Fasal 1 dan 2 yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa pindaan akta yang dicadangkan dan juga mengandungi takrif khidmat masyarakat yang diambil dari takrif yang diberi pada saat itu dalam kanun tatacara jenayah.

Fasal 3, 4, 5, 6 dan 7 mengandungi pindaan-pindaan bagi menggantikan semua peruntukan hukuman denda dan penjara yang dikenakan ke atas pelatih-pelatih PLKN dengan hukuman perintah khidmat masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya percaya bahawa hukuman khidmat masyarakat adalah lebih berkesan sebagai satu pengajaran kepada pelatih-pelatih yang gagal mengikuti PLKN selain dapat mengelakkan kesan-kesan negatif dan psikologi akibat daripada menjalani hukuman penjara, pelaksanaan perintah khidmat masyarakat akan menimbulkan kesan-kesan keinsafan tanpa sebarang kesan sampingan ke atas masa depan pelatih-pelatih berkenaan.

Perintah khidmat masyarakat adalah dilihat sebagai salah satu aktiviti mulia untuk memberi sumbangan kepada masyarakat yang memerlukan pertolongan orang ramai. Cadangan pindaan ini dibuat setelah mengambil kira kesan-kesan pindaan ini ke atas pelaksanaan dan keberkesanan PLKN. Kementerian ini yakin bahawa pindaan tersebut tidak akan menjejaskan pelaksanaan dan keberkesanan Program Latihan Khidmat Negara, ini adalah kerana setelah perintah khidmat masyarakat, pelatih-pelatih yang berkenaan tetap perlu mengikuti program PLKN. Ini bermakna warganegara Malaysia yang terlibat akan melalui kedua-dua proses iaitu proses pemulihan dan kaunseling melalui pelaksanaan perintah khidmat masyarakat dan proses pembetulan jati diri, ketahanan fizikal, perpaduan nasional dan penerapan semangat cintakan negara melalui PLKN.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada siapa menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Latihan Khidmat Negara 2003, dibacakan kali kedua, dan terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Bachok.

11.53 pg.

Tuan Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua,

pertama saya ucapkan terima kasih kerana memberikan kesempatan dan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008. Program ini sepertimana yang kita sedia maklum dimulakan pada tahun 2004 kini telah berusia lima tahun. Sudah pasti usia ini boleh menggambarkan secara jelas sama ada program ini benar-benar mencapai misi yang telah di gariskan ataupun sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya memandang berat soal pembinaan generasi muda sebagai tunggak negara suatu hari nanti, saya ingin menekankan soal pembinaan yang komprehensif, bukan hanya tertumpu kepada aspek fizikal semata-mata. Kombinasi proses pendidikan terhadap tiga elemen iaitu spiritual, fizikal dan mental mampu membentuk seorang insan yang memiliki jati diri yang seimbang. Kerajaan harus memahami golongan pelajar lepasan SPM dengan sebaik-baiknya. Kebimbangan rakyat terhadap masalah disiplin pelajar terutamanya di sekolah menengah sepertimana kes gaduh, kes rogol, kes zina, kes pukul guru, ponteng sekolah, rempit antara kebejatan besar yang terpaksa ditelan oleh semua pihak. Ini menggambarkan bahawa kumpulan umur ini mengalami masalah identiti dan pergolakan jiwa remaja.

Pada tahun 2006, sebanyak 6,838 kes jenayah membabitkan remaja telah dilaporkan berbanding 5,543 pada tahun 2005. Seramai 4,113 remaja yang berusia 16 hingga 18 tahun telah ditahan sepanjang tahun 2006 dan 3,445 daripada jumlah itu adalah pelajar. Data-data ini menggambarkan semacam ada yang tidak kena dengan sistem pembelajaran kita, sistem persekolahan kita, mungkin juga kerana terlampau tertumpu kepada *exam oriented* kepada peperiksaan berapa jumlah 'A' yang hendak diperolehi dalam SPM dan sebagainya.

Ini adalah cabaran besar yang harus dipukul oleh semua pihak untuk menyelamatkan generasi muda terutama golongan pelajar sekolah. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Latihan Khidmat Negara harus mencermati modul-modul yang ditetapkan kepada pelatih. Timbul kesangsian kepada kita adakah selama 12 tahun para pelajar melalui proses pendidikan formal bermula dari pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah masih belum mampu untuk membentuk identiti serta personaliti mereka terutama soal-soal patriotisme dan integrasi perkauman dan disiplin. Dari situlah timbul persepsi bahawa PLKN digunakan sebagai *platform* untuk mendoktrinkan hampir kepada semua lepasan sekolah menengah terhadap politik kepartian yang sempit sebelum mereka memasuki pengajian tinggi atau terus bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, modul baru yang diperkenalkan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara tidak memberikan kesan kepada pelatih. Ini kerana kesedaran terhadap HIV contohnya dan anti dadah telah banyak diperkenalkan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain. Berjuta-juta duit kerajaan habis digunakan untuk menjayakan modul tersebut tetapi kadar penagih tegar masih belum dapat dikurangkan. Pemahaman terhadap perkara ini perlu tapi bukan dijadikan modul dalam latihan ini. Tambahan lagi, saya juga tidak bersetuju para pelatih didedahkan dengan Latihan Pendedahan Pengendalian Senjata (LPPS), untuk mencegah

jenayah bukan dengan memberikan pendedahan kepada mereka untuk menggunakan senjata yang bagi saya tidak akan dapat menyelesaikan masalah di atas.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, institusi keluarga dan pembentukan anak-anak seta generasi muda adalah satu perkara penting dalam pembentukan negara. Namun ia bukan dengan kaedah dengan modul-modul tidak akan dapat menyelesaikan masalah akar.

Negara hari ini berkecamuk dengan masalah remaja yang semakin kronik, masih belum ada rawatan yang efektif untuk menyelesaikan perkara itu buat masa ini. Saya menyarankan agar menteri-menteri kabinet turun kepada bandar-bandar besar di seluruh Malaysia khususnya pada waktu malam. Lihat bagaimana anak-anak muda Malaysia yang semakin jauh dari identiti mereka. In yang perlu diberi perhatian yang serius sejak dari prasekolah lagi, juga disorokkan dengan material sehingga mereka menjadi keras hari sebaliknya seimbangkan dengan keperluan rohani dan mental.

Tuan Yang di-Pertua, ringkasan kepada perbahasan ini, sejak daripada PKN diperkenalkan, beberapa banyak kes disiplin yang berlaku. Ini saya bertanya kepada soalan tersebut, berapa banyakkah kes disiplin yang berlaku? Apakah mekanisme yang positif untuk memantau disiplin mereka? Berapa isu yang sempat saya perhatikan kejadian rogol yang dilakukan oleh jurulatih sendiri di Kem Marang Terengganu; kes pergaduhan juga di Terengganu, Kelantan dan Perak; kes tayangan video lucah di Perlis; kes khalwat di Selangor. Saya khuatir Tuan Yang di-Pertua apabila anak-anak muda lelaki dan perempuan yang dihimpunkan dalam satu kem tanpa ada pengawasan disiplin yang rapi, maka objektif utama pelaksanaan PLKN sudah pasti tidak mencapai kenyataan.

Maka itu saya ambil kesempatan ini supaya pihak kerajaan dan badan-badan yang berkenaan merombak besar-besaran dan jika perlu menangguhkan program ini. Saya sarankan juga laporan tahunan PLKN didedahkan dengan penuh ketelusan dan integriti dan cadangan untuk meminda hukuman daripada penjara itu kepada khidmat masyarakat perlu juga dinilai semula kerana melalui program khidmat masyarakat ini juga akan memberikan impak secara psikologi kepada anak-anak muda yang baru sahaja keluar daripada sekolah yang belum dapat pendedahan yang sewajarnya yang tadi telah saya sebut gagal dalam tempoh 12 tahun mereka di sekolah itu untuk diberikan pendedahan yang sepatutnya. Sekian cadangan daripada saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■ 1200

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pindaan kepada Akta Latihan Khidmat Negara pada pagi ini, apabila kita membaca pindaan ini untuk memberi bentuk hukuman secara khidmat masyarakat, kita akan teringat kejadian yang berlaku ke atas seorang yang telah dipilih untuk menjalani Latihan Khidmat Negara pada tahun 2005, akan tetapi tidak hadir iaitu Ahmad Hafizal. Pada ketika itu, orang ramai begitu marah dan tidak berpuas hati apabila Ahmad Hafizal telah gagal hadir ke Latihan Khidmat Negara dan mahkamah

Majistret telah menjatuhkan hukuman denda RM600. Oleh kerana beliau gagal membayar, dikenakan hukuman penjara sepanjang 14 hari.

Selepas itu kita ada pegawai, wakil dari Menteri Besar pergi menyelamatkan beliau. Akan tetapi masalahnya timbul asas akar umbi adalah kerana Tuan Yang di-Pertua, apabila Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara ini dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 2003. Pembangkang DAP, kami ada bangun dan mengemukakan usul meminta agar Program Latihan Khidmat negara ini agar ditangguhkan untuk mendapatkan maklum balas daripada orang ramai dan tidak patut dijalankan di dalam keadaan yang tergesa-gesa.

Kami juga ada bangkitkan bahawa, kita tidak boleh adakan hukuman bersifat jenayah, penjara dan denda kerana ia akan meninggalkan titik hitam. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ke atas rekod seorang pelatih. Akan tetapi hari ini kita tengok, pandangan itu sekarang diambil kira, bukankah ia telah lewat? Bukankah ia telah lewat kalau pihak kerajaan mendengar daripada pembangkang pada tahun 2003, semua ini boleh dielakkan. Masalah keselamatan, nyawa, nyawa pelatih yang dipilih masuk ke dalam kem dalam keadaan hidup, tetapi mayat dibawa keluar kem.

Masalah keselamatan, masalah kebersihan, masalah wabak, masalah rogol, pelbagai masalah dalam kem-kem Latihan Khidmat Negara, sehingga hari ini masih wujud lagi. Jadi saya rasa bukan setakat kita ada Menteri untuk menilai semula modul, sebab baru-baru ini Menteri menyatakan akan menilai semula modul Program Latihan Khidmat Negara. Akan tetapi saya rasa sudah sampai masanya kerajaan menangguhkan Program Latihan Khidmat Negara ini, untuk menilai semula sama ada ketiga-tiga objektif Program Latihan Khidmat Negara ini sebenarnya boleh atau tidak boleh, berjaya atau tidak berjaya dicapai, memupuk perpaduan cintakan negara dan membetulkan nilai disiplin.

Pada pandangan saya, selagi ada polisi-polisi, dasar-dasar, undang-undang yang mendiskriminasikan, tidak akan berjaya mencapai tiga objektif ini untuk menanam semangat perpaduan di kalangan generasi muda. Kita tengok Ahli-ahli politik Barisan Nasional, tengok insiden yang berlaku di negeri Perak. Kalau pemimpin negara Barisan Nasional tidak menunjukkan contoh teladan yang baik.

Kita sekarang hendak adakan program untuk memimpin generasi muda kita supaya mengikuti, saya rasa masa tiga bulan dalam menjalani program ini adalah gagal. Tidak boleh mencapai perpaduan kaum. Kalau kita ada ahli-ahli politik masih memainkan isu-isu politik berbau perkauman, jadi saya rasa jangan bazirkan RM700 juta anggaran setiap tahun untuk menjalankan program ini.

Perkara asas masalah infrastruktur tidak..., setiap kali timbul Tuan Yang di-Pertua, keselamatan paling asas tidak dapat diatasi. Setiap tahun kita menggunakan RM700 juta untuk menjalankan program ini. Jadi saya rasa, kita ada Perdana Menteri yang baru. Saya tahu inilah

fact, ini adalah *fact*, dengan izin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tapi kalau demi kepentingan negara, saya tidak nafikan kepentingan tiga objektif tersebut.

Akan tetapi pandangan saya sepanjang masa ini Tuan Yang di-Pertua, bukannya melalui saluran Program Latihan Khidmat Negara ini di mana kita memaksa generasi muda kita bersama. Ya sepatutnya dari dalaman, bukan memaksa mereka pergi ke sana untuk duduk bersama, bergaul bersama secara paksaan selama tiga bulan.

Tengok semula sektor awam kebanyakannya satu kaum. Tengok semula GLC satu kaum kebanyakannya, tengok semula universiti, institut pendidikan di mana khas untuk satu kaum sahaja, bumiputera sahaja. Mengapakah tidak menilai dari aspek sana? Itulah sebabnya pada pandangan saya, kalau hendak tanamkan semangat patriotisme, cintakan tanah air, bukan secara paksaan. Kes berlaku ke atas pelatih minum pencuci pinggan kalau tidak silap saya, kerana mereka tidak ingin pergi tetapi dipaksa, cari jalan bagaimana boleh keluar dari kem.

Setiap kali akhir program, kem akan berlaku pergaduhan. Ini bermaksud apa? Jadi saya pohon, kita boleh jimatkan RM700 juta ini. Kerajaan kalau hendak bentuk, hendak jayakan *One Malaysia*, tangguhkan Program Latihan Khidmat Negara ini. Nilai semula dasar-dasar, polisi-polisi, undang-undang dan kalau Barisan Nasional benar-benar jujur hendak mencapai tiga-tiga objektif ini lihat semula sistem pendidikan.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang untuk meminta, kalau kerajaan bertegas juga ingin meneruskan Program Latihan Khidmat Negara ini, saya ingin menyeru agar kerajaan boleh meneliti semua seksyen 4. Di mana saya rasa Menteri terlalu sibuk menjaga banyak perkara. Jadi kalau boleh seksyen 4 yang memperuntukkan kategori yang boleh mengecualikan mana-mana orang atau kategori orang untuk hadir Program Latihan Khidmat Negara. Kuasa ini kalau boleh diberi kepada Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara dan bukannya tertumpu kepada Menteri.

Sebab ada banyak kesnya di mana rayuan yang disampaikan, keputusan adalah di bawah Menteri. Kalau kuasa ini boleh diturunkan kepada Pengerusi, saya rasa perkara ini boleh menyenangkan keseluruhan prosedurnya. Saya juga ingin tahu, apakah aktiviti atau perkhidmatannya yang dalam rancangan kerajaan selepas pindaan ini diadakan di bawah definisi khidmat masyarakat, apakah jenisnya?

Dengan spesifik jenisnya khidmat masyarakat yang akan dilaksanakan di bawah definisi khidmat masyarakat ini. Apakah pihak kerajaan telah sedia dengan khidmat masyarakat, hukuman khidmat masyarakat ini seperti yang dinyatakan yang telah kita adakan bawah CPC, Kanun Tatacara Jenayah. Apakah sekarang sistemnya telah disediakan?

Saya tidak nampak Pengerusi Majlis, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara dalam Dewan ini untuk menunjukkan yang beliau prihatin....

Beberapa Ahli: Itu... [*Menunjukkan ke arah Yang Berhormat Yang Berhormat Mas Gading*]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mana? Ada nampak sekarang baru masuk ya?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe [Mas Gading]: [*Berjalan masuk ke dalam Dewan*]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Baru masuk ya?... Dari awal-awal patut duduk dalam Dewan. Kalau mahu pun boleh menasihati Menteri..

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dia pergi bilik air.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dalam pelaksanaan. Tadi saya nampak dia dekat *lounge*, dia minum kopi ya? Jadi saya haraplah biar kita bersama-sama untuk menjayakan tiga objektif ini. Kerajaan boleh ambil pandangan dari pihak sini, tangguhkan Program Latihan Khidmat Negara untuk melihat semula polisi-polisi, dasar-dasar sistem pendidikan kita agar kita boleh jimatkan RM700 juta setahun dan mengurangkan dan insiden-insiden yang malang yang berlaku dalam kem. Juga kerisauan ibu bapa setiap kali musim mengambil pelatih untuk masuk kem, ibu bapa akan datang cari. Ada yang telah berkahwin, ada yang telah meninggalkan sekolah, *drop out*.

■ 1210

Darjah enam sudah *drop out*, masih terima surat untuk minta pergi ke Program Latihan Khidmat Negara. Kalau memang jayanya Program Latihan Khidmat Negara kita tidak akan dapat begitu banyak masalah sosial, masalah mat rempit, masalah jenayah dadah. Ini semua masalah jenayah dilakukan oleh juvana. Jadi saya pohonlah kepada kerajaan mempertimbangkan pandangan pihak saya. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

12.01 tgh.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ingin membahaskan pindaan kepada Akta Latihan Khidmat Negara. Pertamanya saya ingin merujuk kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah tadi. Beliau telah memberi satu sangkaan negatif, *negative insinuation*. Seolah-olah jabatan-jabatan kerajaan ini didominasi oleh satu kaum. Seolah-olah GLC ini didominasi oleh satu kaum dan ini yang menyebabkan antara masalah perpaduan dan integriti di Malaysia pada hari ini.

Saya pun boleh cakap benda yang sama. Saya boleh kata ada syarikat-syarikat swasta yang dimiliki oleh kaum-kaum tertentu, yang didominasi oleh satu kaum. Ada juga parti-parti politik yang sepatutnya berbilang kaum seperti parti politik Yang Berhormat Batu Gajah yang didominasi oleh satu kaum. Jadi bukan masalah satu pihak sahaja. Saya percaya ini masalah semua pihak yang perlu sama-sama kita tangani untuk memastikan bahawa masalah perpaduan dan integrasi kaum ini dapat dijayakan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bangun*]

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tidak apa Yang Berhormat Bukit Mertajam, sebab masih lagi pakai *arm band* duduk dulu. Nasib baik tidak dikeluarkan, saya bukan minta dikeluarkan, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tidak bagi jalan sebab pakai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Duduklah ya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Duduk sekejap. Duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Nasib baik tidak dikeluarkan daripada Dewan sebab masih lagi pakai *arm band* itu. Duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih. Jadi saya tidak menerima sangkaan buruk yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah tadi, yang mana perlu dijawab dengan sedemikian seperti mana yang saya sebut. Akan tetapi berbalik kepada Akta Latihan Khidmat Negara, saya...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Okey, Yang Berhormat Batu Gajah tidak apa.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Rembau, bukankah itu satu kenyataan? Bukan sangkaan buruk. GLC kebanyakannya didominasi oleh satu kaum. Juga institusi pendidikan yang ada yang dikhaskan 90% untuk bumiputera sahaja. Mengapakah Yang Berhormat daripada generasi muda tidak mahu *think out of the box*, bersatu padu minta kerajaan adakan lebih inisiatif untuk memastikan kepelbagaian kaum dalam sektor ini agar mereka boleh bercampur gaul.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih. Saya tidak nafikan bahawa perkara itu berlaku. Cuma saya minta Yang Berhormat Batu Gajah memberi gambaran yang menyeluruh sedikit. Contohnya parti DAP yang dikatakan parti yang berbilang kaum. Apa inisiatif parti DAP untuk menarik daripada kaum-kaum yang lain. Saya minta senarai keahlian daripada parti DAP hari ini...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Rembau boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sila duduk. Saya tidak bagi laluan Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sudah cukup.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah, kena minta jalan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Pintu DAP terbuka untuk semua kaum.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi laluan. Pertamanya sekali dia sebut...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hendak masuk DAPkah?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Pertamanya tadi dia sebut tentang GLC. GLC ini dibuka kepada semua kaum. Tadi dia sebut tentang IPT. IPT ini dibuka kepada semua. Tadi dia sebut tentang penjawat awam, dibuka kepada semua kaum. Malah kita ada masalah. Kerajaan saya percaya hari ini ada masalah untuk menarik minat daripada kaum-kaum yang lain untuk menyertai penjawat awam ataupun Jabatan Perkhidmatan Awam.

Ini bukan masalah kita. Saya bagi contoh tadi, saya minta senarai keahlian parti DAP yang dikatakan parti yang berbilang kaum. Saya percaya tanpa minta, tanpa tengok kepada senarai keahlian itu saya boleh bagi jaminan bahawa senarai keahlian itu lebih daripada 90% adalah yang bukan Melayu. Adakah itu parti yang berbilang kaum? Saya percaya tidak. Apakah tindakan yang dibuat oleh parti DAP untuk menarik minat daripada yang berbilang kaum? Jadi saya tidak tahu siapa yang tidak memikir di luar kotak dan sama ada siapa yang masih lagi ada di kotak yang kecil yang dinamakan DAP itu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sila duduk.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sila duduk, sila duduk.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Biar kita...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya sudah bagi tadi. Saya hendak pergi kepada akta...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sila duduk dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat Rembau...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Bukit Batu Gajah.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya minta maaf sebab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau sila duduk dulu sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Mertajam duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia ada hak Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Mertajam, pagi tadi ada keputusan Dewan, mereka yang mengenakan *arm band* ini diminta untuk menanggalkannya dan diminta keluar. Saya minta Yang Berhormat untuk menanggalkan *arm band* ini supaya mesyuarat kita berjalan tanpa gangguan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya akur kepada nasihat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: So sekarang saya sudah tanggal. Ini Yang Berhormat Rembau akan beri penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat Rembau. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Inilah masalah "SATU MALAYSIA" ini. Akur jadi 'angkur'.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Boleh penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya hendak pergi kepada PLKN.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Masih tidak beri penjelasan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi. Tidak apalah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Walaupun ini...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya hendak pergi kepada PLKN...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...yang dikatakan dari universiti yang terkenal, tapi di sini dia tidak berani untuk memberi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Ketawa]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bolehkah? Kalau hendak sebut berilah penjelasan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon diteruskan perbahasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Soal PLKN ataupun pindaan kepada Akta Latihan Khidmat Negara yang mana dikemukakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan tadi. Pada dasarnya saya setuju dengan pindaan yang mana denda ataupun hukuman kepada mereka yang tidak mengikut Program Khidmat Negara ini dipinda daripada penjara kepada *community service* dan hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah amat kukuh sekali.

Cuma saya hendak bangkitkan beberapa isu yang berhubung kait dengan PLKN mengambil kesempatan perbahasaan pindaan akta ini. Saya ingin tumpu kepada dua perkara. Pertamanya adalah keberkesanan Program Latihan Khidmat Negara ini. Saya ada pengalaman sedikit sebab saya pernah duduk dalam Majlis Latihan Khidmat Negara yang pertama. Pada waktu itu kita baru mula program PLKN ini. Saya hendak tahu sejauh mana kajian-kajian tertentu yang telah dibuat selain daripada apa yang kita baca dalam surat khabar, yang kita dapat maklum balas daripada peserta-peserta PLKN yang seolah-olah mendapat satu pengalaman yang baik, satu pengalaman yang mendalam melalui program tersebut.

Cuma saya bangkitkan isu ini sebab baru-baru ini ada cadangan daripada pelbagai pihak untuk mewajibkan PLKN ini kepada semua yang baru sahaja melepasi SPM. Saya hendak tahu sama ada cadangan ini akan dipersetujui oleh pihak kerajaan. Sekiranya dipersetujui oleh pihak kerajaan, kenapa dipersetujui? Soalan ini saya bangkitkan sebab memang betul apa yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Gajah tadi. Kita belanjakan satu angka yang cukup besar, RM700 juta setiap tahun. Sudah tentunya kalau kita hendak mewajibkan PLKN ini kepada semua, saya percaya perbelanjaan ini akan meningkat dengan mendadak.

Saya minta juga Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi anggaran sekiranya seluruh daripada lepasan SPM ini diwajibkan mengikuti PLKN. Apakah implikasi kos terhadap Kerajaan Malaysia? Adakah ini wajar dengan kajian-kajian yang telah dibuat? Saya minta hasil daripada kajian sebab kalau benarlah apa yang kita baca dalam surat khabar, bahawasanya PLKN ini telah memberi satu pengalaman yang baik kepada peserta, kenapa tidak diwajibkan? Itulah satu soalan yang automatik ditanya kepada kerajaan. Kalau betul, betullah apa yang kita baca dalam surat khabar bahawa ini berkesan, telah menepati semua tiga matlamat kenapa tidak diwajibkan kepada semua?

Kalau itu adalah satu perkara yang dipertimbangkan oleh kerajaan, apakah kos *implication*nya terhadap kerajaan? Adakah kita sudah sampai satu tahap, RM700 juta hendak

tambah ini adalah cuma *marginal cost* ataupun ia memerlukan satu lagi anjakan ataupun peningkatan dari segi peruntukan yang cukup tinggi.

Kedua soal keberkesanan dari segi integrasi. Satu masalah yang saya melihat sewaktu saya menjadi Ahli Majlis Latihan Khidmat Negara, saya pergi melawat beberapa kem PLKN ini.

■1220

Saya melihat bahawa sewaktu mereka menjalankan modul, contohnya modul latihan, modul fizikal, modul kenegaraan dan sebagainya pergaulan antara peserta-peserta PLKN ini baik Melayu, Cina, India dan yang lain juga memang baik sebab terpaksa bergaul dalam perjalanan modul tersebut. Akan tetapi apabila saya melihat mereka dalam *downtime* ataupun *break time* di mana mereka tidak terpaksa untuk mengikut modul iaitu waktu berehat dan sebagainya saya melihat dengan mata saya ini di setiap kem bahawasanya pergaulan antara peserta-peserta ini memang mengikut kaum masing-masing iaitu Melayu dengan Melayu, Cina dengan Cina dan India dengan India. Perkara ini berterusan bukan pada bulan yang pertama tetapi sampailah ke akhir program. Maksudnya pergaulan yang kita melihat dalam PLKN, yang selama tiga bulan ini adalah pergaulan yang cetek, pergaulan yang dengan izin, *superficial*.

Baru-baru ini saya telah berjumpa dengan seorang penuntut PhD di *University of Oxford* yang sedang menjalankan satu kajian untuk PhD beliau tentang kesan terhadap pergaulan dan integrasi melalui PLKN. Jadi saya hendak tanya sama ada Jabatan Latihan Khidmat Negara telah *commission* ataupun telah minta supaya satu kajian dibuat sama ada tahap pergaulan itu telah dapat ditingkatkan daripada mula mereka masuk sampailah mereka keluar. Lebih penting lagi enam bulan dan setahun selepas mereka keluar daripada program PLKN. Ini kerana kita hendak tengok masalah ataupun kesan ini kesan jangka panjang. Jangan kita hanya tengok selepas tiga bulan mereka keluar dengan satu kenyataan ataupun testimoni yang begitu baik tentang program PLKN sedangkan sebenarnya selepas mereka balik kepada masyarakat masing-masing corak pergaulan mereka dengan masyarakat umum adalah masih lagi sama iaitu mereka masih lagi bergaul dengan kaum yang tertentu dan bukannya dengan kaum yang lain.

Ini adalah soal yang serius sebab walaupun saya sokong pada dasarnya PLKN, saya ada kekhawatiran bahawa dalam tiga bulan itu apa yang sebenarnya kita dapat buat dari segi pemahaman yang mendalam tentang integrasi kaum, dari segi *profound understanding* terhadap integrasi. Jadi, saya pun hendak tanya juga. Saya setuju dengan Yang Berhormat Bachok, apakah modul yang mungkin barangkali dengan Gagasan Satu Malaysia yang baru dikenalkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan, Perdana Menteri kita bahawa modul itu dapat direkayasa semula supaya dapat meningkatkan lagi integrasi ini. Kalau tidak saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila menjawab dan menggulung nanti memberi keterangan yang jujur (*honest*) bahawasanya dalam tiga bulan itu memang susah untuk kita dapat satu pergaulan satu integrasi yang *meaningful*, yang mendalam di kalangan peserta-peserta.

Akhirnya Yang Berhormat Timbalan Menteri saya hendak bangkitkan soal... Ini masih lagi soal keberkesanan dari segi disiplin dan juga dari segi integrasi. Waktu saya menjadi Ahli Majlis Latihan Khidmat Negara pun ada masalah dari segi tidak cukup jurulatih daripada kaum bukan Melayu iaitu daripada kaum Cina, India dan sebagainya. Pada waktu itu saya masih lagi ingat sebab bekas...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat? Yang Berhormat Teluk Intan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Oh, Yang Berhormat Telok Intan. Okey.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Rembau. Sebagai Ahli Majlis Program Latihan Khidmat Negara ini adakah membuat lawatan ke kem-kem di seluruh negara atau sebahagian daripadanya sebab di kawasan Yang Berhormat sendiri, kawasan Rembau, Kem Titian Bintangor ada banyak aduan tentang di mana pelatih-pelatih di sana yang telah saya lawat, mengadu kepada saya tidak dapat cukup air minuman (*drinking water*) dan saya telah tengok keadaan di sana amat menyedihkan sebab tandas-tandasnya pun tidak ada pintu.

Memang betul dengan apa yang dikatakan integrasi di antara pelatih-pelatih yang saya nampak Cina berkumpul sendiri, begitu juga Melayu dan India. Walaupun saya nampak ada faedah-faedah seperti mereka diberi latihan yang baik dari segi sukan (*sports*) dan sebagainya tetapi pada keseluruhannya termasuk perbualan saya dengan pelatih, mereka mengatakan kurang memuaskan dari segi makanan dan lain-lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskanlah Yang Berhormat.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Adakah satu kajian dibuat mengenai kesan kem-kem ini dan sebagainya? Minta penjelasan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih, Yang Berhormat Teluk Intan lebih-lebih lagi prihatin terhadap kem yang berada di kawasan saya. Waktu saya duduk dalam Ahli Majlis Latihan Khidmat Negara setiap daripada Ahli Majlis telah diagihkan dengan beberapa kem yang perlu dilawati. Zaman saya menjadi Ahli Majlis Latihan Khidmat Negara pun kita telah mencadangkan agar satu unit naziran, satu unit pemantau ditubuhkan dan bukan hanya melibatkan Ahli-ahli Majlis tetapi pemimpin-pemimpin masyarakat lain untuk mengambil alih tugas memantau secara berkecuali kem-kem tertentu. Memang betul bahawa masalah prasarana di pelbagai kem itu menjadi masalah dan saya percaya itulah sebab kerajaan dan Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Latihan Khidmat Negara begitu prihatin terhadap isu-isu untuk memastikan bahawa air cukup, makanan cukup dan sebagainya serta masalah

keracunan dalam makanan dapat diselesaikan dengan segera. Namun terima kasih atas persetujuan Ahli Yang Berhormat Telok Intan tadi tentang masalah pergaulan antara kaum.

Saya cuma hendak tamatkan ucapan saya dengan meminta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapan nanti dari segi jurulatih yang sudah dilatih, yang ada pengalaman (*experience*) terutamanya jurulatih yang datang daripada kaum bukan Melayu. Saya tidak salahkan kalau peserta yang masuk ke dalam PLKN ini menyertai satu program dan jurulatih itu hanya daripada satu kaum sahaja. Ini saya mungkin boleh bersetuju dengan sentimen yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah tadi. Kalau sekiranya jurulatih ini tidak menunjukkan kepelbagaian kaum yang ada di Malaysia maka sudah tentunya ada sedikit sebanyak prejudis dan juga tanggapan terhadap PLKN ini bahawa gambaran yang diberi sebenarnya tidaklah gambaran yang menggalakkan kepada satu integrasi kaum.

Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Jabatan Latihan Khidmat Negara, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana mengusulkan satu pindaan yang saya percaya lebih menepati kepada cita rasa orang muda yang mengenakan satu hukuman yang lebih ringan tetapi juga telah memberi satu impak yang serius kepada komitmen kerajaan terhadap PLKN.

Tuan Yang di-Pertua, Rembau mohon menyokong. Terima kasih.

12.27 tgh.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, dalam melihat perkara-perkara yang cuba kita bawa hari ini saya melihat bahawa pindaan yang dibawa ini terlalu kecil dengan apa yang terjadi di luar sana dalam masyarakat kita. Saya berpengalaman menjadi Pengarah Biro Tatanegara selama empat tahun dan ratusan kursus yang telah kita kendalikan di seluruh negara. Saya setuju bahawa harus ada *regimentation* dalam pemikiran anak-anak muda kerana dengan *regimentation* tersebut kita dapat membentuk budaya yang kita hendak bentuk.

Pengalaman kita juga mengajar bahawa walaupun kita sudah merdeka sekian lama tetapi perpisahan masyarakat kita masih wujud. Contohnya di kampung saya sendiri, walaupun kehidupannya ada orang India, Cina dan Melayu tetapi rata-ratanya anak-anak muda amat selesa untuk berkawan dengan bangsanya sendiri kerana latar belakangnya yang sama, bahasa yang sama dan budaya yang sama. Peluang untuk mereka berinteraksi amat nipis kerana kebanyakan di tempat saya sekolah yang mereka pergi sama ada sekolah Tamil, sekolah kebangsaan ataupun sekolah Cina yang dibenarkan oleh kerajaan.

Apabila mereka telah capai umur 17 tahun tiba-tiba kita hantar mereka ke dalam kem. Sudah berbelas tahun di sekolah yang 'disegerasikan' tiba-tiba dalam masa tiga bulan kita mengharap *magic happened*. Tidak mungkin. Oleh sebab itu walaupun kita telah belanja mengikut dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, semenjak program ini diperkenalkan sebanyak RM2.37 bilion, satu jumlah yang cukup besar. Saya ingin mengajak Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kerajaan melihat betul-betul masalah ke mana kita hendak pergi dan melihat masalah anak-anak muda ini.

■1230

Saya pernah bercakap dan saya tidak akan berhenti bercakap bahawa kalau kita betul-betul ingin melihat dan mendidik masa depan kita, saya mencadangkan lebih baiklah kita buat *total overhaul* program ini, apa salahnya. Saya setuju dengan Rembau 100%, selepas sahaja budak-budak kita habis SPM, belum pun keluar *result*, kita hantar dia ke kem. Yang bawa lelaki cukup, perempuan duduk di rumah. Yang hendak merempit ini tidak banyak pun perempuan. Yang merempit ini banyak lelaki. Hantar lelaki ini ke kem dan kem ini biarlah dikendalikan sepenuhnya oleh tentera dengan *rules and regulations* tentera sebab tentera lebih tahu apa yang tentera hendak.

Saya cadangkan bukan tiga bulan tetapi mereka ini dihantar enam bulan. Akhirnya selepas enam bulan, mereka diberi pilihan sama ada untuk *joint* tentera ataupun menyertai polis kerana ini adalah unit yang beruniform. Biar dia duduk dalam uniform itu selama dua tahun. Maknanya enam bulan *training*, selepas itu *another*, selebihnya satu tahun setengah itu biarlah dia menyertai polis atau tentera.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak canang bekas tentera tetapi tengoklah Senator Menteri kita. Walaupun dia jadi ahli politik hari ini, tetapi gaya dia itu gaya tentera, cara senyum dia. Bekas-bekas tentera yang dalam Dewan dan di luar Dewan, kebanyakan bekas-bekas tentera ini, walaupun dia sudah pencen umur 40 atau 45, perangai dia berbeza dengan orang awam. Cara dia berfikir berbeza dengan orang awam. Cara dia bertutur amat sopan dan santun, berbeza dengan orang awam. Kenapa? Kerana dia telah lalui satu *regimentation*, dia telah lalui proses yang kita perlukan untuk mengawal rakyat kita. Bukan kita hendak kata mesti ikut apa yang kita suruh tetapi proses pemikiran yang begitu berstruktur sekali.

Tuan Yang di-Pertua, anak-anak muda yang paling kritikal umurnya ialah umur 17 tahun dan 18 tahun. Sebab itulah saya tidak tahu macam mana satu kerajaan yang hebat dengan kekuatan, hendak selesai masalah rempit pun tidak boleh ini, terpaksa tubuh Jawatankuasa Kabinet. Malah tiga minggu yang lepas saya tengok sendiri dengan mata kepala saya, bagaimana ratusan anak-anak rempit ini, kereta polis satu sahaja. Dia boleh keliling, pusing, polis pun tidak tahu hendak buat apa, akhirnya polis pasang siren, dia pun *blah*, tinggal mat rempit.

Maknanya anak-anak kita telah sampai ke tahap dia berani. Kerana apa? Tuan Yang di-Pertua, kerana bukan sahaja di FELDA anak-anak tidak terkawal, tetapi tengok-tengoklah di bandar sendiri. Dia, anak-anak muda hidup dalam keluarga yang bukan semua senang di Kuala Lumpur. Sebagai contohnya, rumah satu bilik ataupun dua bilik. Satu bilik untuk emak dan bapa, satu bilik lagi untuk kakak dan adik perempuan. Yang lelaki hendak tidur di mana? Akhirnya dia bawa gitar, main di bawah.

Bila kawan-kawan dia ajak dia naik motor dan merempit, itulah yang dia boleh buat pun. Sebab itulah kalau kita dapat kumpulkan seperti Yang Berhormat Rembau kata, saya setuju

100% dengan Rembau. Kumpulkan mereka dalam kem, beri mereka latihan dan masa dua tahun ini percayalah Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengalami *experience* yang berbeza di antara tiga kaum, empat kaum dengan Iban, Dayak dan Kadazan dan waktu inilah saya mencadangkan, waktu ini sediakan anak-anak muda ini untuk berhadapan dengan realiti hidup di Malaysia. Sediakan mereka untuk betul-betul menjadi anak Malaysia yang akan mencabar apa juga masalah yang akan mendatang.

Waktu inilah diperkenalkan bahasa-bahasa kepada mereka. Perkenalkanlah bahasa Cina, Mandarin kepada mereka. Perkenalkanlah bahasa Tamil dan mengajar untuk mereka bercakap. Perkenalkan bahasa Iban, Kadazan dan budaya. Dalam masa dua tahun, percayalah. Saya pernah menjadi pengarah pilihan raya dan juga pengarah BTN. Percayalah kalau kita betul-betul ikhlas, insya-Allah masyarakat yang tidak tahu antara satu sama lain akan lebih sayang dan kasih-mengasihi antara satu sama lain. *Common suffering common experience*, bukan tiga bulan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan selepas sahaja – ini peranan yang harus disambut oleh kerajaan. Sebaik sahaja mereka menamatkan kursus dan masuk dalam tentera atau polis, sebaik sahaja mereka berumur 19 tahun, himpunlah mereka ke universiti-universiti. Tidak kiralah Cina, India, Melayu, Iban dan Kadazan. Kalau yang cerdik, masuk ke universiti yang mengutarakan kursus-kursus akademi tetapi yang tidak begitu bernasib baik, kita boleh *createkan* universiti-universiti yang lebih berbentuk teknikal dan vokasional.

Akhirnya, semua rakyat Malaysia pada umur 23 tahun atau 24 tahun, mereka akan bersedia untuk berhadapan dengan alam pekerjaan. Malah, saya setuju sekali lagi dengan Rembau, kalau kita *arrest problem* ini pada umur 17 tahun, 18 tahun atau 19 tahun dia di kem, 20, 21, 22, 23 tahun di universiti, akhirnya bila dia keluar pada umur 24 tahun, saya yakin dan percaya masalah rempit selesai, masalah pengangguran selesai, masalah pemikiran dan budaya selesai, masalah perkauman selesai dan yang lebih penting lagi mereka juga bersedia untuk masuk ke alam pekerjaan dan alam perkahwinan.

Waktu itu negara menjadi aman. Polis boleh habiskan masa dia menangkap pencuri-pencuri yang tidak masuk dalam program ini. Sekarang ini, bayangkan tiap-tiap hujung minggu, saya ada saudara-mara dan kawan-kawan yang polis, dia kata datang sahaja Jumaat, Sabtu dan Ahad, kami pening kepala. Kenapa? Seluruh negara gempita dengan masalah mat rempit dan mat rempit sekarang bukan setakat naik motor, tidur atas motor, terlentang atas motor, sekarang berani pukul orang, berani rogol orang, berani pukul polis, berani merompak. Ini semua dikaitkan dengan rempit kerana kita tidak *arrest problem* ini di peringkat pertama.

Sebab itu bagi saya, apa yang kita hendak buat ini hanyalah tempelan dan kita tidak boleh *repair* sedikit-sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita serius dengan perbelanjaan RM700 juta setiap tahun, apa salahnya *for once*, kita duduk dan betul-betul ikhlas, kita dapatkan *feedback* daripada rakyat di bawah, kita dapatkan *feedback* daripada Ahli Parlimen, kita dapatkan

feedback daripada guru-guru. Akhirnya kita bukan hendak kata, *point* ini kalau kita jual kepada Barisan Nasional, dia buat, kita kata, “Allah, silaplah. Patutnya kita tunggu dahulu.” Tidak payah, sebab yang penting bukan *point in score* oleh pembangkang tetapi akhirnya di luar sana masalah itu masalah kita bersama, sama ada kita pembangkang atau kerajaan, masalah tetap sama. [Tepuk]

Sebab itu saya merayu Timbalan Menteri, bawalah perkara ini, perkara masa depan kita. Walaupun saya boleh *control* anak saya tetapi kalau anak Timbalan Menteri juga tidak boleh *control*, jadi masalah juga kepada saya ataupun anak Timbalan Menteri baik, anak saya tidak baik, saya harap Timbalan Menteri juga menjadi masalah membawa masalah ini bersama. Bukan masalah anak saya atau anak Timbalan Menteri, masalah ini ialah masalah negara, masalah kita bersama.

Bayangkanlah kalau kita tidak dapat selesaikan dalam masa 10 tahun atau 15 tahun akan datang, negara-negara lain akan tinggalkan kita jauh ke hadapan. Kita masih bergelut dengan masalah rempit sedangkan masalah-masalah negara jiran telah pun menghantar anak-anak mereka ke *University Oxford, Cambridge* dan pelbagai lagi.

Sebagai contoh, saya bukan hendak memuji Singapura. Pengalaman saya semasa kita *break* Parlimen, saya pergi ke Singapura, yang pertama saya melihat betapa segaknya anak-anak sekolah di sana pakai uniform. Saya bawa isteri saya masuk ke dalam dia punya *train*, masuk sahaja *train*, pelajar yang berpakaian uniform ini tengok saya dengan isteri berpimpin tangan. Dia kata, “*Madam, can you have my seat?*” Dia bangun. Saya tahu di Malaysia pun bangun juga tetapi saya sebut betapa indahnya budi bahasa mereka, betapa mereka dalam uniform itu, saya rasa *if only* kita boleh buat ini di Malaysia.

Jadi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, haruslah kita lihat sebagai *total overhaul*. Sudah tentu ada orang Johor kata, bukan semua, orang Singapore pun ada yang kurang ajar juga. Saya melihat insiden ini sahaja, insiden lain saya tidak kiralah, tetapi insiden melihat bagaimana anak-anak muda dalam uniform ini yang saya tanya dia kata dalam *National Service* dan dia dapat meluahkan jati diri dia dalam satu kumpulan bangsa yang pelbagai.

Saya yakin tiga bulan tidak cukup. Pengalaman saya sekali lagi sebagai pengarah BTN tidak cukup, tetapi insya-Allah kalau kita dapat kumpulan anak-anak muda ini pada umur 17 tahun seperti yang Yang Berhormat Rembau katakan tadi dan kita dapat *mould* mereka dalam masa dua tahun, kita akan dapat menyaksikan rakyat Malaysia dan Malaysia yang lebih gemilang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

■1240

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian membahaskan usul Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan pada ketika ini membelanjakan satu jumlah yang cukup besar sekali iaitu sebanyak RM2.3 bilion untuk menjayakan program PLKN. Akan tetapi ia telah membuktikan satu kejayaan yang cukup berkesan sekali dalam membentuk keperibadian pemuda-pemuda kita yang menjadi bakal penerus perjuangan kita.

Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Sungai Petani yang telah memberikan satu ucapan yang cukup bernas sekali. Bukan sahaja beliau cukup positif menyokong usaha kerajaan dan menampakkan bahawa pakatan pembangkang sebenarnya mempunyai pendapat yang cukup berlainan sekali. Saya cukup terperanjat sekali, hairan dan sedih kerana Yang Berhormat daripada Batu Gajah begitu negatif. Apa sahaja perbuatan yang dibuat, program yang dijalankan oleh kerajaan semua salah, semua tidak betul. Dia seorang sahaja betul.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai rakyat memikul tanggungjawab untuk memastikan supaya kita dapat sama-sama mempertahankan benteng pertahanan negara kita. Kalau anak-anak kita tidak dilengkapi dengan ilmu di dada, siapakah yang akan mempertahankan kedaulatan kita? Saya cukup...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Mohon penjelasan sedikit boleh? Sedikit sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya bukan mengatakan bahawa saya tidak bersetuju ataupun tidak, tetapi saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Jasin. Kita ada model mahu menjadikan anak kita sebagai *Spartan* pun boleh, kita hendak menjadikan anak muda sebagai *Athenian* pun boleh. *Spartan* duduk di *berek*, *Athenian* dia belajar falsafah, dia belajar kebudayaan dan sebagainya. Persoalan ini saya timbulkan kerana sebenarnya di dalam mukadimah Yang Berhormat Jasin juga membicarakan mengenai pendidikan. Jadi saya mohon penjelasan, apa yang sebenarnya hendak dicapai ini? Satu *military* rejim ataupun *Athenian* atau *Spartan*. Saya memilih menjadi *Athenian* kerana saya nampak elemen kebudayaan yang menjanjikan penyatuan yang sebenarnya, jati diri yang sebenarnya terhadap negara ini. Bukan *Spartan* seperti yang dicadangkan. Mohon penjelasan.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang saya sebutkan tadi, kita mahu melahirkan satu generasi bangsa secara benar-benar cemerlang secara total. Jadi bukan tidak ada hubung kait dengan *military* rejim ataupun apa-apa rejim. Kita mahu selain daripada mereka hebat daripada segi akademik bahkan daripada segi keperibadian, segi kepimpinan secara total supaya mereka benar-benar boleh menjadi pemimpin masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik sekali lagi dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Sungai Petani tadi. Dia membuat perbandingan dengan Singapura yang

telah menjalankan latihan dua tahun, selepas itu memberikan pilihan sama ada berkhidmat sebagai polis ataupun tentera ataupun terus melanjutkan pelajaran masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Singapura sebenarnya mereka yang berumur 17 tahun ke atas adalah *a very well trained soldier*. Siapakah orang-orang Malaysia? Kalau apa-apa yang terjadi di negara kita, kita hanya mengharapkan tentera-tentera kita dan polis sahaja mempertahankan negara kita. Akan tetapi rakyat Singapura, kesemuanya boleh memikul senjata dan berkeupayaan mempertahankan kedaulatan negara mereka. Itulah sebab gunanya PLKN ini dan saya yakin apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani cukup bertepatan sekali. Ini kerana beliau ada mempunyai pengalaman yang cukup luas. Tempoh tiga bulan sahaja tidak cukup. Kita hendak peserta-peserta ini dibekalkan bukan sahaja dari segi kepimpinan jati diri, latihan yang betul dan supaya apabila mereka keluar daripada PLKN, mereka benar-benar menjadi seorang pemuda yang insaf dan tahu akan tanggungjawabnya dan insya-Allah kita boleh melihat satu generasi bangsa yang benar-benar boleh kita harapkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya lihat pemilihan peserta PLKN ini sebenarnya secara rambang sahaja. Ia tidak dikenakan 100% dan pemilihan ini tidak langsung diambil kira ataupun guru-guru, pemimpin-pemimpin masyarakat diambil maklum sehinggakan kita pilih mereka yang tidak berkeupayaan. Ada di kalangan murid-murid yang cacat anggota apabila mereka tidak dapat menghadiri, kita ambil tindakan. Kadang-kadang tindakan yang dikenakan kepada peserta-peserta itu muda berusia 17 tahun yang ada anak menyusu.

Jadi seharusnya kita melihat perkara ini. Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menyeru kepada pihak-pihak pembangkang supaya insaf apa yang dibuat oleh kerajaan ketika ini setelah kita buat satu penelitian yang cukup rapi. Kita mahu, kita hendak melihat kalau boleh apa juga wang yang kita belanjakan itu benar-benar mendapat satu keberkesanan dan manfaat untuk seluruh rakyat Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

12.46 tgh.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk turut berbahas tentang Rang Undang-undang PLKN ini dengan saya menyentuh tentang dua, tiga perkara penting yang saya rasa perlu untuk kita bermuhasabah, kita berkongsi pengalaman dan belajar daripada kesilapan masa lalu untuk kebaikan bersama.

Pertama sekali saya bersetuju dengan rakan-rakan sebentar tadi bahawa di antara objektif penting bila pihak kerajaan membelanjakan RM500 juta hingga RM700 juta setahun untuk program ini. Perkara pertama yang hendak dicapai tentang isu perpaduan yang semakin meruncing, keduanya bagi menyelesaikan masalah sosial yang semakin mencengkam generasi muda kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita boleh yakin ke tahap ada pada hari ini bahawa program tiga bulan itu telah dapat mencapai satu objektif di mana kita mampu paling tidak pun

memberikan satu gambaran yang jelas dan kefahaman yang jitu terhadap apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan perpaduan dan apa sebenarnya isu perpaduan yang harus diselesaikan di dalam negara kita? Apatah lagi kita telah memperakui negara telah mencapai kemerdekaan lebih daripada 50 tahun.

Kenapa isu perpaduan ini masih lagi menjadi satu topik yang diperbincangkan oleh semua lapisan masyarakat dalam negara kita? Tempoh tiga bulan, kalau kita benar-benar menginsafi tentang keberkesanan program ini, saya suka untuk menyentuh sedikit tentang pandangan daripada Yang Berhormat Jasin tadi. Tidak benar sebenarnya apabila beliau berprasangka bahawa setiap kritikan itu tidak menggambarkan terima kasih kita kepada kerajaan. Adakah dengan kita memberikan pandangan-pandangan yang berbeza itu, melambangkan kita tidak sayangkan kepada negara?

Sebenarnya kita di pihak sini juga mempunyai peranan kerana kita percaya kepada sistem yang ada kepada Parlimen ala *Westminster* ini, bahawa peranan kita sebagai *check and balance* itu perlu untuk kita menterjemahkan pandangan rakyat melalui saluran demokrasi ini supaya setiap wang rakyat itu diperhitungkan dengan penuh tanggungjawab supaya wang itu dan kehendak rakyat tercapai. Sebagai contohnya, kita melihat kepada isu perpaduan. Anak-anak muda ini dihantar sebaik sahaja mereka melepasi tahap SPM. Kita kena akui mengapa setelah enam tahun belajar di sekolah rendah dan enam tahun sekiranya mereka sampai ke pengajian Tingkatan 6, maknanya 12 tahun belajar di dalam sekolah kerajaan ini kemudian dihantar untuk kursus PLKN. Kemudiannya ditekankan tentang aspek perpaduan. Adakah model ataupun modul yang diajar di sekolah dalam aspek moral pengajaran agama itu dan kombinasi pelajaran integrasi dalam kurikulum sekolah itu baik di sekolah rendah dan menengah gagal untuk melahirkan generasi yang faham tentang isu perpaduan.

■ 1250

Ini seharusnya dijawab dengan jujur oleh pihak kerajaan. Kita menghabiskan RM500 juta hingga RM700 juta setahun untuk kembali mengisi pemikiran generasi muda ini tentang apa yang dimaksudkan dengan perpaduan. Kenapa 50 tahun negara kita berjalan atas nama kemerdekaan, isu ini masih lagi diperbincangkan?

Sebab itu saya melihat bahawa pendekatan yang bersifat holistik penting dan tidak hanya menjurus kepada aspek PLKN ini sahaja. Pindaan ini walaupun hanya mahukan kepada denda penjara itu dialih kepada khidmat masyarakat, itu bukan satu bentuk penyelesaian yang total. Saya bersetuju tadi hatta dengan pandangan Yang Berhormat Rembau sebagai contoh dan Ahli Yang Berhormat Sungai Petani yang punya pengalaman dalam mengurus paling tidak pun dalam masa beliau bersama kerajaan dahulu tentang betapa pentingnya aspek ini dipandang berat oleh pihak kerajaan.

Sebagai contoh pada hari ini, masih ada lagi kadang-kadang kita sebagai orang politik ataupun pelatih-pelatih yang belajar ataupun yang memberikan ceramah-ceramah motivasi dan

seumpamanya kita lihat sebagai contoh masih lagi memberikan jawapan yang seolah-olahnya kita baru bermula dalam era kemerdekaan.

Hari ini apabila bangkit masalah biasiswa sebagai contoh, bangkit masalah yang ada hubung kait dengan sistem penyampaian, ada masalah yang ada hubung kait dengan isu ekonomi sebagai contoh. Kita ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rompin bangun Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Sekejap, sekejap saya habiskan dahulu. Selepas ini saya beri. Maka jawapan yang diberikan kepada mereka yang bertanya adalah kamu kena ingat asal usul kamu, dari mana kamu datang dahulu. Benar, sejarah tetap sejarah. Saya tidak menafikan hakikat pemahaman sejarah itu penting diajar kepada generasi muda tetapi kita yang menjadi pemimpin hari ini baik di sebelah sana atau pun kita di sebelah sini.

Apakah jawapan yang paling baik dan tuntas untuk kita berikan kepada generasi muda yang ada pada hari ini. Adik-adik sekolah di sana. Apabila lahir isu perkauman sebagai contoh, kita akan menyatakan ingat dahulu kamu datang dari mana. Adakah itu jawapan pada hari ini? Kalau kita berikan jawapan itu kepada Yap Ah Loi dahulu, mungkin generasi pertamanya ianya mungkin ingat, dia mungkin rapat dengan sejarah itu tetapi hari ini mereka lahir di sini. Ibu bapa mereka lahir di negara ini, anak ini lahir dalam negara ini. Mana mungkin kita boleh memberikan jawapan yang seperti itu.

Maka kembalilah kita kepada realiti masyarakat yang ada pada hari ini bahawa kita perlu melihat secara jujur tentang pendekatan pendidikan kita. Sebab itu dalam sesi yang lepas, apabila saya membahaskan tentang aspek pendidikan ataupun kurikulum yang kita atur kepada sekolah-sekolah yang ada pada hari ini, kita hanya merujuk kepada Penyata Razak, Penyata Rahman.

Itu telah kita kaji 40 tahun, 30 tahun yang dahulu. Mana hari ini penyata Hishamuddin. Kenapa tidak dibuat pada hari ini penyata yang lebih relevan, yang lebih menjurus berdasarkan kepada kajian-kajian daripada pihak kerajaan sendiri. Universiti sendiri yang ada pada hari ini mula membuat kajian tentang bagaimana perlunya sistem pendekatan pendidikan di sekolah rendah dan menengah itu dikaji semula dan saya harap bahawa dengan Menteri Pendidikan yang baru ini saya harap akan lahir penyata Muhyiddin yang lebih relevan, yang lebih menjurus kepada kehendak generasi muda kita yang ada pada hari ini. Sila sahabat saya Ahli Yang Berhormat Rompin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya hendak minta sedikit penjelasan sebab saya amat amat sokong tema yang Perdana Menteri bawa iaitu amat penting walaupun kita sudah lebih 50 tahun merdeka, amat penting kita terus kekalkan dan pupuk perpaduan tetapi sebelum itu izinkan saya hendak

mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat tentang Naib Presiden PAS. Bukan itu sahaja pasukan Ahli Yang Berhormat dapat menang, dapat menghapuskan kita bimbang takut masuk makhluk virus klon itu yang boleh merosakkan PAS daripada kepimpinan ulama. Syabas kepada Ahli Yang Berhormat, pasukan Ahli Yang Berhormat yang menang, syabas. Perubahan pun kita sudah banyak buat, surat Agong pun sudah buang buat yang baru. Oleh sebab itu pun sudah hapuskan potensi klon yang masuk.

Sekejap Yang Berhormat, saya balik kepada isu yang baik tadi Ahli Yang Berhormat. Adakah Ahli Yang Berhormat nampak tadi Ahli Yang Berhormat katakan lepas enam tahun sekolah rendah, lima tahun sekolah menengah masih lagi kita penting memupuk perpaduan. Itu saya setuju, bermakna ada baiknya mungkin orang parti tengok di mana kesilapan kita sama ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat Rompin, sekejap. Duduk dahulu Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat Kuala Krai, Ahli Yang Berhormat dalam senarai Ahli Parlimen yang diperintah keluar pagi ini sehingga dua hari akan datang termasuk hari ini. Saya minta Ahli Yang Berhormat keluar daripada Dewan. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]: Lepas saya hujah saya jumpa Ahli Yang Berhormat, saya ceritakan apa yang saya beritahu pada Dewan, takut Ahli Yang Berhormat tidak dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Keluar Ahli Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]: Selamat bercuti Ahli Yang Berhormat... [Ketawa] Boleh balik kawasan.

Seorang Ahli: Manek Urai.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]: Manek Urai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Ahli Yang Berhormat. Saya ingin maklumkan, mungkin ada yang tidak perasan mereka digantung. Ahli Yang Berhormat Bukit Gantang; Ahli Yang Berhormat Beruas; Ahli Yang Berhormat Taiping; Ahli Yang Berhormat Pokok Sena; Ahli Yang Berhormat Padang Serai; Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor; dan Ahli Yang Berhormat Kuala Krai. Itu senarainya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]: Oleh kerana berpakaian tidak mengikut peraturan Parlimen.

Seorang Ahli: Nampak aurat!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]: Hendak sebut dalam *Internet*, nampak lain cerita. Saya baru masuk *Internet*, lain sudah cerita, sudah. Itu orang rekod, tidak percaya tanya Timbalan Presiden PAS yang baru, *sorry* dapat mandat baru pula tiga tahun

tetapi yang saya kena ulang itu, mandat ini yang baru dapat takut yang lain itu dia ke lain perginya, masuk. Saya minta maaf...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Buang masa!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]: Minta maaf, saya minta maaf... [Ketawa] Ke lain sedikit. Betul, saya setuju Yang Berhormat sebentar tadi mengapa setelah enam tahun sekolah rendah, lima tahun sekolah menengah, 50 tahun mengapa lagi kita bercakap tentang perpaduan. Saya bersetuju. Adakah elok kita kaji kembali sistem pendidikan kita?

Mungkin di sekolah-sekolah itu kita tidak menolak bahawa boleh ada sekolah-sekolah etnik masing-masing, itu tidak menolak mungkin patut ditanamkan juga walaupun apa jenis saluran sekolahnya, kerajaan, yang mengikut kaum sendiri, itu tidak mengapa, teruskan, itu hak dalam Perlembagaan mereka tetapi mungkin kita tanamkan sikap perpaduan di sekolah-sekolah itu.

Mungkin hanya sekolah kerajaan sahaja, sekolah swasta tidak. Kita tidak menolak, bukan hendak menolak, itu hak dalam Perlembagaan, kita menghormati tetapi mungkin kaji kembali mungkin dipupuk di sekolah itu jangan ditunggu selepas 11 tahun baru hendak pupuk perpaduan. Ini saya sokong pandangan Ahli Yang Berhormat tadi termasuk sekolah swasta yang dipunyai oleh PAS juga.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mula-mula cakap tadi Ahli Yang Berhormat Rompin ini macam negarawan, sokong perpaduan tetapi apabila masuk itu macam pakar pecah belah... [Tepuk]

Jadi terima kasih atas pandangan itu dan memang Tuan Yang di-Pertua saya rasa kita punya satu masyarakat yang cukup unik, anugerah Ilahi, anugerah Allah SWT di Malaysia ini. Saya rasa konsep yang kita hendak pakai ialah *unity in the adversity*, dengan izin.

Kita tidak boleh contoh tadi semasa waktu senggang kita melihat ada seorang Cina duduk di kelompok mereka, orang Melayu duduk di kelompok mereka, kedai-kedai kopi begitu juga. Saya rasa itu *nature*, itu fitrah yang tidak boleh kita hapuskan tetapi yang penting saya setuju tadi Ahli Yang Berhormat Rompin juga bersetuju bahawa yang penting kita melihat satu pengabaian tentang teras perpaduan itu yang diajar oleh semua agama.

Saya rasa ini satu *command interest* yang kita boleh kongsi. Sebab itu saya memang bersetuju kalaulah sebab itu saya minta supaya ada penyata Muhyiddin. Kalau Hishamuddin gagal tidak mengapa, ada penyata Muhyiddin yang akan datang dia akan keluar dengan satu penyata yang lebih bertanggung jawab, bagaimana kita melihat aspek ini boleh ditanam di peringkat sekolah. Agama masing-masing mengajar tentang perpaduan, tidak ada agama yang mengajar tentang permusuhan.

Oleh itu kita melihat satu modul baru mestilah digubal oleh semua pihak yang bertanggungjawab dan saya untuk ke sekian kalinya mempelawa dan bersedia sekiranya kami

dipanggil oleh mana-mana pihak hatta pihak kerajaan untuk kita berkongsi pemikiran kita bagaimana satu modul yang lebih bertanggungjawab yang mesti kita wujudkan dalam suasana Malaysia hari ini. Sebab itu saya yakin dan percaya kalau kita ikhlas dan kita benar-benar bertanggungjawab kita boleh memberikan suatu bentuk pemikiran yang lebih segar untuk rakyat Malaysia, untuk kita berkongsi pengalaman kita terhadap isu ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin mengambil masa yang panjang dalam dua minit lagi tentang khidmat sosial ini. Saya juga menawarkan di atas nama PAS pada hari ini insya-Allah tanpa prejudis bahawa kami ada pasukan Unit AMAL yang kami pupuk, yang kami latih, yang kami berikan mereka satu doktrin di luar jangkauan politik dan 'nisa' di peringkat wanita yang kami tidak ajar mereka tentang ekstrem politik. Kita mengajar mereka tentang khidmat masyarakat, tanggungjawab kepada masyarakat, memberikan perkhidmatan kepada masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa.

Alhamdulillah, saya rasa di pihak kerajaan pun saya pernah mendengar ada satu pujian diberikan pada Unit Amal di waktu bencana alam, waktu kemalangan, di waktu mana-mana pun mereka telah berjaya untuk melangkaui jangkauan politik ini dan mereka benar-benar telah menjadi satu pasukan amal.

Oleh itu kami menawarkan, kalau ada mana-mana peserta PLKN di negara ini supaya Unit Amal dan insya-Allah kita akan bina moral mereka, integriti mereka atas nama memberikan kebaikan kepada negara, insya-Allah. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya sila Yang Berhormat Pasir Mas.

2.32 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara 2003. Tuan Yang di-Pertua, sejak Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) ini dijalankan bermula tahun 2004 kerajaan telah membelanjakan wang hampir RM2.4 bilion dan sudah disebut oleh ramai rakan Ahli Parlimen sebentar tadi.

Persoalannya adakah sampai hari ini pihak kerajaan telah melakukan audit iaitu audit keberkesanan dan faedah hasil daripada Latihan Khidmat Negara ini dan juga dari segi penggunaan wang untuk mengurus PLKN ini sebab dalam tempoh 2004 sehingga sekarang.

RM2.4 bilion bukanlah satu peruntukan yang kecil dan di sesi Dewan Rakyat sebelum ini pernah saya bangkitkan dari segi perbelanjaan. Terutamanya dari segi pembelian alat-alat untuk Latihan Khidmat Negara contohnya baju celorong-celorong, kasut, buku nota, kos pengangkutan yang saya dimaklumkan sebelum ini agak luar biasa.

Jadi apakah pihak kerajaan akan mengkaji semula dan bagaimanakah bentuk cara tawaran yang diberi kepada pembekal-pembekal terutamanya mereka yang terlibat dalam Program Latihan Khidmat Negara? Sebab sebelum ini kita dengar berlaku kontroversi soal pengangkutan yang tidak mencukupi kerana ianya diberi kepada syarikat yang bukan terlibat dalam pengangkutan. Mereka yang dapat ini terpaksa *out sourcing* pula dengan mereka yang menjalankan perniagaan pengangkutan. Begitu juga baju, kasut dan sebagainya kalau dibandingkan dengan harga yang ditawarkan oleh pembekal-pembekal ini. Kadang-kadang saya tengok kalau saya hendak beri contoh secara spesifik baju celoreng dan kasut yang memang luar biasa.

Jadi sebab itu saya hendak minta kementerian supaya mengkaji dengan teliti dan cermat seperti wang rakyat tidak dibazirkan. Tuan Yang di-Pertua, matlamat Latihan Khidmat Negara ini memang baik tetapi dalam tempoh tiga bulan semua kita tahu tidak ada banyak yang dapat kita mengubah sikap peserta-peserta kerana tempoh itu begitu singkat.

Mengambil kira keadaan sekeliling realiti hidup dalam negara sekarang ini kita lihat macam-macam cabaran. Maka sebab itu dalam soal untuk mencapai matlamat iaitu jati diri yang benar-benar mampat dan kukuh saya tidak pasti sama ada tempoh tiga bulan ini berkesan atau tidak dan diambil kira dengan kos perbelanjaan yang terpaksa kerajaan keluarkan dan matlamat terakhir ialah untuk mewujudkan integrasi kaum iaitu Perpaduan Nasional.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak sangat untuk hendak mewujudkan integrasi kaum ataupun Perpaduan Nasional kerana dasar kita banyak juga bertindih ataupun *overlapping* ataupun *contradict*. Contohnya asas yang paling utama untuk kita mewujudkan Perpaduan Nasional ialah dalam bentuk pendidikan iaitu pengajian dalam satu aliran sistem bahasa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang diiktiraf di dalam Perlembagaan.

Akan tetapi malangnya bagi menghormati kehendak lain-lain kaum maka sekolah-sekolah aliran lain juga dibenarkan, yang kita lihat agak berbeza dengan negara Indonesia, negara Filipina dan mana-mana negara sekalipun kerana bahasa itu adalah alat perpaduan. Ini asasnya, tetapi walau macam mana pun mungkin menokok-tambah hasil daripada Latihan Khidmat Negara ini boleh dijadikan asas untuk integrasi di antara rakyat pelbagai kaum di negara kita ini.

Akan tetapi saya katakan tadi tidak mudah dan banyak gangguan dan halangan ke arah Perpaduan Nasional ini sehingga usah hendak laksanakan sekolah satu aliran, menggunakan bahasa kebangsaan malah sekolah wawasan pun dicangguh dan dibantah. Selagi ada budaya

bagi betis hendak paha dan tidak menghormati asas Perlembagaan Negara selagi itu kita tidak akan dapat mencapai perpaduan nasional.

Akan tetapi saya mengalu-alukan apa sahaja usaha termasuk latihan khidmat negara yang dianjurkan oleh kerajaan ini tetapi saya bimbang dari segi kos yang meningkat dari semasa ke semasa. Kalau tidak dikawal dengan baik saya rasa ianya boleh membazir sebab mungkin ada cara lain lagi yang wang ini boleh digunakan untuk kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal takrif khidmat masyarakat. Pada hemat saya khidmat masyarakat yang dicadangkan adalah terlalu luas dan tidak jelas. Apabila seseorang remaja melakukan kesalahan dengan tidak menghadiri Latihan Khidmat Negara beliau akan diwajibkan menjalani khidmat masyarakat. Namun apakah skop khidmat masyarakat tersebut? Saya tidak mahu belia kita dipaksa bila melakukan khidmat masyarakat nanti dilihat sebagai kerja buruh paksa atau kepentingan individu tertentu.

Saya menyarankan supaya skop kerja khidmat masyarakat dinyatakan dengan jelas di dalam satu jadual kepada akta ini supaya keraguan tidak timbul atau terbuka kepada penyalahgunaan kuasa. Apabila penyalahgunaan berlaku ianya bukan khidmat masyarakat tetapi sudah jadi buruh paksa. Skop kerja khidmat masyarakat mestilah tidak melibatkan kerja-kerja yang membahayakan nyawa kerana belia yang melakukan kesalahan di bawah akta ini bukanlah *skill workers*. Mereka tidak berpengalaman melakukan kerja-kerja yang memerlukan kemahiran atau pengalaman.

Oleh itu kita tidak boleh menghukum mereka dengan kerja yang berat ataupun tidak teliti dengan hukuman ataupun kerja yang dikatakan kerja masyarakat yang saya maksudkan tadi. Perlu berhati-hati, jangan selepas ini berlaku malapetaka baru hendak tubuh Jawatankuasa hendak kaji itu dan ini seperti mana yang kita dengar sebelum ini banyak kali berlaku.

■1440

Lagi pun kesalahan mereka bukan kesalahan jenayah. Mereka hanya tidak menghadiri Program Latihan Khidmat Negara ini. Saya lebih bersetuju jika mereka membuat khidmat masyarakat di rumah anak yatim, hospital kerajaan, jabatan kebajikan, rumah warga emas yang lebih berupaya memberi khidmat kepada orang awam dan bukan kerja-kerja fizikal di tempat-tempat yang terbuka. Apakah khidmat masyarakat itu merangkumi kerja-kerja yang perlu dilakukan di hadapan khalayak ramai? Mereka terpaksa membuat kerja di hadapan khalayak ramai seperti banduan-banduan yang dibawa kerja di luar sekarang ini dengan pakaian uniform penjara.

Jikalau ia amat memalukan remaja-remaja yang terlibat dan mungkin meninggalkan kesan psikologi yang negatif bagi mereka seumur hidup. Bolehkah khidmat masyarakat itu dijalankan di luar pandangan orang ramai? Itu persoalan yang pertama. Kedua, tempoh khidmat masyarakat Tuan Yang di-Pertua, di dalam rang undang-undang yang dibentangkan, seseorang pesalah akan diwajibkan oleh mahkamah untuk menjalani khidmat masyarakat tidak

lebih daripada 240 jam jumlah agregatnya. Persoalan saya, adakah garis panduan bagi mahkamah untuk mengenakan tempoh maksimum 240 jam dan bolehkah mahkamah mengurangkan tempoh kepada satu jam sahaja kerana ianya terlalu umum.

Jika mahkamah boleh mengurangkan tempoh atau khidmat masyarakat apakah kriterianya, garis panduan atau *mitigating factor* dengan izin yang akan digunakan. Adakah faktor latar belakang keluarga akan dipertimbangkan? Jika seseorang remaja itu adalah anak VIP atau menteri, apakah tempohnya akan dikurangkan? Ataupun ada sesetengah dikenakan 240 jam, 40 jam ada satu hari, ada setengah hari, jadi mungkin akan timbul masalah pula dan persepsi yang tidak baik kepada pihak kerajaan. Adalah disarankan bahawa hukuman khidmat masyarakat itu ditetapkan cara pelaksanaannya di dalam sesuatu jadual. Di mana jumlah masa dan jumlah hari ditetapkan dengan jelas. Ini bertujuan untuk menghindarkan situasi-situasi seperti seseorang remaja dikehendaki untuk melakukan khidmat masyarakat untuk 20 jam berturut-turut atau diminta membuat khidmat masyarakat sejam sahaja setiap minggu dan hukuman berlarutan sehingga lebih daripada dua tahun.

Masa rehat dan cuti mesti ditentukan dan dibenarkan. Ini juga tidak dijelaskan dalam kata ini. Mengenai dengan pampasan atau insurans, jika berlaku kemalangan ketika menjalani khidmat masyarakat, sekiranya kecederaan atau kematian berlaku semasa khidmat masyarakat itu dijalankan, adakah pampasan akan diberikan oleh kerajaan. Jikalau ya, bolehkah peruntukan sedemikian ditambah di dalam Akta 628 sebab peruntukan tidak ada di dalam akta ini bagi membayar pampasan jika berlaku kemalangan seperti kematian dan seumpamanya, kerana ianya sudah berlaku sebelum ini dengan macam-macam masalah. Keselamatan individu yang menjalani hukuman khidmat masyarakat perlu diutamakan. Kesalahan mereka bukanlah serius seperti kesalahan jenayah, seperti yang saya sebutkan tadi. Dalam hal ini isu adalah bidang kuasa mahkamah.

Oleh sebab hukuman denda dan penjara akan digantikan dengan hukuman khidmat masyarakat, maka mahkamah mana yang akan mempunyai bidang kuasa ke atas pesalah pusat khidmat negara ini. Bidang kuasa Mahkamah Majistret Jenayah Kelas 1 adalah terhad kepada kes-kes yang membawa hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun atau denda sahaja dan di bawah Seksyen 392 dan 457 Kanun Keseksaan. Manakala bidang kuasa Mahkamah Majistret Jenayah Kelas 2 hanya merangkumi kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman penjara tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM1,000 atau gabungannya kedua-dua sekali. Mahkamah Majistret Jenayah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes-kes yang hukumannya hanya adalah untuk menjalankan khidmat masyarakat.

Oleh itu saya mencadangkan supaya seksyen baru ditambah pada akta ini untuk memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Majistret Jenayah Kelas 1 supaya tidak timbul masalah apabila rang undang-undang ini dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, sesudah saya

menyentuh sedikit tentang *loophole*, dengan izin dalam akta ini, saya menyatakan daripada awal tadi tujuan khidmat negara ini akhirnya menjurus ke arah cita-cita, ke arah perpaduan nasional.

Perpaduan nasional Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi dalam mukadimah saya ianya memerlukan banyak faktor. Faktor yang paling utama ialah pemimpin sendiri. Sebab itu saya ingin menyarankan supaya kerajaan menumpu balik dan menghidupkan balik konsep ataupun slogan Kepimpinan Melalui Teladan. Cara kita hendak membentuk anak-anak muda ini seperti mana mereka di sekolah pepatah mengatakan, *guru kencing berdiri, anak murid kencing berlari*.

Kalau kita mahu anak-anak muda menjadi contoh dan menjadi warga yang baik, ada jati diri yang mampan, kukuh, kita sendiri mesti menunjukkan tauladan. Tetapi dalam Dewan Rakyat ini pun kita tidak mampu menunjukkan tauladan yang baik. Seperti yang kita lihat pagi tadi, gejala yang berlaku pagi tadi, lebih merupakan kepada *meludah ke langit jatuh ke muka sendiri*. Ini yang amat menyedihkan sebab tingkah laku yang tidak baik ini dibuat oleh mereka yang berpendidikan tinggi. Makanya mereka yang melakukan perbuatan kecoh dengan tidak menghormati peraturan Dewan Rakyat memakai lencana dan memekik di dalam Dewan ini sesuatu yang kita kira di luar daripada peraturan Parlimen. Kalau mereka yang berpendidikan melakukan ini, sedarkah mereka *insult* diri mereka sendiri.

Mereka *insult intelligent* mereka sendiri, mereka *insult* minda, intelektual mereka sendiri, apatah lagi kelulusan yang mereka ada cukup memalukan. Memang kalau kita tidak puas hati, kita boleh bercakap, kita boleh berhujah, kita boleh bentang dengan tidak payah membuat kekecohan. Kalau apa yang berlaku tadi saya lihat Tuan Yang di-Pertua ianya tidak boleh menjadi contoh kepada generasi muda, tidak boleh menjadi contoh kepada masyarakat, apatah lagi hendak menjadi *World Class Parliament* ataupun masyarakat yang dikatakan *civil society*. Ianya amat memalukan sekali. Jadi Tuan Yang di-Pertua, hakikat ini kita mesti akui dan saya tidak nafi dan mungkin akan terjadi satu hari nanti seperti di dalam Dewan Undangan Negeri Perak atas alasan apa pun tolak menolak, kerusi patah dan sebagainya. Dalam Dewan Rakyat pada pagi tadi saya tengok sudah berlaku.

Ertinya satu hari nanti tidak mustahil tumbuk-menumbuk boleh berlaku dan bagi Ahli-ahli Parlimen yang tua-tua kena bersedia sedikit. Nanti kena tendang boleh jadi mati, silap hari bulan. Jangan main-main bukan saya kata ini senyum ataupun saya sengaja hendak bangkit. Boleh berlaku sebab itu saya sendiri pun turut mengawal diri supaya tidak terjerumus dengan tindak tanduk kebudak-budakan yang amat memalukan ini. Jadi apa pun yang dibuat nanti ia membazir kalau kita sendiri tidak dapat tunjuk contoh dan teladan yang baik. Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih saya menyokong rang undang-undang ini.

2.48 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Akta Latihan Khidmat Negara. Apa sebenarnya matlamat yang ingin diketengahkan oleh kerajaan dan kementerian untuk menggubal akta ini.

Pada saya setelah melihat apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan, iaitu merupakan satu inti pati kesinambungan untuk mendidik warga generasi bangsa kita agar menjadikan diri mereka lebih berkeyakinan lebih berketerampilan, bertanggungjawab, antara lain mereka mengetahui asal usul negara mereka, sejarah negara dan sebagainya. Oleh kerana itu pada saya apa pun akta yang kita gubal semata-mata untuk mengenakan mereka yang mungkin ingkar, mereka yang tidak bersetuju. Pada saya itu bukan tujuan asal. Tujuan asal dia iaitu kerajaan menyediakan pusat khidmat negara ini untuk melengkapkan diri generasi anak bangsa kita sebab mereka ini adalah merupakan kesinambungan kepimpinan masa akan datang. Persoalannya, sejauh manakah impak besar yang telah tercapai dalam Program-program Khidmat Negara yang sesudah sebelum dan seterusnya.

■1450

Pada saya memang jelas bahawa hasrat murni kerajaan ini untuk memberi pendedahan iaitu secara terbuka kepada mereka yang dulu mungkin tidak tahu bagaimana cara bergaul, apa yang harus dilakukan tetapi hari ini setelah mereka melalui pembelajaran selama tiga bulan itu, maka mereka dapat menimba satu ilmu baru untuk diri mereka. Oleh sebab itu, apa yang perlu kerajaan lihat iaitu, bagaimana pelaksanaan sistem yang sedia ada ini, mampu diterjemahkan dan diterima oleh pelatih-pelatih ini. Ya, sila Putatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Kinabatangan, terima kasih kerana dapat komen daripada Batu Pahat.

Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat soal hasil produk keluaran daripada pusat khidmat yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ramai yang dikatakan graduan daripada latihan ini, membawa impak yang baik terutama sekali dari segi disiplin, dan patriotiknya kepada negara kita.

Jadi ini satu daripada usaha kerajaan untuk mempersatukan rakyat majmuk di negara ini. Apakah Yang Berhormat kalau kita cadang kepada kerajaan bahawa, dengan akta ini mewajibkan semua pelatih-pelatih ini, atau termasuk semua masyarakat golongan muda kita diwajibkan untuk masuk berlatih di pusat khidmat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, kalau kita lihat di negara Amerika, United Kingdom, negara Komunis China. Apabila saya tanya, dia menjawab "*Everybody in China is a Military*", dia bilang. Semua bermakna, semua warganegara China itu, mesti melalui proses ketenteraan, sedangkan ia punya populasi 1.4 bilion, ia boleh kerah mereka menjadi mandatori. Kita baru tiga bulan, Singapore mandatori, Britain, United Kingdom, Amerika,

tapi kita tiga bulan pun, ada anak VIPlah, itulah, inilah. Ini nampak kita ada *double standard* dalam soal ini, anak orang susah, tambah susah.

Jadi, persoalannya sekarang, sejauh manakah keikhlasan kita menterjemahkan Pusat Khidmat Negara ini, supaya ia menjadi satu sumber inspirasi kepada anak muda supaya kita punya mat rempit sudah kurang, lepak kita kurang, tetapi makin bertambah. Mat rempit ini saya tengok umur dia 17, 18 tahun. Jadi apa sudah jadi dengan khidmat negara kita? Adakah kita sudah berjaya? Ataupun kita berjaya menghabiskan wang ringgit, tetapi tidak ada impak yang besar ke arah memulihkan bagaimana kehendak anak muda pada hari ini, berlainan dengan apa yang kita kehendaki.

Jadi pemegang-pemegang amanah dalam Pusat Khidmat Negara ini, perlu melihat secara rasional, secara relevan. Jangan dia letakkan syarat ikut nafsu dia, dia kena lihat apa anak muda hari ini kehendaki, apa yang mereka mahu, kenapa tidak ditukar *syllabus* dia, kita terjemahkan dan yang paling penting iaitu, bukan hanya meletakkan paramedik, tetapi meletakkan doktor-doktor pakar 24 jam di setiap pusat khidmat ini, sebab kita dengar ada sahaja pergaduhan, kemalangan dan sebagainya.

Memang kita percaya hidup dan mati itu di tangan Tuhan, kalau mahu mati pun, tak perlu masuk khidmat negara, mati juga, tetapi kita hendak kematian itu biar tidak menjadi sebab punca kelalaian manusia. Ini yang selalu kita dengar, baca di surat khabar dan sebagainya, sedangkan di negara-negara lain tidak begitu mendatangkan mudarat kepada remaja-remaja dia untuk direkrut dalam sistem yang mereka telah terjemahkan. Mengapa kita sudah beberapa tahun, Pusat Khidmat Negara ini kita laksanakan, kenapa masih ada perkara remeh temeh yang berlaku, kenapa masih ada para pelatih yang mengganggu anak buah dia dan sebagainya, kenapa masih ada sebegini? Seharusnya tidak berlaku.

Jadi ini menjadi satu rasa saya, punca kenapa ibu bapa itu kadang-kadang dia enggan, sebab ada satu keluarga saya nampak, anak dia satu sahaja perempuan, dia nampak di TV dan sebagainya, ada buli, ada dipukul, dia pun ragu-ragu nak melepaskan anak dia, bagaimana keadaan situasi dia, dia ada satu orang sahaja, kalau ada apa-apa, dia sudah tidak ada apa-apa lagi. Jadi kena di fikir secara bijaksana. Sebab itu kita ini dipanggil bijaksana, bijak sini, bijak situ, kena guna ini semua. Jangan ikut kita punya naluri hati semata-mata sebab kita ada kuasa, ha, ini kuasa kita. Inilah kita kadang-kadang hilang kuasa, sebab selalu memikirkan kuasa, macam pagi tadi, sudah hilang kuasa, gila kuasa. *[Ketawa]*

Kita hormat dia, kita bagi sambutan angkat sumpah selaku ahli Parlimen, tiba-tiba ikat kepala macam nak bersabil, macam nak berperang. Ini spesies dari mana dalam hati saya, planet mana dia datang, hilang akal, hilang arah tuju. Jadi kita tidak mahu remaja kita nanti, akan datang bersifat sedemikian. Ini contoh yang terbaik, dan alhamdulillah, tuhan telah tunjukkan bahawa perilaku mereka memang sebegini. Bermakna rakyat kena berfikir pilihan raya akan datang, jangan lagi pilih orang yang sebegini. Ini bukan mendatangkan kebaikan untuk rakyat

dan negara, tetapi memberikan contoh negatif dan boleh dilihat. Saya harap TV pada malam ini, boleh menyiarkan apa yang berlaku, bagaimana Hang Tuah dan Hang Jebat tadi mengikat kepala dia. Nasib dia tidak bawa keris, kalau ada mungkin dia hunus juga. *[Ketawa]* Kalau ada pistol pun mungkin dia guna, ini yang masalah, cakap bukan alang-alang, *engineer* apa dia *engineer* kalau begini. Dia punya diri pun dia tidak boleh *engineer*.

Ini yang masalah, tetapi di dewa-dewakan pula, astaghfirullahalazim, tak cukup latihan mungkin.. itu sebab, kalau pun kita hilang kuasa..

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Doktor pun boleh curi kan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita kena melihat keadaan, ini Dewan Rakyat, bukan Dewan Perak, bukan boleh bersidang bawah pokok. Sini kita mewakili rakyat, semua kaca mata rakyat, melihat kita. Jadi, jadilah seorang pemimpin yang benar-benar berwibawa, jangan gila kuasa, tak tentu arah.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada soal pokok. Kita kalau sesat di hujung jalan, kembali ke pangkal jalan, jangan macam sana, sudah sesat, sesat terus, tak pandai balik-balik. Itu masalah sana, bukan semua ya? Yang berkenaanlah.

Jadi oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, kepada pemegang amanah ini, hendaklah bersikap secara terbuka. Pertama, rumusan saya berfikir apa yang difikirkan oleh anak muda pada hari ini, apa kehendak mereka? Apa yang mereka mahu? Apa *syllabus* di PLKN itu yang mereka hendak? Kalau balik-balik berkawad sahaja, siapa hendak? Kena fikirlah apa, takkan itu sahaja sudah lima tahun, enam tahun itu sahaja yang dia nampak, kena lihatlah, buka mata, berfikir di luar kotak, jangan fikir dalam kepala dia sahaja, apa dia mahu, ha, inilah orang mahu.

Kalau dia suka makan ayam, ini memang dorang pun suka makan ayam ini. Tidak boleh, mungkin saya suka ayam, dia suka ikan, kita paksa juga orang makan ayam.

Seorang Ahli: Mana boleh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak boleh, jadi kena berfikir secara rasional, secara bijaksana. Kena melihat bagaimana tuntutan belia-belie kita, remaja kita pada hari ini, dan pastikan bahawa program ini benar-benar mendatangkan manfaat dan boleh diguna pakai oleh pelajar-pelajar ini. Mereka keluar, mereka ada keyakinan diri, mereka ada keyakinan, mereka ada jati diri, boleh berdikari dan sebagainya. Kalau keluar lagi teruk, bagus jangan masuk.

■ 1500

Sebab ini tidak ada impak yang baru ke arah bagaimana mereka menterjemahkan diri mereka. Oleh kerana itu, akta ini rasa saya boleh kita terima pakai. Namun bukan hanya kita menjurus bagaimana kita menjatuhkan hukuman penjara dan sebagainya sebab ini bukan matlamatnya. Kalau semua sudah tidak ikut, semua sudah dipenjarakan, apa jadi? Jadi kena lihatlah, ini bukan matlamat utama kita. Matlamat utama kita ialah menyediakan ruang lingkup

masa depan negara kita kepada generasi-generasi baru ini agar mereka boleh mewarisi kepimpinan negara masa akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Machang.

3.01 ptg.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan satu akta untuk meminda Akta Latihan Khidmat Negara 2003.

Tuan Yang di-Pertua, sudah lima tahun empat bulan Program Khidmat Negara telah dijalankan di negara kita. Kita sedia maklum bahawa idea Latihan Khidmat Negara ini dicetuskan melalui satu kongres patriotisme negara yang diadakan pada 24 Oktober 2002 yang turut dihadiri oleh pelajar, tokoh pesara, ahli korporat, ahli akademik, polis, tentera, badan berkanun, ketua jabatan kerajaan, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat, saya tidak pasti Yang Berhormat Kinabatangan hadir atau tidak, dari kerajaan dan pembangkang, Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri, Menteri dan Menteri Besar.

Tuan Yang di-Pertua, kongres yang melahirkan idea ini berhasrat apakala dilaksanakan, program ini dapat menyediakan golongan muda bagi menghadapi cabaran dari dalam dan luar negara. Program ini diharap dapat menanam semangat kesukarelawanan. Program ini juga diharap dapat menyatupadukan golongan muda dari pelbagai kaum memandangkan usia yang sama melalui sekolah dan institusi pengajian tinggi dianggap kurang berjaya kerana pengenalan rakyat atau masyarakat di negara kita masih lagi dilihat dari perspektif perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang lima tahun empat bulan pelaksanaan program ini, sudah tentulah ada perkara yang mendatangkan kebaikan dan ada juga perkara yang dilihat sebagai kelemahan. Yang baik, kita harap dapat diteruskan dan yang lemah kita harap dapat diperbaiki. Saya fikir inilah semangat yang mendorong kepada akta ini melalui proses pindaan. Ada beberapa isu dan kritikan yang saya cuba sampaikan. Pertama ialah bilangan kes kematian, gangguan seksual dan sebagainya yang dari kaca mata ibu bapa membimbangkan hendak hantar anak untuk menyertai program ini. Dari semakan laporan media, disebut setakat ini sudah ada 17 kes kematian. Walaupun sesekali kita mendengar menteri yang bertanggungjawab cuba memberikan pelbagai alasan dan sebagainya, hakikatnya biarlah kita berharap bahawa jika ada kes-kes kematian yang berlaku, kita berharap siasatan yang sempurna dijalankan, laporannya dibentangkan tanpa perlu ada sebarang usaha, tujuan atau niat untuk melindungi.

Tuan Yang di-Pertua, kematian saya bersetuju Yang Berhormat Kinabatangan sebut boleh berlaku di mana-mana. Namun bila berlaku dalam satu program yang melibatkan kawalan yang bersifat *semi-regimented* ini dengan izin, ia sudah tentulah menimbulkan kesan kepada ibu

bapa dan bakal pelatih. Saya memetik beberapa kes. Too Hui Min, berumur 18 tahun. Meninggal 7 Mei 2008, tiga hari selepas dia kompelin menghadapi masalah kesihatan. Keluarganya sangat terdesak untuk tahu kenapa dia tidak dihantar lebih awal ke hospital. Sebagai kesannya, tidak berapa hari selepas itu dia meninggal. Adik Afiq Zuhairi Tuan Yang di-Pertua, berumur 18 tahun. Dia meninggal 16 April 2008 selepas mengadu sakit. Dia diberi rawatan oleh paramedik di kem berkenaan beberapa kali. Selepas tidak berjaya, barulah dihantar ke hospital. Namun dia meninggal tidak sampai 24 jam selepas dimasukkan ke hospital.

Tuan Yang di-Pertua, 3 September 2007, adik Mohd Rafi Amir, berumur 18 tahun meninggal jam 10.30 malam selepas demam satu minggu. Adik Rafi menelefon kakaknya dan memberitahu dia demam dan kakinya luka kerana terjatuh semasa latihan. Sekali lagi kegagalan memberikan rawatan awal menyebabkan adik Rafi meninggal. S. Teressa Paulin, umur 17 tahun Tuan Yang di-Pertua, mati pada 11 Jun di Kem Karisma, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Dia dimasukkan ke hospital dan meninggal. Bapanya S. Sarimuthu dapat bayaran pampasan atau insurans saya kira sebanyak RM32,000.

Ada juga yang mati kerana bergaduh. Adik Haziq Jaafar, 17 tahun dari Kota Tinggi mati bergaduh dengan pelatih lain di Kem Padang Hijau, Kluang, Johor. Jadi saya boleh senaraikan panjang catatannya, sebab-sebab musabab. Ada yang kerana bergaduh, ada kerana lambat diberi rawatan, ada yang barangkali sudah ada penyakit asal. Namun isu yang saya hendak timbulkan ialah jika ada kematian yang melibatkan keluarga, ibu bapa dan bakal pelatih, sudah tentu memberikan tumpuan dan prihatin mereka. Satu siasatan yang lebih terbuka dan dibentangkan sebab musababnya kerana jika sekiranya kita mengambil tindakan untuk sentiasa mengambil sikap *denial sindrom* dengan izin, ia tidak membantu untuk menjernihkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Latihan Khidmat Negara 2003, mereka yang berdegil boleh didenda maksimum RM3,000 atau penjara enam bulan atau kedua-duanya sekali. Saya menyokong pindaan kali ini kerana remaja dan ibu bapa yang gagal melaporkan diri kini hukuman denda itu digantikan dengan hukuman khidmat masyarakat. Ini saya fikir munasabah kerana konsep Program Latihan Khidmat Negara itu sendiri mengatakan bahawa program ini tidak mengandungi hukuman bersifat penderaan tetapi mengenakan hukuman untuk mengajar. Akta lama denda dan penjara. Ini bercanggah dengan konsep yang tidak mengandungi hukuman dera ataupun sebagainya. Jadi kalau ditawarkan alternatif khidmat masyarakat, saya fikir pindaan ini wajar mendapat sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara mengatakan bahawa semua pelatih ataupun rakyat yang berumur 18 tahun wajib mengikuti Program Latihan Khidmat Negara. Saya ingin tahu apakah cadangan yang memetik kenyataan Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara ini akan diteruskan. Apakah ia diambil kira kesemua aspek ketika idea ini ditimbulkan. Sudah tentulah aspek keupayaan logistik kem yang sedia apakah mampu menampung semua rakyat negara ini yang berumur 18 tahun ke atas.

Bagaimana pula dengan implikasi kosnya. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini juga Jabatan Latihan Khidmat Negara menutup operasi sembilan kem latihan di seluruh negara selepas didapati gagal mematuhi syarat yang ditetapkan.

Ini perkara serius. Menurut Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara, Datuk Abdul Hadi Awang Kechik, tindakan ini diambil selepas pengurusan kem latihan mengabaikan aspek keselamatan dan kebersihan kepada peserta terbabit. Aspek keselamatan dan aspek kebersihan yang diabaikan. Saya mengalu-alukan tindakan untuk mengenakan tindakan ke atas kem yang tidak mematuhi spesifikasi atau syarat-syarat yang membolehkan mereka menawarkan perkhidmatan kepada peserta dan barangkali juga sudah sampai masanya pihak berkuasa mengenakan tindakan yang lebih keras termasuk menyenaraihitamkan kem-kem ini sekiranya alasan mereka itu dianggap tidak munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya melanjutkan sedikit lagi dalam perbahasan ini. Apabila meneliti pelaksanaan program ini yang telah pun mencecah usia lebih lima tahun, saya rasa munasabah untuk Dewan ini kita cadangkan terhadap program ini beberapa perkara. Ada beberapa syor untuk diambil kira oleh pihak kerajaan.

Yang pertama, saya mencadangkan agar diteliti semula kedudukan pegawai dan kakitangan sambilan yang berkhidmat di Jabatan Latihan Khidmat Negara yang mana 70% daripada mereka mengisi jawatan sambilan telah berkhidmat dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara ini sejak PLKN ini diperkenalkan. Saya berpendapat, bagi membolehkan kakitangan sambilan ini menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, mereka wajar diserapkan ke jawatan tetap.

■1510

Kedua, secara purata, angka *causalities* dengan izin yang tidak hadir di kalangan peserta yang telah terpilih ialah antara 16% hingga 23% mereka ditawarkan tetapi tidak dapat hadir bagi setiap sesi pengambilan. Kerajaan perlu mengkaji semula bilangan pelatih yang dinyatakan dalam syarat kontrak. Sehubungan itu, saya mencadangkan agar kerajaan patut menyediakan senarai calon pengganti. Ini penting bagi memastikan kerajaan tidak berterusan menanggung perbelanjaan yang tidak sepatutnya dibuat akibat ketidakhadiran mereka yang telah ditawarkan untuk menyertai program ini. Langkah ini sudah tentu boleh menjamin penjimatan kos perbelanjaan.

Ketiga, Jabatan Latihan Khidmat Negara juga saya cadangkan perlu menyemak senarai nama calon yang dipilih dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Unit Pengambilan Universiti sebelumewartakan nama mereka untuk menjalani Program Latihan Khidmat Negara. Usaha berterusan ini hendaklah dilakukan untuk mengesan mereka yang ingkar melaporkan diri termasuk mendapat kerjasama daripada jabatan atau agensi kerajaan yang lain.

Keempat, saya mengesyorkan agar kerajaan perlu memantau prestasi kontraktor, kem untuk memastikan kontraktor pembekal atau pun kem untuk memastikan bekalan di buat mengikut spesifikasi kontrak dan dalam tempoh yang ditetapkan. Kerajaan dicadangkan menggunakan borang penilaian prestasi pembekal bagi menilai dan menentukan prestasi sebenar setiap pembekal. Tindakan tegas perlu dilaksanakan terhadap kontraktor yang tidak mematuhi syarat kontrak.

Syor saya yang kelima Tuan Yang di-Pertua, pemilihan lokasi kem perlu dibuat dengan teratur bagi menjamin keselamatan pelatih dan keberkesanan program, kemudahan asas seperti jalan masuk, bekalan air bersih, bekalan elektrik, perhubungan telefon, kemudahan komuniti dan keselamatan persekitaran kem perlu diutamakan tanpa kompromi. Selain itu, kerajaan juga perlu memastikan syarat kontrak dipatuhi sepenuhnya oleh pengusaha kem.

Saya yakin, jika syor-syor ini diberikan pertimbangan dan di mana difikirkan perlu dan munasabah, dilaksanakan ia mampu untuk mencapai hasrat ketika program ini ditimbulkan ideanya iaitu pada Kongres Patriotisme Negara yang saya sebutkan tadi yang berlangsung pada tahun 2002 dengan mendukung tiga hasrat atau tiga matlamat iaitu saya ulangi menyediakan golongan muda bagi menghadapi cabaran dari dalam dan luar negara, menanam semangat kesukarelawanan dan menyatupadukan golongan muda dari pelbagai kaum.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah itu saya mohon mencadangkan dan saya mohon menyokong beberapa cadangan yang telah ditimbulkan di dalam draf rang undang-undang pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Lipis.

3.13 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyokong pindaan rang undang-undang ini, kerana pada saya mereka yang tidak dapat hadir ke kem, pusat latihan bukanlah *criminal*. Bagi saya juga ialah PLKN bertujuan untuk memupuk nilai-nilai murni diri yang ada pada pelatih-pelatih bukan seperti nilai yang ditunjukkan pada pagi tadi di dalam Dewan ini saya rasa sangat memalukan dan dia tidak harus menjadi contoh kepada mana-mana pihak di dalam negara ini dan dunia luar sekalipun bagi mereka yang melihat *you tube*. Ia sangat memalukan dan jijik bagi saya.

Jadi, untuk membentuk nilai diri, sahsiah semangat patriotik dan nilai serta norma-norma positif ke dalam diri seseorang bukan tugas yang mudah. Apatah lagi jika aspek itu hendak diterapkan ke dalam jiwa remaja iaitu golongan yang melalui transisi awal kematangan diri sehingga kerap bersikap memberontak, kritikal dan beremosi. Bagaimanapun, demi melahirkan generasi pewaris yang mempunyai kredibiliti serta semangat patriotisme tinggi dan berkemampuan membentuk serta mengendalikannya negara mengikut acuan atau landasan

kemajuan remaja perlu diperkuat dan dilengkapi dengan pelbagai aspek positif asas supaya tidak tersasar di kemudian hari.

Atas kesedaran ini, saya melihat kewujudan program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bagi mendidik dan membentuk remaja lepasan Sijil Pelajaran Malaysia atau dengan lebih asasnya berumur 18 tahun menjadi masyarakat bertanggungjawab yang memiliki keperibadian tinggi. Ini usaha yang amat dialu-alukan. Kalau kita imbas balik, sejak dimulakan pada tahun 2004 hingga kini PLKN sudah melahirkan lebih 450 pelatih menerusi latihan di lebih daripada 80 kem latihan di seluruh negara.

Unitnya program atau modul khidmat negara yang diguna pakai di negara ini tidak terdapat di mana-mana tempat lain pun dalam peta dunia. Di negara ini, merentasi dunia negara Asia, Eropah atau benua lain Program Khidmat Negara sangat sinonim dengan latihan ala ketenteraan. Itu di tempat lain tetapi kalau kita lihat di tempat kita, ia lebih bersifat atau berciri kepada khidmat masyarakat. Ini pun tidak payah kita pergi jauh lah. Kita lihat Singapura yang mewajibkan semua rakyatnya berumur 17 tahun ke atas menyertai latihan seperti itu.

Perkara ini di akui oleh mantan Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara Tan Sri Lee Lam Thye yang menyifatkan keunikan itu menjadikan Program Latihan Khidmat Negara di negara ini sebagai sesuatu yang sangat istimewa. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pindaan ini adalah menjurus kepada satu sistem serta modul yang digunakan dalam PLKN itu sendiri sebagai khidmat masyarakat. Ia lebih terarah kepada pembinaan insan dan pembangunan watak dengan penumpuan diberikan kepada aspek disiplin bagi mendidik generasi muda menjadi rakyat yang bertanggungjawab.

Di samping itu, mereka juga mempunyai integriti dan mempunyai nilai-nilai mulia selain daripada semangat patriotik. Jadi, penubuhan dari segi pindaan tadi dia bagi saya bertepatan juga dengan perkara-perkara ini. Ini berbeza dengan Latihan Khidmat Negara di negara lain yang saya kira secara keseluruhan lebih bersifat ala ketenteraan. Cuma, saya minta kepada pengurusan PLKN supaya memantapkan lagi soal rawatan dan penyediaan kesihatan seperti yang diperkatakan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tadi bagi setiap kem PLKN.

Kalau boleh ditempatkan ramai pegawai perubatan dari Kementerian Kesihatan di semua kem untuk memantau kesihatan pelatih lebih baik. Itu bagaimanapun, sekarang ini di hospital pun tidak cukup pegawai perubatan. Jadi, di sini saya ingin tahu pada masa ini berapa ramai kah pegawai kesihatan atau pegawai perubatan, pembantu perubatan dan jururawat ditempatkan di setiap kem. Ini kerana, sefahaman saya sebelum ini pun kita cuma menggunakan khidmat pasukan para *medic*. Jadi, saya hendak tahu sejauh mana sasaran kematian sifar yang membabitkan pelatih PLKN dan juga mungkin jurulatihnya selain memastikan berterusan pelbagai penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Jadi, saya berharap PLKN mampu menjadi agenda untuk mengukuhkan keyakinan pelatih, ibu bapa dan masyarakat terhadap program ini. Ini kerana ada mereka yang tidak

bertanggungjawab yang selalunya cuba menanggung di air keruh dan cuba untuk melahirkan atau pun mempengaruhi masyarakat supaya tidak yakin dengan program ini. Malahan, melalui soal selidik yang telah dibuat ada menunjukkan lebih 90% pelatih mengakui PLKN memberi banyak manfaat kepada mereka daripada aspek disiplin, sifat bertanggungjawab, hubungan kaum, semangat patriotisme, dan meningkatkan kecergasan mereka.

■ 1520

Hanya bagi saya apa yang penting ialah program selepas mereka mengikuti Program Latihan Khidmat Negara ini. Kalaulah selepas dilatih selama tiga bulan, tetapi selepas itu mereka dibiarkan, ataupun ditinggalkan begitu saja, lama-kelamaan semangat yang membara di hati mereka akan lama, semakin lama semakin padam. Jadi ini bagi saya perlu difikirkan oleh pihak kementerian atau pihak PLKN sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya melihat Latihan Khidmat Negara, dilihat penting kerana ia menampilkan sikap positif, bekerjasama dan berkeperibadian luhur serta mulia di kalangan generasi muda. Memang pada peringkat awal, apabila latihan ini dibuat dulu, ada kejutan budaya. Itu biasalah kerana perkara-perkara yang baru. Cuma yang saya ingin tanya ialah sejauh manakah empat modul merangkumi elemen fizikal, kenegaraan, pembinaan karakter dan khidmat komuniti mempengaruhi pembinaan karakter pada setiap pelatih. Adakah ada pihak tertentu atau badan bebas membuat penilaian terhadap pelatih yang telah tamat menjalani latihan PLKN ini? Jika tidak, saya berharap kerajaan perlu melihat soal ini dengan lebih serius, supaya tidak nanti setiap perancangan dan pelaksanaan yang kita lakukan selama ini tidak menjadi sia-sia.

Dan saya juga mencadangkan kepada pihak kerajaan agar, kalau sekarang Latihan Khidmat Negara ini dibuat secara random bukan kepada semua mereka yang berumur 18 tahun, saya berharap perkara ini dapat dijadikan sesuatu yang diwajibkan kepada semua yang berumur 18 tahun agar mereka ini, dapat menjalani satu latihan, dan selepas itu bolehlah kita memantau atau kerajaan terus membuat usaha, membuat pemantauan selepas latihan. Dengan kata itu, saya menyokong pindaan rang undang-undang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Telok Intan.

3.23 ptg.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berbahas tentang pindaan kepada rang undang-undang yang melibatkan kepada Latihan Khidmat Negara. Apa yang pertama sekali, saya ingin bertanya kepada kementerian yang berkenaan apakah sebenarnya tujuan PLKN ini? Adakah ia membawa satu perubahan kepada pelatih-pelatih kita yang berumur lebih kurang 17, 18 tahun ini, untuk satu karakter, dengan izin, *holistic* ataupun kalau kita buat kajian, adakah PLKN ini berkesan, ataupun mendapat, menepati sasaran?

Untuk saya, saya rasa PLKN ini mungkin, mungkin adalah satu cara, ataupun satu lagi projek Barisan Nasional untuk memberi projek-projek kepada konco-konco dan kroni, sebab saya telah buat sedikit penyelidikan, tiap-tiap murid di PLKN ini, diberi untuk makanan setiap hari adalah RM20.50 sen, tetapi apa yang saya dapati operator kantin itu yang memberi makanan kepada pelatih-pelatih ini, hanya menerima RM10.50. jadi di manakah RM10 lagi pergi? Kita beli durian atau rambutan mahal juga di Malaysia, tetapi kebanyakan wang itu pergi ke orang tengah. Dia beri perkhidmatan pengangkutan tetapi di sini, RM10 itu pergi ke orang-orang langsung tidak buat kerja. Cuma yang dapat kontraklah. Jadi, adakah ini betul-betul tepat kepada tujuan kita untuk melatih anak muda kita untuk mengukuhkan patriotisme ataupun disiplin? Saya tidak berapa yakin. Mengenai pindaan kepada undang-undang ini, saya mendapati bahawa dari hukuman dera kepada hukuman khidmat masyarakat iaitu bersifat pemulihan, saya sokonglah.

Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi, saya rasa tidak begitu yakin dengan tujuan benar-benar PLKN ini. Contohnya kenapa hanya, segelintir daripada anak-anak kita sekolah lepas SPM dapat pergi ke latihan ini? Saya tidak tahu, adakah ini peluang atau sebab atau tidak sebab ramai saya tidak dengar dari ibu bapa, mereka tidak setuju atau sanggup atau rela dengan suka hati hantar anak mereka. Memandangkan ada 17 kematian sejak empat, lebih kurang empat tahun yang lalu. Jadi, macam saya katakan pagi tadi di Kem Bintangor, Rembau, prasarana dan hal-hal lain termasuk makanan, saya sendiri dengar dari pelatih-pelatih sana. Mereka tidak diberi minuman air, minuman air yang cukup.

Jadi mereka terpaksa beli dari kantin yang ada sana. Adakah ini satu lagi helah, untuk operator kantin sana membuat perniagaan dengan mengurangkan, memberi minum air pada pelatih-pelatih dan juga saya nampak? Tandas pun sana tiada pintu dan banyak kecurian berlaku dari antara pelatih-pelatih di sana. Di mana lokar-lokar mereka dipecah dan apabila mereka buat aduan kepada kem komander, tiada tindakan yang di ambil juga. Jadi dalam semua masalah-masalah ini, adakah kita dapat mengeluarkan pelatih-pelatih yang benar-benar dilatih dalam apa saya pun tak tahu, dalam tiga bulan. Ambil Singapura saya rasa lebih kurang dua tahun. Ada rakan-rakan saya tadi mengatakan, adakah ini mengikut benar-benar menyumbang kepada integrasi kaum di negara kita? Ada yang mengatakan oleh sebab terdapat lain-lain bahasa, lain-lain sekolah yang mengajar dalam bahasa lain, itu mungkin ada *racial* ataupun kaum-kaum tidak ada integrasi.

Pada pendapat saya, tidak bermakna dalam sesebuah negara, semua orang cakap satu bahasa, mereka semua itu bersatu padu, ataupun jika sesebuah negara itu berbilang bangsa, cakap bahasa-bahasa lain tidak ada bersatu padu dalam, di antara kaum-kaum. Kita ambil contoh Amerika Syarikat dulu, di *American Civil Work*, semua lebih kurang rakyat Amerika Syarikat bercakap bahasa Inggeris, tetapi ada juga Perang Saudara, *the Great War of the Races*, di *England* dulu. Sama juga, semua cakap bahasa Inggeris, tapi ada juga Perang

Saudara. Jadi tidak ada, dengan izin, *empirical evidence* yang menunjukkan jika sesebuah negara, semua pun cakap satu bahasa, mereka akan satu padu.

Jadi, tidak bermakna kita ada Sekolah Cina dan Tamil di Negara kita ini, yang menyumbangkan kepada keadaan yang di mana semua kaum tidak boleh hidup dengan mesra, saya rasa pada peringkat 17, 18 tahun kita tidak boleh harapkan dalam tiga bulan, anak-anak kita akan mencetuskan ini batasan yang di bina oleh kerajaan sendiri, apabila graduan-graduan kita pergi ke khidmat dalam kerajaan. Dia ada latihan seperti Biro Tatanegara, di sanalah dia diajar, dia diajar mengatakan ada segolongan masyarakat Malaysia yang spesial, yang istimewa, itulah masalah dia. Masalah di sekolah pun sama juga, mengapa orang India dan Cina tidak mahu hantar anak mereka pada sekolah kebangsaan? Sebab di sekolah kebangsaan, saya tidak ada apa-apa mengenai agama tetapi dengan izin, *greater Islamisation in national school* itu yang punca. Cina, dan orang India tidak mahu hantar ke sekolah kebangsaan.

Jadi inilah masalah dia. Di latihan-latihan untuk pegawai-pegawai seperti Biro Tatanegara mereka diberitahu, tidak secara tulis, tetapi secara lisan bahawa ada di Malaysia segolongan masyarakat atau kaum yang lebih istimewa dari kaum yang lain. Jadi orang ini akan balik ke rumah dan akan ajar anak mereka itu apa ajaran yang sama, *the mind set*, dengan izin.

■ 1530

Jadi ini akan menyumbang kepada fikiran di antara satu sama lain yang segolongan masyarakat itu istimewa dari segolongan yang lain. Kita tengok 30 tahun dan 40 tahun yang lepas ramai orang India, Cina dan Melayu lebih suka pergi ke jiran mereka tidak kira kaum tetapi keadaan sekarang lain, jiran kita pun tidak tahu. Jadi siapakah punca untuk semua ini? bolehkah kita mengatasi semua ini melalui tiga bulan Latihan Khidmat Negara? saya rasa tidak boleh.

Kenapa semua pelajar-pelajar selepas SPM dikehendaki melalui program ini, hanya cuma segelintir saya rasa pilihan oleh komputer saya rasa. Jadi kalau kita nak lebih serius dengan program ini, semua pelatih-pelatih lepasan SPM mestilah wajib menghadiri program ini dan tiga bulan saya rasa tidak mencukupi. Semua infrastruktur untuk program-program ini haruslah diperbaiki dan meningkatkan tarafnya termasuk gaji dan latihan kepada komander dan juga pekerja-pekerja yang bekerja di kem-kem di seluruh negara.

Saya juga rasa kecewa kenapa tidak ada kem seperti ini di kawasan Telok Intan dan saya harap satu kem akan dibina, yang lebih canggih daripada apa yang sedia ada sekarang. Seperti rakan saya yang katakan tadi, tujuan kita adakah Spartan atau Athenian, saya rasa *combination of both* dengan izin adalah perlu untuk kita ada pelatih-pelatih yang lebih bersemangat dan dengan izin *character development* yang holistik.

Saya juga meminta kepada kementerian yang berkenaan supaya dibenarkan NGO-NGO atau badan-badan lain untuk membuat lawatan di kem-kem ini untuk menentukan sama ada kem-kem ini dijalankan secara baik. Supaya ibu bapa boleh lebih yakin dengan sukarela hantar anak-anak mereka kepada kem-kem tersebut.

Saya juga difahamkan di kem-kem tersebut, saya difahamkan di Kem Sentosa di Tapah dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ada juga pelatih-pelatih India dihidangkan dengan makanan yang termasuk daging yang tidak sesuai untuk mereka. Jadi saya rasa ini tidak dapat diteruskan di kem-kem yang terlibat sebab saya juga dengar ramai ibu bapa India, kurang yakin untuk menghantar anak-anak mereka ke kem-kem tersebut.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya juga ingin menyebutkan di sini ada juga *feedback* yang saya terima bahawa lain-lain aktiviti di kem-kem tersebut memang membawa faedah kepada pelatih-pelatih seperti sukan dan kelas-kelas bimbingan agama. *Motivation classes* juga dengan izin dijalankan dan ini telah membawa faedah kepada pelatih-pelatih.

Tuan Yang di-Pertua adakah kajian dan audit dibuat oleh kementerian yang relevan untuk mengambil tahu apakah kesan selepas 45 tahun ini? Apakah kesan atau pencapaian PLKN ini untuk kita mengambil tahu atau membawa perubahan atau memperbaiki keadaan dalam kem-kem ini dan juga untuk membawa program-program yang baru supaya PLKN ini dalam masa depan, yang akan datang akan membawa lebih faedah dan manfaat kepada pelatih-pelatih. Dengan ini saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Labuan.

3.35 ptg.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut berbahas di dalam pindaan Akta Latihan Khidmat Negara kali ini. Alhamdulillah apa yang kita lihat dengan adanya pusat latihan khidmat negara sekurang-kurangnya generasi-generasi muda yang lepasan SPM dapat kita bentuk sedikit sebanyak untuk menjadi sebagai rakyat yang berdisiplin mudah-mudahan.

Cuma apa yang saya lihat di sini dalam pembentukan tiga bulan itu sepertimana yang dinyatakan oleh teman-teman tadi, memang kurang mencukupi kerana terlalu singkat waktunya. Kecuali para pelajar tersebut sudah pun kita berikan bentuk-bentuk pendedahan atau pun latihan-latihan yang menyerupai Latihan Khidmat Negara di sekolah-sekolah baik dari sekolah rendah mahupun sampai ke sekolah menengah.

Jadi kalau itu yang kita laksanakan, saya rasa dengan waktu tiga ke enam bulan sudah mencukupi, tetapi dengan tidak ada *basic* yang kita laksanakan di sekolah dengan waktu tiga bulan, saya rasa tidak mencukupi. Jadi diharapkan benda ini dapat kita kaji semula.

Yang kedua, impak yang kita lihat selepas tiga bulan memang sedikit sebanyak ada perubahan. Tentang pelajar-pelajar yang belajar ataupun mengikuti kursus di Pusat Latihan Khidmat Negara tersebut. Walau bagaimanapun apakah mereka-mereka ini sesudah selesai dan juga mungkin sesudah beberapa tahun mengikuti di pusat latihan khidmat negara, apakah dia punya *follow up*? Umpamanya di Singapura kalau *National Service* sesudah waktu-waktu yang ditentukan.

Beberapa tahun yang ditentukan, mereka juga ada dipanggil balik untuk latihan dalam latihan-latihan yang singkat supaya apa yang mereka pelajari akan terus berada di hati mereka. Walaupun apa yang kita lihat di Malaysia yang mana Latihan Khidmat Negara tersebut cuma kita laksanakan tiga bulan sedikit sebanyak dapat memberikan latihan kepada pelajar-pelajar kita.

Cuma satu yang saya hairan tentang kadar kematian yang kita lihat di pusat latihan tersebut kerana kalau kita lihat latihan Tentera dan Polis pun tidak sebanyak itu kadar kematian jadi sekurang-kurangnya apakah penyebabnya? dan sekurang-kurangnya benda ini harus dijadikan satu pengajaran. Bukan sahaja sesudah ada kematian, kita lepas macam itu sahaja dan diharapkan langkah-langkah kerajaan, pihak kementerian dan penganjur dapat melihat dan mengkaji semula apakah penyebabnya.

Kalau kita lihat kadar kematian yang begitu banyak berbanding dengan latihan askar selama tiga bulan. Saya rasa ini satu masalah yang agak besar kalau kita lihat, kerana mesti ada sebab-sebab tertentu. Kita harus perhatikan, inilah salah satu sebab kenapa sebahagian dari pelajar-pelajar lepasan SPM tidak begitu berminat dan juga sanggup tidak mengikuti kursus-kursus tersebut kerana salah satu penyebabnya inilah, kadar kematian yang tinggi dan juga hal-hal yang lain.

Jadi untuk hal ini, saya rasa kita perlu kaji semula sistem yang ada dan produk yang kita ada ataupun modul yang kita buat untuk kursus tersebut kerana kalau lah produk ataupun modul yang kita laksanakan tidak begitu menarik kepada pelajar-pelajar saya rasa itulah penyebabnya pelajar-pelajar tidak akan mengikuti.

Jadi kalau lah modul tersebut baik dan juga menarik perhatian kepada pelajar-pelajar lulusan lepasan SPM ataupun pelajar lepasan 18 tahun tersebut, saya rasa kita tidak payah kita arahkan. Mereka sendiri akan berminat dan juga berasa bangga apabila mengikuti kursus tersebut, mereka akan jadi seorang yang berdisiplin dan juga akan menjadi seorang yang pemimpin di masa yang akan datang.

Jadi kita harapkan beberapa masalah tersebut dapat kita kaji semula dan dapat diperbaiki supaya para pelajar ataupun lulusan SPM tadi lebih berminat dan merasa bangga apabila mereka masuk di Pusat Latihan Khidmat Negara. Jadi betul-betul benda itu berlaku, melahirkan seorang pemimpin yang baik, insya-Allah lah saya rasa Pusat Latihan Khidmat Negara ini akan dapat kita teruskan dan apa jua pindaan dalam rang undang-undang tersebut dapat juga kita laksanakan.

■1540

Jadi, diharapkan mudah-mudahan dengan adanya pindaan undang-undang tersebut kita akan dapat menarik perhatian dan memperlihatkan kesungguhan kerajaan supaya Pusat Latihan Khidmat Negara tersebut dapat kita menerampikan untuk kebanggaan negara Malaysia yang kita cintai. Kalau perkara-perkara ini berlaku, saya rasa tidak ada pemimpin-pemimpin yang kurang berdisiplin seperti mana yang kita lihat pagi tadi. Saya rasa kalaulah perkara ini dapat

kita laksanakan dengan betul, Pusat Latihan Khidmat Negara dapat kita tonjolkan bagi menjadi satu contoh kepada negara di rantau ini. Moga-moga apa yang kita lihat pada pagi ini tidak berlaku. Orang-orang yang sedemikian kalau perlu kita bagilah mereka latihan di Pusat Latihan Khidmat Negara sebagai pelajar yang kurang berdisiplin. Mungkin kalau dahulu 18 tahun, kalau ini orang-orang yang 40 tahun pun terpaksa kita letak di sanalah. Dengan itu, itu sahaja yang saya harapkan. Moga-moga apa yang kita lihat masalah-masalah di PLKN dapat kita perbaiki. Saya turut menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tawau.

3.41 ptg.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008.

Tuan Yang di-Pertua, Program Latihan Khidmat Negara telah dilaksanakan selama lima tahun sehingga sekarang. Akan tetapi, masih terdapat kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki secara mendesak. Perkara-perkara yang dikhuatiri meliputi kemudahan kem yang tidak sampai standard, kekurangan keselamatan, kebersihan yang membahayakan kesihatan, profesionalisme atau lebih tepat kekurangan profesionalisme jurulatih-jurulatih, masalah disiplin pelatih dan yang penting sekali kematian sebilangan pelatih yang tidak dijangka dan tidak dapat dijelaskan. Walaupun pihak berkuasa telah memberi jaminan, namun masih dikesali bahawa beberapa insiden kematian pelatih berlaku lagi tahun ini.

Justeru itu, orang ramai terutama ibu bapa masih meragui tahap keselamatan kem-kem PLKN. Oleh itu, amatlah penting untuk memenangi semula keyakinan orang ramai terutama sekali ibu bapa kerana jika berlaku satu lagi kematian, program latihan ini tentu tidak berkesan dan tidak berjaya dalam mencapai objektif-objektifnya.

Saya mendesak pihak PLKN dan Pengerusinya agar dapat melaksanakan cadangan-cadangan yang berikut. Pertama, satu pendekatan yang lebih fleksibel perlu diambil terhadap keluarga-keluarga yang mengalami kematian pelatih PLKN kerana ibu bapa yang telah mengalami trauma akibat kehilangan seorang anak tidak akan membenarkan anak yang lain menyertai kem PLKN lagi.

Seperti mana yang dilaporkan pada 1 Januari 2009, adik Ahmad Al-Hashyiemmi yang berumur 18 tahun terjatuh ke dalam sebatang parit monsun di Kem PLKN Selama dan diberi rawatan bahunya yang sakit di pusat perubatan kem tersebut. Akan tetapi, beliau mengalami koma selepas dikenal pasti jangkitan paru-paru lalu meninggal dunia. Bapanya yang menderita kerana trauma kematian anaknya tidak akan membenarkan mana-mana anaknya yang lain menyertai kem PLKN.

Ricky Lim yang berumur 20 tahun, meninggal dunia pada September 2008 sembilan hari selepas tamat latihan PLKN. Punca kematiannya masih belum dikenal pasti. Adik perempuannya,

Jane yang berumur 17 tahun telah diberi tempoh penangguhan tiga tahun untuk menyertai kem PLKN atas sebab kehilangan abangnya. Akan tetapi, ibu bapanya tidak akan membenarkan dia menyertai kem PLKN kerana takut mereka mungkin akan kehilangan seorang lagi anak. Saya berasa ia memang tidak banyak beza jika Jane diberi pengecualian khas, iaitu tidak perlu menyertai kem PLKN kerana dia terpaksa bekerja untuk menjaga bapanya yang kurang upaya dan ibunya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui bagaimanakah kementerian bercadang membantu pelatih-pelatih PLKN daripada keluarga miskin atau keluarga miskin tegar yang merupakan pembiaya tunggal perbelanjaan hidup keluarganya. Oleh sebab terdapat sebilangan kes istimewa, saya mendesak pihak PLKN supaya memberi pengecualian bagi anak-anak lain dalam keluarga-keluarga yang berkenaan atas sebab perikemanusiaan atau *compassionate ground*.

Saya juga mendesak PLKN supaya menyediakan satu kertas bukti siasatan terhadap punca-punca kematian yang berlaku. Ini sekurang-kurangnya dapat dilakukan demi penghormatan dan mengurangkan kesakitan yang dialami oleh keluarga-keluarga berkenaan.

Saya ingin mengetahui apakah tindakan-tindakan dan langkah-langkah lanjut yang telah diambil oleh PLKN untuk mengelakkan kematian yang baru, kerana kononnya sebahagian kematian yang telah berlaku itu dapat dielakkan.

Saya juga mendesak PLKN supaya mengambil langkah-langkah tambahan untuk mendapatkan rawatan perubatan yang lebih baik dan juga memberitahu keluarga-keluarga berkenaan secepat mungkin sewaktu seorang pelatih mengalami kemalangan atau masalah-masalah kesihatan demi mencapai sifar kematian di kem PLKN;

Kedua, kes-kes tidak berdisiplin terutama sekali perlawanan dan jenayah telah dilaporkan sebagai kerap berlaku di sekolah-sekolah dan juga kem-kem PLKN termasuk kem PLKN Tawau. Adalah dikesali bahawa pada 15 Mac 2009 telah dilaporkan satu insiden di mana seorang pelatih di satu kem PLKN di Pulau Pinang yang mengalami kecederaan sehingga menerima lapan jahitan pada kepala dan jari-jarinya dan sekarang mengalami masalah untuk bercakap selepas dia diserang oleh seorang pelatih yang lain di kem itu.

Semasa menyertai kem PLKN di negeri Perlis sebelum itu, beliau telah mengadu kepada pihak kem berkenaan kes-kes yang tidak berdisiplin. Malangnya, aduan tersebut tidak dilayani langsung dan tidak ada sebarang tindakan diambil.

Saya mendesak pihak berkuasa supaya memandang serius masalah ini. Ramai pelatih yang bermasalah disiplin yang telah menyebabkan kecederaan kepada pelatih-pelatih yang lain sepatutnya disingkirkan segera dan ditempatkan di sebuah kem yang khas untuk memberi fokus pada latihan disiplinnya. Tindakan ini akan menjadi satu amaran pencegahan kepada pelatih-pelatih yang lain dan mengelakkan kecederaan dan gangguan kepada pelatih-pelatih yang lain;

Ketiga, saya mendesak PLKN mempertimbangkan pengambilan pelatih-pelatih yang merupakan pelajar-pelajar yang tercidir dari sekolah sebelum mereka mencapai umur 18 tahun.

■1550

Mereka ini patut diberi satu peluang yang sama untuk mengambil bahagian dalam pencapaian objektif PLKN. Budak-budak yang tercidir dari sekolah ini mungkin telah berhenti persekolahannya selepas PMR atau peringkat lain sekolah menengah atas pelbagai sebab sama ada masalah keluarga, tidak berminat dalam pelajaran akademik atau masalah disiplin. Akan tetapi mereka ini masih muda dan terlalu senang dipengaruhi oleh kumpulan sebayanya. Mereka akan terdedah terutama sekali oleh anasir-anasir buruk dalam masyarakat ini.

Akibatnya mungkin ada penambahan bilangan penjenayah juvana, gejala sosial dan jenayah. Saya yakin bawah budak-budak tercidir dari sekolah ini patut diberi satu peluang menyertai latihan PLKN di mana mereka dapat diberi latihan disiplin dan pembinaan watak selaras dengan objektif-objektif PLKN. Pengambilan mereka dalam PLKN akan membawa manfaat kepada negara dan masyarakat selain memberi faedah secara langsung kepada mereka. Dengan itu, sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batang Sadong.

3.51 ptg.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang membahas usul Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkesempatan untuk menyaksikan *environment* PLKN di negeri Sarawak kerana pernah dijemput untuk menghadiri majlis penutupan. Di situ saya memerhatikan keadaan para pelatih dan juga keadaan tempat itu sendiri. Saya merasa pelatih kita amat beruntung kerana diberikan kemudahan yang begitu baik, itu adalah tempat yang saya pergi di Bau, Sarawak. Saya berkesempatan juga untuk bercakap-cakap dengan para pelatih yang kebanyakannya datang dari Semenanjung Malaysia.

Rata-rata apabila saya tanya ada yang datang dari Selangor, ada datang dari Kelantan. Dari situ saya bertanya mengenai apakah perasaan mereka setelah berada di tempat tersebut. Kebanyakannya memberi maklum balas yang positif mengenai program tersebut. Cuma dalam pemerhatian saya juga, saya memerhatikan pelatih-pelatih dari Semenanjung kebanyakannya banyak berkumpul bersama sendiri. Ini perkara yang saya setuju dengan apa yang dikatakan Yang Berhormat Rembau pagi tadi dan Yang Berhormat dari Batu Gajah. Perkara ini perlu diperbaiki. Di sini kita perhatikan hasrat kerajaan begitu baik kerana hendak mendisiplinkan pelajar kita dengan menyerapkan nilai-nilai murni di kalangan remaja supaya mereka menjadi remaja yang lebih bertanggungjawab dan berdikari.

Di samping itu juga untuk memastikan mengeratkan perpaduan di kalangan rakyat. Kalau kita perhatikan pelajar-pelajar pada masa kini ataupun rakyat di masa kini kalau kita perhatikan kalau ada lagu Negaraku didendangkan, ada yang masih berjalan ke sana sini tidak menghiraukan dan tidak menghormati lagu Negaraku. Ada yang masih tidak mengetahui apakah lima Rukun Negara kita. Saya rasa ini adalah hasrat kerajaan untuk menyemaikan nilai-nilai murni ini dan ini yang kita sokong. Di antara orang yang terlibat dalam mengurus serta mengendalikan pendaftaran program perlu diberi taklimat yang baik supaya mereka menjadi model kepada pelatih-pelatih ini.

Apa yang berlaku seperti yang telah dimaklumkan kepada saya ialah pada dua program yang lalu terdapat ramai pelajar-pelajar nama mereka tercatat dalam akhbar-akbar untuk mendaftar. Akan tetapi apabila mereka pergi mendaftar nama tidak wujud di pusat latihan tersebut. Jadi apabila nama tidak terwujud di pusat latihan tersebut, lahirah masa di mana mereka yang mengendalikan pendaftaran tersebut tidak bersikap dengan baik, tidak bersikap dengan cara diplomatik sebagai mereka yang perlu memberi tunjuk ajar yang baik kepada pelatih-pelatih ini. Ini mengakibatkan trauma di kalangan pelajar-pelajar yang baru hendak mendaftar. Timbullah *homesick* dengan izin di kalangan pelajar yang baru sahaja hendak mendaftar. Perkara ini saya rasa pihak pengurusan PLKN perlu ambil perhatian.

Seterusnya ialah mengenai perpaduan. Oleh kerana saya perhatikan semenjak pilihan raya yang lepas, kita banyak bercakap mengenai perpaduan sehingga hari ini kita dengar bangsa Malaysia, kita dengar Satu Malaysia. Sebelum ini, saya tidak tahulah kalau dari negeri-negeri lain, kalau kita di negeri Sarawak, bagi kita itu satu perkara yang sudah lama wujud. Pemerhatian saya melalui *environment* di PLKN, saya perhatikan mereka dari Semenanjung suka berkelompok sesama sendiri. Jadi mungkin ini berlaku kerana mereka telah lama bersama-sama di antara mereka yang Melayu dengan bahasa Melayunya dengan adat budayanya dengan bangsa lain dengan cara mereka sendiri. Akan tetapi kalau kita perhatikan dari Sarawak sendiri tidak begitu. Mereka berkumpul dengan semua bangsa.

Saya percaya mungkin ini lahir daripada keadaan dari awalnya, dari keluarga. Sebab macam kita di negeri Sarawak ramai keluarga bangsa yang majmuk dalam satu rumah. Mungkin ini boleh mempengaruhi pergaulan pelatih-pelatih ini. Saya mengharapkan agar perkara ini diambil perhatian yang sewajarnya supaya pihak pengurusan mengkaji bagaimana untuk memperbaiki keadaan ini. Ini kerana saya dapati selama ini semakin menjadi-jadi isu perpaduan ini diungkit. Walaupun sebelum ini kami tidak menyedari dan sekarang ini ia menjadi satu perkara yang utama dan diungkit.

Saya berharap modul yang diadakan boleh membantu tetapi ini bukan sahaja boleh diubahi secara modul. Ianya perlu lahir dari rumah kita sendiri. Macam mana kita memberi pendidikan nilai-nilai murni di kalangan anak-anak kita dan ahli keluarga kita supaya kita tidak

melabelkan satu-satu bangsa, satu-satu keluarga supaya kita tidak mewujudkan diskriminasi. Walaupun kita tidak bertujuan tersebut tetapi cara kita perlu diperbaiki. Saya berharap, kita di Malaysia ini menyokong gagasan Satu Malaysia yang diuar-uarkan, yang di perkenalkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita mendapat manfaatnya daripada gagasan tersebut kerana itu bukan sahaja untuk satu bangsa kerana ia untuk kita semua. Saya berharap modul yang boleh diperbaiki boleh membantu dalam perkara ini. Dengan itu saya menyokong, sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit Buntar.

3.58 ptg.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya turut sama memberi pandangan dan pendapat dengan harapan Perdana Menteri yang membentangkan boleh mengambil nota dan perkiraan-perkiraan yang saya kira insya-Allah akan merupakan satu yang baik untuk negara. Kita sedang membicarakan tentang pindaan yang melibatkan persoalan denda dari RM3,000 atau penjara enam bulan kepada denda diperintahkan untuk melaksanakan khidmat masyarakat.

Saya mohon untuk berbincang atau untuk membahaskan tajuk ini di luar daripada sekadar kerangka pindaan itu dengan memilih untuk berbahas tentang persoalan objektif serta konsep PLKN itu sendiri dari sudut pencapaian adakah ia telah tercapai atau tidak.

■ 1600

Yang kedua ialah bagi kita memperbaiki lagi satu program besar negara ini untuk kita melihat dari segi apakah permasalahan-permasalahan yang timbul di sepanjang pelaksanaannya yang hampir lima tahun ini.

Pada 24 Oktober 2002, idea lahirnya Program Latihan Khidmat Negara ini adalah daripada satu resolusi Kongres Patriotisme Negara di mana kerangka asal idea ini ialah untuk mewajibkan ataupun dalam bentuk yang lebih ketenteraan untuk melahirkan generasi di mana objektifnya adalah:

- (i) menyemai nilai-nilai patriotisme;
- (ii) memupuk nilai-nilai integrasi nasional atau perpaduan;
- (iii) melahirkan perwatakan positif (*character building*); dan
- (iv) mencapai konsep kesukarelaan (*voluntarism*).

Saya kira kompromi daripada kongres itu telah melahirkan pelaksanaan pada 16 Februari 2004 dengan apa yang hari ini kita kenali sebagai Program Latihan Khidmat Negara.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah setiap satu program besar akan berhadapan dengan pelbagai masalah. Saya kira sepanjang daripada pukul 11.00 tadi hingga ke saat ini, kita tidak tersasar daripada membincangkan apa yang baik untuk negara. Oleh itu,

seluruh yang berbincang ini diharapkan dapat fokus kepada melihat apakah kebaikan yang telah diutarakan oleh semua wakil rakyat tanpa melihat siapakah yang berbicara.

Saya khuatir Yang Berhormat Timbalan Menteri harus mengambil pendapat supaya tidak diheret oleh rakan-rakan yang apabila pembangkang bercakap maka timbul persoalan kita menentang dan ketidakadaan patriotik. Saya kira itu bukan persoalannya. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat tumpu supaya debat ini menjadi debat yang *world class*, bukan debat yang berbincang tidak tahu kena-mengena dengan cerita orang angkat sumpah pada pagi tadi. Hampir semua wakil rakyat bercakap sedangkan sepatutnya sebagai bapa ataupun orang yang berjiwa besar, selain daripada melihat apa masalahnya, kita juga kena melihat mengapa orang itu bertindak demikian. Saya kira ini jiwa besar yang kita kena ada dalam berbincang supaya tidak diambil kesempatan perkara besar yang dibincangkan ini untuk kepentingan sempit pihak-pihak tertentu.

Seterusnya saya ingin mengambil perhatian pihak kementerian iaitu seramai 400,000 remaja yang berumur 18 tahun belum lagi terpilih dalam program ini. Hanya di sekitar 20% sahaja yang dapat mengikuti program ini iaitu remaja yang berumur 18 tahun. Saya kira 400,000 remaja ini juga berhak untuk mendapat satu program besar yang telah dirangka oleh negara kita ini.

Kedua, saya difahamkan daripada laporan yang saya terima bahawa kemudahan asas untuk menampung bilangan yang begitu ramai tidak dapat dilaksanakan kerana tidak mampu di atas sebab kekurangan kem-kem yang ada yang saya difahamkan di sekitar 80 buah kem di seluruh negara dengan purata penerima pelatih pada satu-satu masa di antara 350 hingga 450 pelatih. Saya kira perkara ini perlu diselesaikan. Kalau tidak, mungkin apa yang telah diutarakan daripada soal-soal keselamatan, soal-soal persekitaran, kesihatan dan sebagainya ada kena-mengena tentang ketidakmampuan program ini untuk menampung bilangan jumlah pelatih yang begitu besar.

Ketiga ialah daripada konsep PLKN ini difahamkan adanya di sana satu usaha yang dinamakan sebagai Modul Pra-Program Latihan yang diterapkan melalui persatuan beruniform di peringkat sekolah-sekolah menengah mulai dari umur 15 tahun ke atas. Saya ingin tahu bagaimanakah *complementary* program ini telah memudahkan ataupun telah memberi laluan yang lebih mudah kepada pelaksanaannya di peringkat umur 18 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Parit Buntar dan juga rakan-rakan yang lain, di sana timbul lagi satu permasalahan iaitu kebimbangan daripada ibu bapa. Kebimbangan ini bukanlah satu kebimbangan yang kosong tetapi adalah merupakan satu kebimbangan yang ada alasannya dan perlu kita ambil kira. Mengikut rangka yang telah disebutkan tadi oleh akan-rakan, angka 17 kematian telah tercatat sepanjang tahun 2004-2007 yang melibatkan bukan hanya pelatih tetapi juga jurulatih.

Jadi, saya kira ini juga perlu diambil kira dan kebimbangan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka dengan niat yang begitu murni untuk menjayakan program ini di calar dan dicatkan dengan kes-kes kematian yang kita jangan menyalahkan mereka kerana kebimbangan ini tetapi kementerian dan kerajaan harus melihat bagaimana perkara persepsi kebimbangan ini dapat kita hapuskan.

Kedua iaitu kes yang berkenaan dengan gangguan seksual di mana beberapa kes yang di lapor dan yang tidak dilapor menyebabkan kebimbangan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka khususnya daripada anak-anak perempuan kerana gangguan seksual dan kebimbangan terhadap kemungkinan perkara ini boleh berlaku oleh jurulatih-jurulatih yang tidak bertanggungjawab dan mencalarakan kebaikan program ini.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sedikit panduan. Oleh kerana saya tidak ada buku peraturan, saya ingin bertanya, apakah macam saya ini boleh mencelah dan memohon penjelasan sebab saya sudah duduk berjam-jam jadi orang bisu ini tidak tahan juga sebenarnya. *[Ketawa]*

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Itulah hendak jadi Menteri kena duduk diamlah, kena buat kerja. Jangan cakap banyak.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Saya minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, bolehkah atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Kena sabarlah, Yang Berhormat. Sebagai menteri atau timbalan menteri memang begitu. Kita sabar, Yang Berhormat. Saya pun kena sabar juga. Silakan, Yang Berhormat Parit Buntar.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Boleh atau tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh. Tidak boleh.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tidak boleh. Kita bincang di luarlah nanti. Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Tentang tajuk kebimbangan tadi saya kira kita jangan menyalahkan ibu bapa. Sebagai penggubal undang-undang di sini kita harus melihat bahawa kita bersifat terbuka. Walaupun kita kira bahawa ia bukan kuasa kita untuk menghalang semua ini daripada berlaku – kematian adalah kuasa Tuhan, gangguan seksual, kita tidak akan ada di sana 24 jam untuk melihat jurulatih-jurulatih itu dan sebagainya tetapi sekurang-kurangnya dengan kudrat manusia yang ada ini, kita mahu memperbaiki sistem itu supaya ia menjadi lebih baik sehingga kalau pun berlaku kebimbangan, walaupun berlaku perkara-perkara itu, ia berlaku bukan kerana kelemahan program tetapi lebih kepada perkara-perkara yang di luar kawalan kita.

Seterusnya permasalahan yang menyebabkan kebimbangan yang tidak dapat terkawal dan menggagalkan program ini, dan saya tidak setuju pandangan sebahagian rakan-rakan sebelah yang menganggap bahawa kitalah yang menanamkan kebimbangan ini, kononnya kitalah yang menyebabkan perkara ini, sebenarnya tidak. Yang kita bercakap ini adalah fakta

dan saya harap kita dapat membincangkan perkara ini dengan terbuka dan bukan dengan pemikiran yang sempit.

Oleh kerana itu, gangguan-gangguan seksual termasuk juga pergaulan yang bebas. Kalau di Singapura seperti yang banyak disebutkan tadi, contoh khidmat wajib negara itu, yang terlibat hanyalah lelaki dan tidak melibatkan wanita sedangkan program kita ini melibatkan juga golongan wanita. Jadi saya kira itu perlu diberi perkiraan untuk kita mengambil sesuatu yang serius dalam menangani masalah pergaulan bebas ini.

■1610

Kita hendak selamatkan mereka daripada pergaulan bebas di luar sana, tiba-tiba kita menyediakan ruang kepada mereka di dalam ini untuk mereka bergaul bebas. Saya kira itu antara perkara yang perlu diambil kira. Dengan itu saya harap pihak kementerian mengambil dan Timbalan Menteri yang mencadangkan ini, Tuan Yang di-Pertua, mengambil beberapa perkiraan.

Antaranya ialah pertama, PLKN tidak boleh dilihat sebagai program tempelan atau kosmetik semata-mata bagi kompromi dengan satu matlamat yang lebih besar dan falsafah PLKN itu sendiri iaitu integrasi nasional, patriotisme, *character building* dan sebagainya. Saya kira ini satu matlamat yang cukup besar yang kita tidak boleh kompromi dengan mengambil sambil lewa atau berbincang tanpa fokus untuk menjayakan program ini.

Kedua, kerajaan harus ikhlas. Saya ulangi, kerajaan harus ikhlas supaya PLKN tidak menjadi alat yang menggunakan duit rakyat untuk tujuan doktrinasi sempit kepada politik kepartian parti pemerintah. Saya kira inilah antara perkara yang membimbangkan. Ia adalah merupakan projek negara, bukan projek parti-parti tertentu yang menanam semangat patriotik sempit dan merekah, kalau ada, yang menyebabkan program ini gagal. Oleh itu saya seru, saya merayu, saya minta perhatian, jangan PLKN menjadi alat untuk doktrinasi sempit pihak-pihak tertentu bagi mencapai kepentingan politik sempit pihak-pihak tertentu. Jika ini gagal ditangani, saya khawatir PLKN hanya menjadi alat tertentu untuk pihak-pihak tertentu sahaja dan bukan seperti yang digariskan dalam falsafah PLKN itu sendiri.

Ketiga, mohon mengambil aspek keselamatan dan kesihatan dalam kem-kem dan kita tidak boleh berkompromi atas apa juga alasan tentang kemudahan asas yang substandard tentang keadaan persekitaran, alat-alat yang digunakan dan sebagainya, makanan, semuanya perlu diberi perhatian kerana aspek-aspek inilah yang banyak sekali memberi gambaran yang negatif kepada program ini di mata rakyat.

Keempat, rang undang-undang ini tidak akan selesai ataupun tidak dapat menyelesaikan masalah yang lebih besar iaitu pencapaian objektif dan matlamat walaupun secara teknikalnya Parit Buntar tidak ada masalah untuk menerima cadangan ini kerana ia lebih baik daripada hukuman yang telah ada sebelumnya iaitu hukuman penjara dan denda.

Kelima, bagi Parit Buntar, premis keberkesanan dan kejelasan PLKN itu sendirilah yang akan menentukan apakah bentuk hukuman bagi mereka yang enggan. Dengan itu, Parit Buntar mencadangkan supaya PLKN ini setelah kita membincangkan pindaan ini dinilai semula semasak-masaknya, dikaji semula walaupun Lipis ada menyebut bahawa di sana ada kajian mengatakan bagus dan sebagainya. Akan tetapi kita mahu tengok bagaimanakah cara kajian itu dibuat kalau-kalau takut kajian itu hanya dibuat bagi menyedapkan halwa telinga semata-mata. Oleh itu ia perlu dilihat dengan matlamat yang jelas, terbuka, konsep patriotisme, perpaduan, kesukarelaan mesti menjadi matlamat utama untuk kita mencapai bukan sekadar satu program biasa yang dibuat sambil lewa.

Kalaulah apalah salahnya jika ada program lain yang boleh mencapai maksud yang disebut tadi atau pendekatan baru yang boleh mencapai maksud yang disebut tadi dengan mengambil kira bahawa PLKN bukanlah segala-galanya kerana sepatutnya pendekatan perpaduan patriotisme perlu juga dilihat dalam sistem yang lebih holistik dan mungkin PLKN ini hanya menyempurnakan lagi yang sudah sedia ada. Kalau ada satu pendekatan yang lebih baik, maka apalah salahnya dan kita kira rakyat tidak akan berasa rugi setiap sen yang mereka bagi kepada kerajaan jika program itu adalah merupakan yang terbaik untuk negara.

Dengan ucapan ringkas itu saya mohon supaya rang undang-undang ini diterima. Cuma saya minta Timbalan Menteri mengambil kira semua apa yang telah saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Silam.

4.16 ptg.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut sama membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Latihan Khidmat Negara 2008.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita melihat peranan yang ingin dimainkan oleh PLKN dalam pembentukan bangsa Malaysia dan kita rujuk kepada Piagam Pelanggan PLKN itu sendiri iaitu ingin melahirkan remaja yang mempunyai sifat patriotik, sukarelawan, toleransi dan berkeperibadian murni. Selain daripada itu juga, kalau kita rujuk lagi piagam pelanggan ini iaitu memastikan segala prasarana di kem PLKN itu akan sentiasa berada dalam keadaan yang selamat dan selesa digunakan.

Jelas sekali dasar yang ingin diwujudkan oleh kerajaan untuk mewujudkan PLKN ini memang sangat baik untuk pembentukan bangsa Malaysia yang hidup dalam keadaan perpaduannya amat kukuh dan akan selama-lamanya dianggap dan dapat melahirkan suatu yang menjadi keinginan dan cita-cita semua warga dan bangsa Malaysia yang ada di bumi bertuah ini.

Program PLKN memang kita akui amat baik dan ia dibentuk mengikut acuan kita dari segi pengisiannya tidaklah begitu sempurna tetapi kalau kita lihat program ini masih lagi sangat relevan kepada bangsa Malaysia itu sendiri dalam kita merealisasikan hasrat kepimpinan negara,

baik semua pihak yang terlibat dari segi penggubalan dasar ini dan apabila rang undang-undang pindaan ini dibawa oleh Timbalan Menteri dalam Dewan yang mulia ini adalah bertujuan memperbaiki dan mengurangkan segala kelemahan yang terdapat dalam program itu sendiri.

Akan tetapi apa yang kita lihat sekarang ini PLKN ini masih lagi dalam konsep uji kaji sedangkan kalau kita lihat beberapa buah negara yang lain menjadikan khidmat negara ini sebagai sesuatu yang *compulsory* ataupun wajib. Ini penting sebab saya melihat sendiri konsep PLKN ini. Kalau kita hayati dan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya kita akan dapat melahirkan satu generasi belia yang mempunyai jati diri yang kuat yang sayang kepada negara.

Saya menyokong sebenarnya dasar ini diperkenalkan dan diterapkan. Walaupun mungkin prosesnya mengambil jangka masa yang panjang dari segi kita mengambil impaknya ataupun hasilnya sebab mungkin kalau di peringkat awal pewujudan PLKN ini nampak hasilnya itu tidak begitu ketara. Akan tetapi yang paling penting ialah kita sama-sama cuba menggariskan dan membuat satu dasar dan kita berharap supaya kerajaan ikhlas dalam perkara ini sebab dalam usia negara kita yang pada tahun ini akan mencecah 52 tahun merdeka, sudah tidak lagi relevan bagi kita untuk memikirkan suatu perkara yang menyebabkan prosa ataupun ikatan perpaduan di kalangan masyarakat ataupun rakyat itu semakin rapuh. Bukan ianya semakin kukuh kalau kita lihat sekarang ini.

Hakikatnya walaupun tercatat beberapa kematian, 10 kecederaan, berbelas yang kritikal dan yang terbaru ini ialah seorang pelajar PLKN terjatuh ke dalam longkang. Namun bila melihat kepada ujian dan cabaran yang dihadapi oleh negara kita pada hari ini seperti budaya samseng jalanan yang kalau dibiarkan sebab lebih kurang 60% hingga 70% yang terlibat dalam samseng jalanan yang sebelum ini disebut sebagai kumpulan mat rempit, adalah di kalangan masyarakat bumiputera ataupun orang Melayu dan sudah tentu perkara ini kalau kita biarkan, ianya akan menjadi satu keadaan yang sungguh berbahaya kepada generasi muda kita sebab kita tahu 41% hingga 42% rakyat di negara ini adalah terdiri daripada golongan muda. Mereka ini adalah menjadi satu sandaran dan harapan kita untuk dibentuk sebagai seorang pemimpin di masa akan datang.

■ 1620

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan perbelanjaan yang sudah menghampiri RM2.37 bilion ini yang wang ringgit ini bukannya terlalu sedikit. Mungkin kalau kita fikirkan untuk kemudahan yang lain dari segi prasarana fizikal, boleh banyak kita laksanakan. Akan tetapi kita memahami untuk membentuk suatu generasi ataupun manusia kepada manusia yang lebih matang dan bertamadun memang memerlukan masa yang panjang dan perlu kepada komitmen semua pihak supaya kita tidak boleh memikirkan bahawa budaya ataupun PLKN ini hanya suatu tujuan pihak-pihak yang mungkin digunakan sebagai mengaut keuntungan dan sebagainya. Apa yang jelas ialah dasar itu sendiri dan niat yang sebenar untuk kita melaksanakan program ini adalah ikhlas untuk kebaikan negara kita ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, PLKN sewajarnya sudah dijadikan kerahan tentera sekalipun negara bebas dari ancaman negara luar. Namun, tidak boleh dipandang ringan kebangkitan Selatan Filipina yang selama ini menganggap Sabah sebagai sebuah negeri mereka. Saya risau, baru-baru ini saya melawat Den Heaven, Semenanjung Den Heaven yang lebih kurang hanya 45 minit ataupun 50 minit untuk sampai ke bonggol Selatan Filipina. Di sana saya melihat bagaimana anggota keselamatan kita dari segi anggota itu kurang dari segi jumlah bilangannya, tidak mencukupi untuk menampung.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan terutamanya Kementerian Pertahanan supaya mengambil kira untuk menjadikan pelatih-pelatih PLKN yang berumur 18 tahun ke atas ini diserapkan dan dilatih dengan cara yang baik. Ini adalah sebab kita melihat beberapa buah negara yang juga memperkenalkan program-program seumpama ini yang diwujudkan menjadi suatu bidang yang *compulsory* sebagai belia ini diterapkan menjadi benteng terakhir negara kita yang sekarang ini saya melihat oleh sebab dari segi logistiknya macam kem tentera ataupun Kem Teknik dekat Sahabat di desa Den Heaven itu terlalu jauh. Ini sudah tentu kalau kita kekurangan dari segi anggota tentera ataupun polis yang kita tahu dari segi bilangannya begitu terhad dan tidak mencukupi, maka ada baiknya dengan adanya program PLKN ini apabila mereka selesai latihan.

Saya bersetuju dengan pandangan beberapa rakan kita di dalam Dewan yang mulia ini supaya kursus yang sekarang ini tiga bulan memang tidak memadai sebab impak dan kemahiran yang diperoleh oleh seseorang pelatih itu tidak boleh mungkin mendapat semua ilmu dalam masa-masa tertentu yang terlalu singkat sebab mereka mungkin melibatkan dari segi modulnya memang kita tahu yang melibatkan fizikal, integrasi dan sebagainya. Proses ini semuanya diperlukan untuk suatu pemahaman jangka masa panjang iaitu mungkin lebih daripada tiga bulan sampai enam bulan ataupun kalau ia mengambil masa setahun tidak mengapa. Apa yang paling penting, kita boleh melahirkan suatu generasi ataupun masyarakat yang betul-betul boleh menjadi manusia yang menghayati dan sayang kepada bumi Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tujuan asal PLKN bukan kerahan tenaga secara mandatori seperti yang terdapat di Amerika Syarikat, Jepun, Singapura, Belarus, Brazil, Chile, Croatia, Cyprus, *Egypt* dan sebagainya, namun sudah tiba masanya kita berharap dan saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya mengambil inisiatif ini untuk menjadikan program ini sebagai suatu yang wajib. Diwajibkan kepada pelajar itu untuk mengambil bahagian supaya mereka ini mempunyai keyakinan yang tinggi, patriotisme yang tinggi dan memahami nilai budaya, nilai budaya bangsa Malaysia itu sendiri supaya dapat kita menterjemahkan konsep perpaduan dan persefahaman serta toleransi seperti mana yang terdapat di negeri Sabah dan Sarawak. Tarikh 16 September 1963 apabila terbentuk Malaysia, jelas sekali di sana kita boleh *mould*, dengan izin, kita boleh gabungkan, kita boleh melahirkan suatu masyarakat yang memahami tanpa mengira latar belakangnya sama ada dia keturunan

Bajau sama ataupun Kadazandusun, Murut, Dayak dan sebagainya. Ini hasil daripada pandangan yang jauh telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ketika itu untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang satu.

Jadi sudah tentu tiba masanya dalam kerangka yang melibatkan ramai belia, dengan belanja yang sebegini besar untuk mewujudkan, untuk menjadikan PLKN itu suatu program berjaya, *why not*, dengan izin, supaya kita mengambil inisiatif untuk memastikan program ini bukan hanya sebagai tujuan indoktrinasi fahaman-fahaman tertentu. Apa yang paling penting ialah kelahiran untuk mewujudkan suatu bangsa Malaysia yang seperti mana diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang ini. Saya bersetuju dengan pandangan beliau untuk menjadikan negara ini berdaya saing seiring maknanya lebih hebat daripada bangsa dan negara yang lain. Kita perlu fahami konsep *Satu Malaysia*. Kita tidak boleh lagi mempolitikkan budaya itu mengikut perspektif budaya politik masing-masing.

Apa yang paling jelas ialah kefahaman kita secara menyeluruh. Sampai bila kita di Dewan yang mulia ini sampai ke luar itu mahu membincangkan sesuatu perkara yang hanya untuk kepentingan jangka masa pendek? Kita tidak lagi berupaya untuk melahirkan dalam keadaan kegawatan ekonomi ini. Kalau kita asyik sahaja gawat dalam politik, sudah tentu kita akan gagal mengetengahkan satu idea yang konkrit, yang terbaik untuk kebaikan negara kita itu sendiri.

Saya berharap dan mencadangkan kepada pihak kerajaan dan saya berharap Tuan Yang di-Pertua, supaya kita sama-sama bermuhasabah diri untuk memastikan program PLKN ini satu program yang sangat baik, sangat murni kalau kita kaji di peringkat asasnya sebab ini boleh melahirkan. Di sinilah kita melihat bagaimana kita boleh mengintegrasikan masyarakat yang berbilang kaum terutamanya sahabat-sahabat kita di Tanah Semenanjung ini. Memang kita lihat kalau dari segi perpaduan berbeza dengan masyarakat yang ada di Sabah dan Sarawak. Ini disebabkan mungkin di Sabah boleh naik datang ke rumah masyarakat Tionghoa.

Walaupun dari persekitarannya itu mungkin dari segi ada benda-benda yang kalau tradisi orang bumiputera atau orang Melayu yang beragama Islam, mereka mungkin tidak mahu pergi ke sana. Akan tetapi oleh sebab mereka tahu budayanya, maka dengan cara inilah supaya kita berharap program PLKN ini dengan perubahan yang ada ini dari segi Enakmen Pindaan ini iaitu daripada hukuman kepada *community service* yang boleh melibatkan semua pihak dan kalau boleh bila pesalah atau pelajar yang didapati bersalah itu dihantar kepada keluarga-keluarga yang lain daripada budaya mereka supaya mereka boleh menghargai budaya bangsa lain itu serta memahami dan menghormati. Dengan cara ini maka berjayalah kita membentuk satu bangsa Malaysia yang diasaskan daripada program PLKN ini. Saya mohon mencadangkan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Raja.

4.27 ptg.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut memberi sedikit pandangan saya mengenai akta latihan khidmat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin tidak ada rakyat Malaysia di luar sana ataupun di dalam sini tidak bersetuju dengan objektif yang ingin dicapai oleh PLKN ini. Namun kita mungkin pada peringkat awal pelaksanaan PLKN ini terdapat sedikit bangkangan dan sedikit hambatan dari pihak rakyat dan juga ibu bapa kerana program PLKN ini dilihat suatu cubaan daripada pihak kerajaan untuk mendapat kembali sokongan daripada golongan remaja dan belia.

Akhirnya, oleh sebab program ini dilaksanakan dengan agak tergesa-gesa tanpa dibincangkan dengan lumat pelaksanaannya, maka timbullah berbagai-bagai masalah yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan saya tadi. Saya Tuan Yang di-Pertua, tidak ingin untuk mengulang perkara-perkara yang telah disebutkan oleh rakan-rakan saya tetapi saya juga ingin memperkatakan tentang suatu perkara iaitu isu perpaduan. Perpaduan ini tidak akan timbul dan tidak akan ada sekiranya tidak ada perasaan saling percaya mempercayai.

Ia bukanlah satu perkara yang boleh timbul apabila kita mengenali seseorang selama tiga bulan kerana ia perlu dihayati dan perlu di *internalise* kan, dengan izin. Kita untuk menimbulkan perasaan percaya mempercayai ini, kita perlu asosiasi ataupun interaksi yang agak lama supaya kita mengenal di antara satu sama lain. Saya melihat rakyat Malaysia sekarang berada di dalam satu keadaan dilema. Kita akui bahawa kita terdiri dari berbagai-bagai bangsa dan agama dan masing-masing hendak mengekalkan identiti masing-masing dan kita telah memilih untuk pergi ke sekolah yang berasingan dan anak-anak kita daripada umur yang begitu kecil enam tahun sehingga ke 12 tahun, sudah kita asingkan daripada mereka kecil.

■ 1630

Inilah umur yang paling berkesan sekiranya kita hendak menanam sesuatu nilai dan kita tidak memikirkan dengan cara yang sebaik mungkin bagaimana sistem pendidikan ini patut kita perbetulkan. Bagaimana anak-anak kita boleh bermain, boleh berinteraksi, belajar bersama-sama tetapi tanpa kita hilang identiti masing-masing dan anak-anak orang Melayu Islam boleh meneruskan pengajian agama mereka. Anak-anak India dan Cina dan kaum-kaum lain boleh terus belajar dalam bahasa ibunda mereka.

Sekiranya kita serius untuk memupuk perpaduan ini, masa yang paling terbaik adalah masa mereka berada di sekolah rendah kerana anak-anak sebenarnya berkawan tidak mengikut bangsa. Akan tetapi yang meletakkan konsep bangsa itu di dalam pemikiran mereka adalah orang dewasa dan apabila mereka meningkat dewasa atau meningkat remaja maka kita lihat segregasi ataupun polarisasi kaum sudah mula berlaku di sekolah-sekolah.

Apabila kita tidak memperbetulkan dasarnya, kita mengharapkan dalam masa tiga bulan anak-anak kita menjalani modul-modul ini, maka kita mengharapkan mereka mula saling

percaya-memercayai. Saya ingat kita tidak akan mencapai satu konsep *Satu Malaysia* ataupun bangsa Malaysia itu sendiri. Saya harap sebagai pemimpin negara baik daripada pihak kerajaan atau pihak pembangkang, kita hendaklah melihat bahawa kita daripada bangsa yang lain membela daripada bangsa yang lain.

Tidak semestinya orang Melayu hanya bercakap mengenai pembelaan bangsa sendiri tetapi dia juga mesti melihat kepada bangsa-bangsa yang lain yang masih memerlukan pembelaan. Begitu juga pemimpin daripada Cina dan India melihat kepada kekurangan-kekurangan dan keperluan-keperluan daripada bangsa Melayu dan mereka juga mengutarakan cadangan-cadangan bagaimana untuk membantu bangsa Melayu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kita ibarat hidup dalam satu kapal. Sekiranya Malaysia ini karam ataupun Malaysia ini mengalami masalah. Bukan satu bangsa sahaja yang akan mengalami masalah malah kesemua bangsa akan turut menderita. Sekiranya ekonomi negara menjunam maka keseluruhan rakyat Malaysia akan menderita.

Oleh itu saya harap kita mesti memikirkan, bagaimana kita mengikis sifat prejudis kita. Kita tidak mahu lagi kalau boleh mendengar di dalam Dewan ini sendiri apabila kita bercakap mengenai membela bangsa, kita mesti dipelihara bangsa kita dan sebagainya. Semua bangsa adalah umat manusia yang dijadikan oleh Allah SWT. Keadilan Islam tidak mengenal batas-batas bangsa dan agama. Keadilan mesti wujud untuk semua orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang satu kebimbangan yang telah diutarakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Parit Buntar secara sepintas lalu. Ini adalah persoalan agama, kebimbangan yang ketara di kalangan ibu bapa yang menghayati agama Islam terutamanya adalah dua perkara.

Pertamanya, ialah di dalam kem-kem PLKN ini pergaulan adalah bebas di antara lelaki dan perempuan. Pergaulan yang bebas ini seperti yang diperkatakan tadi kalau di rumah kita, kita boleh pantau, kalau duduk dengan kita, kita boleh pantau. Akan tetapi kalau di dalam kem itu tidak ada perasaan untuk memantau perkara-perkara ini di kalangan jurulatih maka ia akan menjadi satu tempat di mana akan timbul gangguan seksual ataupun perkara-perkara maksiat yang tidak kita ingini.

Jadi saya bagi pihak ibu-ibu dan ibu bapa yang sebenarnya beberapa tahun dahulu telah melahirkan kebimbangan tentang perkara ini memberi pilihan kepada ibu bapa untuk meletakkan anak-anak perempuan mereka sama ada di dalam satu kem yang hanya terdiri daripada pelatih-pelatih wanita. Pelatih-pelatih terutamanya dalam modul fizikal, biarlah wanita yang melatih wanita supaya pelatih-pelatih kita ini faham tentang keterbatasan dan had-had di dalam pergaulan dan siapa yang boleh memegang dan menyentuh mereka dan sebagainya.

Kita juga dapat maklumat bahawa amalan beragama di dalam kem-kem ini tidak selaras. Ada kem di mana kalau sekiranya Pengarah Kem itu berjiwa ingin melihat amalan agama Islam

itu kuat maka dia ada sesi solat ataupun sembahyang jemaah untuk orang Islam. Akan tetapi ada kem di mana tidak ada pun azan yang dilaungkan, mungkin ini tidak semua.

Ini adalah antara perkara yang dilahirkan oleh ibu bapa kepada kita. Mungkin sudah ada di dalam modul itu tetapi tidak dilaksanakan. Jadi, siapakah yang boleh memantau dan memastikan bahawa hasrat kita apabila anak-anak pergi ke kem ini maka kerohaniannya juga diambil kira.

Apabila bercakap berkenaan modul-modul ini tadi disebut empat modul fizikal kenegaraan, jati diri, *character development* dan khidmat masyarakat. Saya tidak tahu di manakah yang diintegrasikan kerohanian itu sendiri kerana manusia ataupun remaja yang hubungannya baik dengan Allah SWT atau Penciptanya maka dia tidak akan ada banyak masalah sesama manusia. Biasanya orang yang tidak ada hubungan yang baik dengan Penciptanya maka timbul masalah dengan manusia lain. Jadi kalau inilah boleh kita terapkan kepada anak-anak kita maka mungkin kebimbangan daripada ibu bapa itu akan lebih dapat kita tangani dan sebagainya.

Saya juga ingin menyentuh tentang pemilihan pelatih. Kalau kita lihat modul-modul yang dilakukan, fizikal, kenegaraan dan sebagainya, sebahagian daripada modul-modul ini sudah ada di dalam sekolah-sekolah kita di sekolah-sekolah menengah di mana terutamanya anak-anak di dalam sekolah berasrama penuh. Kalau kita bercakap mengenai disiplin mereka mesti mematuhi disiplin di sekolah-sekolah mereka di sekolah-sekolah berasrama penuh.

Kalau kita bercakap tentang kerjasama mereka memang sudah dilatih beberapa tahun untuk bekerjasama dan juga khidmat masyarakat mungkin ini tidak dilakukan di luar sekolah tetapi dilakukan dalam kawasan sekolah. Mereka terpaksa melakukan gotong-royong dan sebagainya. Oleh kerana jumlah yang boleh kita ambil daripada...

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Mencilah..., mencilah sedikit!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Menyentuh soal pemilihan calon ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat dan juga pihak kementerian bahawa apa yang berlaku sebenarnya pemilihan ini berdasarkan umur. Apabila berdasarkan umur kita dapati calon-calon yang dipilih tadi terdiri daripada sesetengahnya pelajar-pelajar yang telah lama berhenti sekolah, berhenti semasa Tingkatan 3 atau Darjah 6.

Mereka ini sebahagiannya telah terlibat dengan unsur-unsur yang tidak sihat, penagih dadah, rempit, *juvana* dan lain-lain lagi. Jadi apabila mereka ini dipilih masuk bersama pelajar-pelajar yang *fresh* sekolah yang mempunyai disiplin yang baik. Mereka inilah yang sebenarnya menimbulkan masalah di pusat-pusat latihan ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Kota Raja mengenai hal ini?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Saya sebenarnya mengenai pemilihan ini, itulah seperti yang saya katakan tadi mungkin semasa kita

merangka program ini kita tidak mencerakinkan betul-betul sasaran kita itu. Seheinggakan kadang-kadang anak-anak yang di asrama yang sudah hidup daripada Tingkatan 1 sampai Tingkatan 5 di sekolah asrama juga mendapat surat untuk masuk ke kem PLKN ini. Mereka tentulah tidak berapa gembira kerana mereka telah melalui sekurang-kurangnya sebahagian daripada kursus-kursus ini.

Mengenai pemilihan mereka yang rasa saya tidak bersedia untuk masuk PLKN. Saya kalau boleh..., kerana tadi mendapat maklum balas yang mengatakan ibu bapa sesiapa yang dapat masuk sini patut rasa bertuah. Ibu bapa pun seronok anak-anak mereka mendapat peluang maka kalau begitulah maklum balas yang kita dapat, maka kita tidak akan mendapat masalah untuk mendapat pelatih, kerana kita hanya mengambil 20% daripada *cohort* umur 18 ataupun 17 tahun itu.

■1640

Jadi mungkin pada peringkat permulaan ini ataupun peringkat sekarang kalau kita cuba melihat kepada sesiapa yang mahu masuk kerana kita hanya mengambil 20%. Apa berlaku kepada 80% lagi?

Saya juga tidak bersetuju sekiranya seorang itu telah berhenti pada umur yang muda, kalau yang perempuan itu mungkin sudah kahwin. Kes yang dahulu kita lihat dia ada anak, dia tengah menyusukan anak dikehendaki juga melaporkan diri. Tentulah ada pengecualian-pengecualian dan mereka ini tidak perlu kita hukum dengan khidmat masyarakat dan sebagainya kerana mereka sudah ada tanggungjawab yang lebih berat. Beberapa hari yang lepas saya didatangi oleh satu keluarga miskin. Anaknya mendapat tawaran untuk pergi ke kem di Lumut dan dia merayu bahawa dia daripada keluarga miskin dan dia tidak ada wang untuk membeli pakaian anaknya kerana yang ada di rumah itu semua lusuh.

Jadi kalau hendak masuk hendak pakai pakaian seperti pakaian dalam dan sebagainya, maka dia bertanyakan sama ada kita menyediakan kewangan untuk membantu dia. Hinggakan hendak pergi hantar anak ke pusat pungutan itu pun dia tidak mampu. Jadi elaun yang diberi itu hanya akan diberi setelah mereka masuk. Jadi saya ingat di antara perkara untuk keluarga miskin perkara ini mestilah juga dipertimbangkan. Saya tahu orang yang ada anak-anak di sekolah asrama dia tahu bagaimana sebelum bermulanya dia masuk ke asrama, dia mesti ada beberapa perkara untuk selesa bergaul dengan kawan-kawannya dan tidak ada rasa rendah diri di kalangan kawan-kawannya.

Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Sik tadi yang mengatakan, sekiranya kita tidak menapis ataupun menyaring pelatih-pelatih ini mungkin kita akan ada, kalau hendak kata penjenayah pun pada umur itu mungkin juga yang tegar yang apabila masuk ke sana kesan negatifnya ke atas pelatih-pelatih lain itu akan terkesan juga kepada anak-anak yang agak naif di dalam kehidupan ini.

Jadi dengan itu saya cuma ingin menyebut lagi satu mengenai khidmat masyarakat. Saya ingin bertanya sekiranya kita ada khidmat masyarakat ini, yang sekarang ini kita tidak tahu apakah yang akan dikenakan. Kalau ianya ringan daripada tiga bulan sebab tiga bulan itu satu jangka masa yang agak panjang bagi setengah pelatih dan ibu bapa. Mereka mungkin memilih untuk tidak pergi ke kem untuk masuk bersama dalam PLKN ini, kerana khidmat masyarakat yang ditawarkan itu mungkin lebih ringan dan lebih mudah untuk mereka menunaikannya. Saya tidak bersetuju kalau tadi dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Mas, bahawa kita tidak boleh memberi kerja-kerja khidmat masyarakat mereka tidak boleh di tempat yang terbuka, tak boleh buat itu tak boleh buat ini kerana elemen khidmat masyarakat ini kita tadi ubah daripada menghukum kepada untuk mendidik. Bagaimanakah kita tahu bahawa mereka ini sengaja tidak mahu masuk dan memilih untuk buat khidmat masyarakat. Ada kes-kes yang sengaja, kerana mereka ada pilihan dan khidmat masyarakat itu lebih ringan daripada dipenjarakan dan denda, maka ia mengambil jalan yang mudah untuk buat khidmat masyarakat.

Bagi saya mesti ada sedikit elemen menghukum secara lembut, kerana jika dia rasa malu untuk buat kerja atau untuk membuat khidmat masyarakat kerana dia juga akan memberi benteng kepada kita untuk tidak melakukan sesuatu kesalahan. Kalau kita lihat di dalam hukum Islam misalnya berzina, kenapa elemen dihukum dibuat di khalayak ramai. Kerana dengan mendedahkannya kepada khalayak ramai perasaan malu itu ada. Menjadi pendidikan kepada orang ramai supaya tidak melakukan perkara yang sama. Akan tetapi sekiranya kita menghukum seseorang itu dan setiap kali kita menghukum kita melindunginya, maka tidak ada pengajaran yang didapati daripada situ.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Mohon penjelasan sedikit Kota Raja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan soal bentuk khidmat masyarakat yang hendak dilaksanakan dalam pindaan ini yang belum jelas, adakah Yang Berhormat Kota Raja bersetuju supaya oleh kerana kerajaan sekarang ini begitu berminat dengan KPI ini jadi wujudkan satu sistem KPI untuk Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, Perdana Menteri dan sebagainya tetapi untuk sistem khidmat masyarakat ini supaya dia tahu apa benda yang hendak dibuat. Maksudnya kalau gotong-royong daripada satu tempat ke satu tempat mesti dibersihkan. Jadi kita lihat KPI itu. Jadi adakah sistem KPI itu boleh dilaksanakan dalam khidmat masyarakat supaya penilaian oleh pihak-pihak tertentu itu lebih jelas dan lebih berautoriti. Mohon penjelasan.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya kira apa pun penilaian yang kita buat mestilah berdasarkan *evidence base*, mestilah berdasarkan kepada *empirical*. Tidak secara subjektif. Saya tidak tahu bagaimana ia akan dilakukan, tetapi tentulah kita boleh mengukur hasilnya serupa juga dengan hasil PLKN ini. Bila semua orang bercakap mengenai betapa berjayanya program PLKN ini, maka apakah ukuran kita. Adakah kita membuat satu kajian ke atas 20% yang tadi 450,000 orang daripada pelatih ini yang telah keluar dan apa kesan jangka masa panjang ke atas mereka?

Kalau kita buat setakat kaji selidik selepas kita keluar kalau kita dapat satu kem yang selesa, semua kemudahan itu cukup, kita dapat jurulatih yang baik dan sebagainya tentulah pengalaman itu pengalaman yang menggembirakan. Tetapi kalau kita mendapat satu kem seperti yang disebut tadi di Rembau itu dengan kemudahan tandas yang substandard dan ada juga mungkin sedikit gangguan seksual dan sebagainya tentulah pengalaman kita tidak menyenangkan.

Oleh itu, kajian yang hendak kita lakukan betul-betul rawak, betul-betul rambang dan mestilah ada secara objektif untuk kita katakan bahawa ya kita telah membelanjakan lebih RM700 juta setahun dan kesan patriotismenya, kesan perpaduannya, pembinaan jiwanya begitu mantap tapi seperti yang kita tahu kerana ada elemen motivasi di sini, sekiranya tidak berlaku perubahan dalaman yang kita dengar daripada pakar-pakar motivasi biasanya kesan motivasi ini tidak lama. Tiga bulan. Dia kena pergi *recharge*. PSQ165 yang hebat itu pun dia kena pergi *recharge*. Kerana apa? Kerana ia adalah motivasi daripada luaran. Tidak ada perubahan dalaman. Dengan itu saya ingin menyokong pindaan di dalam rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tangga Batu.

4.48 ptg.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teringat masa kecil-kecil bila saudara-saudara kita yang berada di Singapura ketika itu di awal tahun 70-an yang ramai kata ketika itu kesal tidak tukar kerakyatan untuk jadi rakyat Malaysia kerana dipaksa oleh kerajaan Singapura untuk menyertai Program *National Service* mereka yang menjadi satu kewajipan kepada setiap anak muda yang habis sekolah di peringkat menengah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita tengok di Singapura ia tidak lagi menjadi satu isu setelah hampir 30 tahun peristiwa itu berlalu dan baru-baru ini saya bertemu dengan pemimpin belia Singapura Saudara Raymond menyebut pada saya yang berpangkat kolonel. Saya kata pangkat kolonel ini mana dapat? Dia kata dapat daripada *national service* di Singapura. Masih lagi pakai kolonel *national service* ketika beliau menjadi pelajar di universiti kemudian keluar untuk berkhidmat dan meneruskan perkhidmatannya sampai hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya membawa gambaran itu adalah pertama sekali untuk meminta pihak Kementerian Pertahanan supaya jangan putus asa dengan apa yang telah dilakukan.

■1650

Saya percaya enam tahun adalah satu jangka masa yang singkat. Namun singkat kita boleh adakan ukuran, boleh adakan penilaian untuk enam tahun, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kanak-kanak dilahirkan enam tahun dahulu hari ini mungkin boleh berjalan dan berlari pantas dan kalau usianya meningkat ke 12 tahun, 15 ke akil baligh mungkin boleh melakukan lebih dari itu.

Jadi enam tahun ini Tuan Yang di-Pertua persoalannya adakah mekanisme penilaian tadi itu benar-benar menampakkan wajah yang sebenar program PLKN. Kalau untuk mengukur sejauh mana patriotiknya seorang pelatih PLKN setelah tiga bulan berkursus, saya yakin kalau sebaik sahaja selepas kursus mungkin markahnya 300-400%.

Akan tetapi selepas dari itu, kesemua kajian mengatakan ia akan menurun. Api itu tidak membara dan perlu ditambah lagi bahan api dan sebagainya. Yang penting ialah, kita kena menjadikan proses PLKN ini sebagai salah satu daripada perjalanan seorang insan itu seorang manusia atau rakyat kita sampai umur 17, mesti lalu PLKN. Sekurang-kurangnya di peringkat ini secara rasmi telah mendapat pendedahan di dalam modul-modul yang disediakan bagaimana peranan dan tanggungjawabnya menjadi seorang rakyat dewasa di negara kita. Semangatnya memang ada di mana-mana Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita bercakap tentang Kementerian Pelajaran, semuanya bercakap tentang pembangunan yang seimbang dalam konteks jasmani, emosi, rohani dan intelek. Di dalam PLKN kita menyebut tentang patriotik, tentang integrasi, perpaduan, tentang kesukarelaan dan juga pembinaan diri dan sebagainya. Mana-mana kemotivasi pun menyebut perkara yang sama.

Jadi hari ini saya merayu kepada Kementerian Pertahanan selaku *custodian* kepada program PLKN ini, kalau benar semangatnya untuk membentuk keempat-empat perkara yang kita sebut tadi, mesti melalui kaedah *regimentary* ini perlu dibuat secara *regiment*. Tidak boleh ada, ini boleh dimaafkan, ini tidak boleh dimaafkan dan sebagainya. Prosesnya hanya tiga bulan untuk memberitahu ini boleh dan ini tidak boleh kerana akhirnya kita semua tertakluk kepada boleh dan tidak boleh. Yang kebajikan dan yang mungkar. Sampai bila kita masih hendak menjadi jalan pertengahan? Anak-anak muda yang hari ini kalau kita lihat sering banyak jari menuding kepada mereka. Sekali-sekali kita kena mengatakan anak muda inilah yang sebenarnya membawa kebaikan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini membawa saya kepada beberapa isu yang boleh kita bincangkan bersama. Yang pertama, publisiti yang amat meluas kepada artis-artis yang kononnya ada yang masuk selama tiga bulan kata macam baru semalam masuk PLKN. Ini kadang-kadang menimbulkan rasa meluat juga di kalangan peserta-peserta dan juga ibu bapa. Jadi janganlah berlebih-lebih. Ada pula yang kata masuk tiga bulan umpama neraka di dunia ini. Ada juga keluar tetapi di dalam blog-blog yang tidak disahihkan pendaftarannya. Ini juga pun sesuatu yang terlampau-lampau. Pihak kementerian disarankan untuk sedikit sebanyak mengawal berita-berita seperti ini daripada memberikan sesuatu tanggapan yang tidak tepat di kalangan ibu bapa.

Yang kedua saya ingin menyeru kepada pihak kementerian supaya melihat tentang pegawai-pegawai termasuk awam dan swasta yang telah pun diberikan tanggungjawab untuk menyelenggarakan dan mengendalikan kem-kem latihan ini. Pegawai-pegawai perlu mempunyai konsep yang jelas apabila termasuklah dia panggil jurulatih-jurulatihnya yang apabila kita tanya

soalan-soalan berkaitan dengan ketatanegaraan dan sebagainya kadang-kadang menjawab kepada kita, ini saya tidak tahu, ini kita meminta komandan untuk jelaskan dan sebagainya. Kerja saya jaga budak-budak supaya faham undang-undang dalam kem ini dan sebagainya. Saya minta kalau boleh jurulatih-jurulatih yang diambil secara kontrak ini diberikan pendedahan sedalam-dalamnya tentang ketatanegaraan bina negara dan juga bina diri mereka untuk menjadi jurulatih-jurulatih.

Saya sokong pihak kementerian ataupun komandan-komandan kem pusat latihan ini menggunakan jenama Wira dan Wirawati untuk pelatih-pelatih. Di kebanyakan kem yang saya terlibat secara langsung di dalam acara penutupan, mereka menggelar diri pelatih-pelatih ini sebagai wira dan wirawati. Jadi apabila kita sebut wira dan wirawati dia tepuk tangan. Kemudian apabila tepuk tangan pula kalau dia suka dengan kaedah pencapaian ucapan kita, ada cara dia. Tepuk, tepuk terima kasih. Yang ikat kepala semua itu, kepala retak Yang Berhormat. Kalau kepala dia okey, dia tidak ikat kepala. Di hospital ramai orang yang pecah kepala kita ikat kepala.

Jadi Yang Berhormat Menteri, wira wirawati itu bagus. Jadi apabila kita sebut wira wirawati kita bagi tahu dia tidak ada sesiapa yang boleh membayangkan negara masa hadapan melainkan wira dan wirawati di hadapan kita dan kalau ada mana-mana pihak yang ingin menjerumuskan negara kita di lembah penghinaan, wira wirawatilah yang pertama akan berhadapan dengan mereka. Semangat besar Tuan Yang di-Pertua. Betul, kalau tidak percaya Yang Berhormat buatlah ucapan macam itu. Tepuk-tepuk terima kasih dia keluar semua bahasa. Terima kasih, *nandri, vanakam, she she ni, arigato gozaimas, paseva* semua, *shukran*, semua keluar.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini kali pertama saya dengan Shah Alam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya bagilah kawan-kawan. Abang dia pun kawan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertariklah dengan ucapan Yang Berhormat Tangga Batu tadi berhubung dengan menghalang mereka-mereka yang menjerumuskan negara kita ke lembah kehinaan.

Saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Tangga Batu adakah ini termasuk dengan tindakan-tindakan yang memalukan negara kita di mata dunia seperti apa yang berlaku di Dewan Undangan Negeri Perak. Sekiranya tidak, maka mengapa dan begitu juga dengan amalan

rasuah seperti mana yang berlaku dengan Port Klang Free Zone yang mana satu dunia pun mengetahui bagaimana penyelewengan telah menyebabkan perbelanjaan yang begitu boros. Begitu juga dengan soal perkataan nama orang Mongolia dahulu yang kita hendak sebutkan pun sudah naik risau, takut-takut kena halau.

Saya hendak ucapkan tahniah kepada Speaker Dewan Rakyat yang masih mampu halau orang keluar Dewan kerana di Perak, Speaker diheret keluar. Mengapa rakyat tidak diajar dan pelajar-pelajar yang dihantar ke program-program seperti ini tidak diajar untuk mempertahankan nama baik negara dengan menentang dan mengutuk amalan-amalan seperti ini kerana amalan-amalan seperti inilah yang menjerumus negara kita ke lembah kehinaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Nombor satu, yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mencilah Yang Berhormat, ada nombor-nombor mencilah Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ringkas Yang Berhormat. Saya hendak pertikaikan satu hujah iaitu tempoh masa enam tahun. Saya rasa satu program seperti PLKN dia punya orang yang ikuti kursus ini bukan orang yang sama setiap tahun. Keberkesanan program itu, kita dapat kaji *immediately*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah macam berucap.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini salah satu daripada...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya hendak sambung sedikit.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hendak sambung.

■1700

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tangga Batu, saya nak sambung sikitlah. Saya tak nak terkeluar daripada tajuk Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya suka betul apabila Yang Berhormat Tangga Batu tadi sebut peserta-peserta dipanggilkan wira dan wirawati. Sebenarnya tujuan program ini selain daripada untuk menyatupadukan seluruh ummah, kita nak tanamkan sifat kecintaan, sifat jati diri, sayangkan kepada negara, cintakan kepada keamanan.

Baru-baru ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya terperanjat, saya rasa sedih, seorang pemimpin Yang Berhormat daripada Permatang Pauh, Ketua Pembangkang, ada menyarankan supaya Chin Peng dibawa kembali ke tanah air. Bagi saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Lari tajuk nampak.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Ini tak lari daripada tajuk kecintaan. Bagi saya, saranan ini adalah salah satu daripada penghinaan kepada seluruh rakyat Malaysia, dan juga bekas-bekas perajurit tanah air, yang banyak terkorban atas keganasan Chin Peng. Saya nak tanya pendapat Yang Berhormat...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Shah Alam dah bangun dah, yang menjerumuskan negara ke lembah kehinaan ini, adalah orang yang menganjur Chin Peng supaya pulang ke negara dan orang-orang yang sezaman dengan dia, termasuk Yang Berhormat Shah Alam lah, [*Dewan Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua, Chin Peng pun nak bawa balik ke negara kita. Chin Peng ini, sebut nama Chin Peng hari ini, orang boleh kaitkan dengan keganasan. Chin Peng ini sinonim dengan ganas. Saya pun tak pernah dengar kawan-kawan Tionghoa pakai nama Chin Peng, ada? Yang Berhormat Kepong, ada kah, Tan Chin Peng kah? Tan Seng Giaw adalah.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Tangga batu, minta penjelasan sikit boleh. Balik Pulau sikit saja, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi Jalan Yang Berhormat?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Balik Pulau okey, pagi tadi saya ambil dia punya bahagian, sekarang dia ambil bahagian saya, tak apa.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Tangga batu mengatakan tadi bahawa orang yang bertanggungjawab menganjurkan Chin Peng pulang itu kan, satu perkara yang tidak baik. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Tangga Batu, siapa yang membenarkan? Apakah asas yang membenarkan Samsiah Fakeh dan Rashid Maidin pulang, dan siapa yang membuat kerjasama tersebut? Mungkin itu... sebab saya mahu faham apa justifikasinya itu. Bagi saya ia mesti satu keputusan yang konsisten kerana saya yakin keputusan itu mungkin dibuat atas satu dasar yang hebat oleh pemerintah Malaysia ketika itu, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Saya nak balik kepada Jasin dululah. Yang Berhormat Jasin, terima kasih atas...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tak tahu jawab lah.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Nak balik semula kepada komen Yang Berhormat Jasin tadi. Siapa yang sebut jawab itu, ini bukan jawab. Ini hendak menjelaskan apa Yang Berhormat Jasin mohon penjelasan tadi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Jasin, mengatakan yang idea penganjuran pulang Chin Peng, penganas komunis negara ketika itu ke negara kita ini, dikesali oleh perajurit-perajurit kita yang telah berjuang habis-habisan mempertahankan keamanan negara kita, ketika itu.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat boleh saya sambung sikit?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sambunglah Yang Berhormat, kerana Yang Berhormat pun mempunyai darah perwira dia, saya tahu.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang itu adalah satu perkara yang cukup berlawanan sekali dengan prinsip kemanusiaan rakyat Malaysia yang cintakan kepada keamanan. Kalau siapa yang tidak merasakan betapa peritnya rakyat Malaysia pada ketika itu terpaksa berperang, berjuang mempertahankan negara, ada yang mati, ada yang terpaksa hilang suami, anak yang kehilangan ayah, perajurit tanah air kita yang terpaksa cacat anggota seumur hidup, baru dia dapat mengetahui. Nak buat perbandingan dengan Samsiah Fakeh, Rashid Maidin, Rasyid Maidin dah mati kena tembak, Musa Ahmad.

Sebenarnya ada satu perjanjian, dan orang yang menyarankan itu tidak memahami tentang apa perjanjian yang telah termaktub di antara kerajaan dengan komunis di Baling semasa mereka berjanji meletakkan senjata. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh sambung lagi Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dah panjanglah Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Batu, saya Tangga Batu, Tangga Batu atas sikit daripada Batu, duduk dulu. Ini *floor* saya ini, Yang Berhormat Jasin dah habis dah? Ada lagi? Yang Berhormat Jasin ada lagi, saya bagi laluan.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat, saya amat kesal sekali apabila saranan beliau..

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Batu nantilah, minta dengan saya.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: ...Saranan beliau, dia kata supaya menyokong Chin Peng dibawa kembali ke tanah air atas sikap kemanusiaan, nak kasihankan dia konon. Dulu dia ada kasihan kita tak? Dia tidak pernah kasihan pada rakyat Malaysia. Dia bunuh! Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kita tengok filem-filem tayangan keganasan komunis, dah cukup dah.

Satu lagi perkara yang cukup menyedihkan saya, apabila beliau membuat perbandingan. Kenapa kita benarkan komunis Melayu balik, mengapa kita tak benarkan komunis Cina. Kenapa buat perbandingan dan masukkan, kaitkan tentang bangsa. Bahkan kita di negara kita pada ketika ini, kita menyeru semua umat supaya bersatu padu, tak mungkin apa-apa kaum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Jadi atas hujah-hujah Yang Berhormat Jasin tadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta... cadangan saya supaya Dewan Bahasa dan Pustaka, ambil perkataan Chin Peng itu, diertikan dengan

pengganas komunis. Jadi di Malaysia, Chin Peng maknanya pengganas komunis, boleh setuju tak Yang Berhormat Jasin?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya setuju Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ha, senang macam itu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Yang Berhormat Tangga batu bagilah laluan kepada Batu.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Perkataan Chin Peng, masuk dalam Kamus Dewan kata Chin Peng ertinya pengganas komunis.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Altantuya boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kepong, saya bagi Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Kepong kawan lama saya.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Batu dululah.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kepong dulu, Kepong lagi kanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang pilih itu Yang di-Pertua, Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Oh, terima kasih, terima kasih Yang di-Pertua, kalau tak bagi, saya tak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong, ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat penjelasanlah itu, angin berputar, ombak bersabung. Perkara ini sangat rumit. Saya pernah berkhidmat dengan askar, dan pengetua sekolah saya, sekolah menengah ditembak mati oleh komunis. Saya pun berasa tak sedaplah mengenai komunis ini, saya memang berasa tak sedap. Walau bagaimanapun, saya bagi bandinganlah, di Afrika Selatan ada Nelson Mandela. Nelson Mandela ini di penjara selama 27 tahun. Isteri dia mati, anak dia mati kerana *Apartheid*. Apabila dia keluar 27 tahun itu, dia maafkan semua orang. Negarawan.

Negara kita tidak ada, satu pun tak ada. Yang Berhormat Tangga Batu sekarang mesti mendalami hal ini. Jangan cakap ikut kehendak sahaja, tak pernah ada di dalam askar pun.

[Ketawa]

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kepong punya analogi, saya pun tak nampaklah...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak nampak tak apa...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Dekat mana rasional dia. Yang Berhormat, Nelson Mandela seorang, maafkan orang ramai. Yang kita ini berjuta orang nak maafkan seorang. Hai, kehancuran yang dibuat, penghinaan yang diberi pada berjuta-juta orang di negara kita. Tiba-tiba dia nak balik, nak dibagi layanan istimewa, nak bagi laluan istimewa, baik kita bagi kepada Yang Berhormat Kepong walaupun duduk pembangkang daripada sejak azali lagi. Kenapa nak bagi kepada Chin Peng, orang yang merosak dan memusnahkan keamanan dan kehancuran negara kita. Saya pun tak nampak rasionalnya kenapa kita nak bagi kemaafan kepada Chin Peng ini.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Batu, sila Batu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Saya tidak mahu masuk tentang isu Chin Peng lah. Terpulang kepada masing-masing untuk memberi keputusan pandangan kita terhadap beliau sebagai seorang komunis kah atau pengancam keamanan negara. Saya hanya rasa keliru kalau kita ingin mengambil satu pendirian yang konsisten kerana ada ramai di kalangan rakyat Malaysia, yang rasa kesal terhadap tindakan Chin Peng dalam sejarah Malaysia ini, dan kerajaan diseru supaya sensitif kepada perajurit-perajurit kita yang telah berkorban, dan perbahasan ini berlaku beberapa hari sebelum Perdana Menteri kita, buat lawatan ke sebuah negara komunis yang terbesar di dunia, dan negara itu juga menganjur perang gerila Parti Komunis Malaya selama 30 tahun.

■ 1710

Adakah ini satu tindakan yang kurang sensitif? Hendak pilih tarikh itu pergi pun, janganlah ungkit isu Chin Peng. Selepas itu pergi jumpa komunis terbesar di dunia ini dan ingin membuat persahabatan yang baik dan ingin mendapatkan pelaburan. Adakah kita tidak rasa kesal dengan tindakan ini? Dalam konteks Yang Berhormat Permatang Pauh, sebenarnya dia yang katakan kita ambil isu ini sebagai isu perikemanusiaan. Kita benarkan orang British, penjajah yang telah banyak membunuh anak-anak Melayu, orang Cina dan orang India dalam penindasan kita terhadap perjuangan kemerdekaan. Kita tidak ada masalah untuk menerima orang British dan orang Jepun. Datuk saya juga dibunuh oleh orang Jepun. Namun saya tidak merasa kerajaan harus mengambil satu tindakan untuk menyekat kedatangan orang Jepun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Saya ingin mendapatkan satu penjelasan secara konsisten apakah pendirian kita sebagai sebuah negara. Adakah kita mengambil tindakan dan sikap berdendam terhadap sesiapa yang pernah mengancam atau memusuhi.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat, saya harap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tangga Batu, saya cuma ingin mengingatkan bahawa kita sedang berbahas tentang Rang Undang-undang Akta Latihan Khidmat Negara.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, yang bawa kita sesat Barat ini pun pihak yang menjerumuskan kita ke lembah penghinaan.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh balik.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ia bermula daripada Yang Berhormat Shah Alam, Tuan Yang di-Pertua. Ia bermula daripada Yang Berhormat Shah Alam.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Jasin! Yang Berhormat Jasinlah.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun kena hormat juga Yang Berhormat Padang Besar ini. Yang Berhormat Padang Besar sebab dia duduk diam saja. Tiba dekat saya pula, dia bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Tangga Batu. Oleh kerana soalan tadi yang datang daripada sana seolah-olah buta sejarah. Dalam tahun 1974, yang melawat ke negara China ialah Tun Abdul Razak, Perdana Menteri. Dia meminta Chin Peng membantu supaya tidak menyokong komunis lagi. Sejak dari itu, China tidak lagi menyokong Chin Peng dan bantuan China itu dapat melemahkan pasukan ataupun melemahkan pergerakan komunis hinggalah pada tahun 1989, mereka telah dihapuskan.

Jadi, saya hendak tanya, sejarah itu adakah Yang Berhormat tahu untuk dimaklumkan kepada mereka yang buta sejarah.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat, mereka ini bukan sahaja buta sejarah tetapi buta hati, buta mata dan buta semuanya. *[Beberapa Ahli ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat macam isu-isu. Semua lepas tanya terus bangun. Selepas tanya puas hatilah itu. Apa pun yang telah disebut oleh Yang Berhormat Batu sebentar tadi, kita kena lihat dalam konteks hubungan negara dengan negara, hubungan manusia ataupun rakyat dengan rakyat. Bagi kes Chin Peng ini Yang Berhormat, saya lihat tidak ada langsung kekesalan. Tidak ada langsung bibit-bibit merasakan yang dia telah berada di pihak yang salah seperti yang telah dinampakkan oleh rakan-rakannya, Rashid Maiden dan Shamsiah Fakeh. Pada saya, kalau ada nampak kekesalan, kesilapan menyatakan secara terbuka, mengakui bahawa hari ini kita telah berada di kedudukan yang lebih baik dan dihormati. Itu mungkin sedikit sebanyak dapat mengubati hati rakyat yang telah dilukai.

Apa pun Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya meneruskan hujah saya tadi berkaitan dengan pihak swasta dan juga pegawai-pegawai awam yang telah dilibatkan di dalam

tanggungjawab untuk menyelenggarakan dan mengendalikan kem-kem Latihan Khidmat Negara ini. Apabila pegawai-pegawai tadi telah diberikan latihan secukupnya, maka pihak swasta yang bersama-sama di dalam pengendalian dan pengurusan kem ini juga perlu diberikan pendedahan tentang bagaimanakah mereka perlu bertacara apabila berurusan dengan pelatih-pelatih. Umpamanya, saya difahamkan pembekal-pembekal makanan di kem-kem latihan ini. Mereka seolah-olah berada di dalam kelas mereka sendiri. Apabila kita katakan yang mereka perlu bersama-sama menyumbang kepada acara-acara kebajikan bagi pelatih-pelatih di kem-kem ini, mereka seharusnya memberikan ruang seluas-luasnya untuk bersama-sama membantu.

Umpamanya, pada setiap kali penutupan majlis-majlis perpisahan pelatih-pelatih, mereka mengadakan Malam Seribu Kenangan, Malam Ikatan Silaturahmi dan sebagainya. Kebanyakan daripada pihak-pihak swasta yang bersama dengan kem ini tidak mahu melibatkan diri secara langsung dan tidak langsung. Jadi di sini mungkin kalau kementerian boleh menganjurkan supaya mana-mana pihak yang terlibat sama di dalam pentadbiran dan pengurusan sesebuah kem ini, perlulah bersama-sama juga menyumbang kembali kemakmuran bagi menggalakkan pelatih-pelatih di kem ini untuk bersama-sama memberikan satu anggapan yang terbaik kepada pengurusan dan pentadbiran kem.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Saya hendak berucap tetapi saya rasa masa tidak cukup. Oleh kerana Yang Berhormat Tangga Batu menyebut tentang situasi yang berlaku dalam PLKN dan sebagainya. Tentang persediaan, suasana kem, tentang komitmen pegawai dan sebagainya. Saya hendak cadangkan Yang Berhormat Tangga Batu. Mungkin perkara ini relevan. Di peringkat Majlis, kita ada ahli majlis, Majlis Latihan Khidmat Negara. Namun, kalau kita bandingkan PLKN itu sendiri, banyak pusat-pusatnya. Di Ledang pun ada, dengan klinik dan hospital ada Lembaga Penasihat. Mungkin kalau kita lebih optimis dan masyarakat boleh mengambil bahagian dan tidaklah PLKN yang selama ini banyak dicemuh tidak ada hubungan dua hala dengan masyarakat.

Sewajarnya ada Lembaga Penasihat ya, Yang Berhormat Tangga Batu. Ada Lembaga Penasihat yang mungkin kita boleh cadangkan kepada pihak kerajaan di semua kem PLKN. Tadi Yang Berhormat Tangga Batu menyebut tentang program yang dijalankan. Majlis penutup dan majlis meraikan peserta. Namun kalau dilibatkan semua masyarakat di mana ada wakil-wakil di situ, Lembaga Penasihat di setiap PLKN boleh juga memberikan idea-idea yang bernas supaya hubungan dua hala ini berlaku. Saya yakin kalau kita optimis, PLKN ini dengan ramai Lembaga Penasihat di peringkat bawah boleh lebih berjaya pada masa akan datang. Adakah Yang Berhormat Tangga Batu setuju?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya memang amat bersetuju dengan idea memasyarakatkan PLKN ini dengan masyarakat setempat, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya ia juga membawa saya kepada perkara ketiga yang saya ingin bangkitkan kepada

kementerian iaitu supaya ruang tiga bulan ini disediakan kepada mana-mana kem-kem PLKN ini untuk memanggil Jabatan Belia dan Sukan di peringkat negeri dan daerah supaya memberikan borang-borang persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan belia supaya anak-anak muda yang sentiasa akan mencari ruang bagaimana mereka boleh mencurahkan khidmat bakti mereka secara sukarela kepada masyarakat melalui pertubuhan belia.

Saya menganjurkan pertubuhan-pertubuhan belia seperti yang berasaskan budaya, agama, ekonomi dan sebagainya diberikan ruang untuk memasuki kem-kem ini di peringkat dua atau tiga minggu akhir sebelum pelatih menamatkan latihan mereka dan di sini mereka boleh memilih mana-mana pertubuhan NGO ini untuk mereka sertai dan menjadi ukuran rangsangan mereka untuk terus menyumbang kepada negara.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Sikit saja.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sila, Yang Berhormat Jerai. Saya bercakap ramai peminat.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Jadi saya merujuk kepada ucapan tadi berkenaan dengan modul agamalah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tangga Batu dan Tuan Yang di-Pertua, saya ada seorang jiran yang baru selesai satu minggu balik daripada Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mana setelah kita *interview* dan kita berbincang dengan pelatih ini, antara perkara yang ditimbulkan kepada saya untuk saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini berkaitan dengan modul Islamlah khususnya umat Islam yang berkaitan dengan sembahyang pun sudah *failed* sebenarnya.

■ 1720

Hanya meletakkan sembahyang Maghrib, Isyak sahaja yang wajib. Selainnya tidak diwajibkan walhal pesertanya adalah di kalangan usia 18 tahun ke atas yang telah pun akil baligh. Kemudian, disebut lagi kelas-kelas pengajian agama ditukar kepada kelas tari-menari. Jadi, nampaklah seolah-olah apa yang kita hendak lahirkan pembinaan sahsiah itu mungkin akan terkandas. Jadi, kita pohon kepada kementerian terlibat dengan kerjasama Menteri supaya melihat semula dan memohon bantuan kepada pihak JAKIM dan sebagainya untuk melihat semula modul agama ini perlu diperkemas balik supaya anak-anak atau pun pelatih-pelatih yang balik daripada kem ini selama tiga bulan paling tidaknya mereka mendekatilah masjid, surau, mempunyai akhlak yang baik. Sebab itu.

Contoh, jiran saya baru balik seminggu. Didapati dia kata kesal sebab tidak langsung diberi pemahaman akidah, akhlak dan sebagainya. Kita pohon Ahli Yang Berhormat Tangga Batu lah untuk terus. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Eloklah itu Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat Menteri pun dengar, dia ambil nota dan saya kira hasrat Ahli Yang Berhormat

Jerai tadi itu hendak menyampaikan melalui celahan. Jadi, tidak perlulah saya komen. Saya kira Ahli Yang Berhormat Menteri boleh respons apabila tiba masa nanti.

Akhirnya, yang saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua iaitu tentang apabila pelatih-pelatih ini telah diberikan pendedahan kaedah-kaedah *regimentation* dan mereka pastinya telah melalui proses ini selama tiga bulan, kurang tiga bulan untuk menjadi seorang perajurit atau pun ahli-ahli pertahanan di negara kita. Apa kiranya pada hari ini kalau kita lihat, kita mempunyai kekurangan anggota di dalam Pasukan Polis Diraja umpamanya kita kekurangan lebih 80,000 anggota. Angkatan tentera sendiri, laut, darat dan udara dan berbagai-bagai lagi badan-badan pertahanan negara.

Elok kalau pihak kementerian boleh melihat yang mana mereka, pelatih-pelatih yang benar-benar berminat untuk meneruskan kerjaya mereka di dalam arena pertahanan ini, mereka boleh dipilih daripada anak-anak kita yang menjadi pelatih-pelatih di Program-program Latihan Khidmat Negara ini. Mungkin, jika mereka telah berada di sini selama tiga bulan, latihan untuk mereka menjadi ahli pertahanan negara selepas itu tidak lagi seperti kursus-kursus atau pun program-program biasa yang dilalui oleh angkatan tentera, polis dan berbagai-bagai pihak lagi. Ini mungkin akan mendatangkan sifat menang-menang bagi negara, kementerian, dan juga pelatih dan mungkin juga keluarga-keluarga pelatih yang mengharapkan sebaik sahaja mereka selesai berlatih mereka boleh memperoleh pekerjaan dan menjadi warganegara yang boleh dibanggakan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali, ini betul-betul akhir. Saya ingin menyarankan juga kepada pihak kementerian supaya melihat di dalam konteks keperluan latihan ini, mana-mana pelatih-pelatih yang mempunyai keupayaan di dalam bidang-bidang sukan memandangkan negara kita memerlukan ahli-ahli sukan yang muda, yang bertenaga, yang mempunyai kekuatan fizikal yang boleh membawa mereka ke mercu kecemerlangan sukan. Cari dan tumpukan, selepas itu beri kepada Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Belia dan Sukan boleh mengambil alih selepas PLKN untuk kecemerlangan sukan negara juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat Kota Melaka.

5.24 ptg.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008.

Tuan Yang di-Pertua, pada 20 Mac tahun ini, Ketua Pengarah PLKN menyatakan sembilan buah kem latihan lagi diarahkan untuk memberhentikan operasinya termasuk lima buah kem latihan yang ditutup pada golongan pengambilan pertama sudah 15 buah kem latihan disahkan tidak mencapai tahap dan syarat keselamatan dan kesihatan.

Saya mengalu-alukan terhadap tindakan kementerian kali ini kerana keselamatan dan kesihatan Pelatih Khidmat Negara tidak boleh dikompromi. Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan yang diberikan oleh Menteri untuk soalan saya di Dewan yang mulia ini terdapat 11 peserta 'menghilangkan' nyawa atas sebab kemalangan dan kesihatan. Sungguhpun jawapan ini adalah lain sedikit dari beberapa Ahli Yang Berhormat yang berucap lebih awal, maka saya terimalah yang kesebelas peserta 'menghilangkan' nyawa kerana ini satu jawapan dari kementerian...

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]: Kehilangan nyawa.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya, kehilangan nyawa. Oh, "kehilangan", boleh lah!

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih kepada kedua Ahli Yang Berhormat, Timbalan Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Timbalan Menteri Pelajaran Yang Berhormat!

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Oh ya!

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih.

Seorang Ahli: Teringin hendak bercakap ini.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Dia sudah sabar berapa jam. Kita bagi peluang kepada Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan tidak mencapai *zero death* atau kematian sifar untuk program ini, tindakan-tindakan yang serius dan berkesan perlu diambil terhadap kem operator dan pelatih-pelatih program ini.

Dalam jawapan yang diberikan kepada saya, kajian dan pemeriksaan telah dijalankan oleh MIOS. Saya ingin tanya, berapakah kos yang terlibat dan adakah kem operator ini diminta membuat bayaran atas tindakan ini? Saya juga ingin tanya berapa buah kem latihan ini masih belum mempunyai CF? Berapa buah hanya memperolehi CF sementara dan berapa buah kem latihan yang mempunyai CF kekal?

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini keluarga peserta diizinkan melawat anak mereka pada setiap hari Ahad. Ini akan memberikan peluang kepada ahli keluarga peserta memahami keadaan anak mereka di dalam kem latihan dan juga dapat mengadu atau mengambil tindakan jika mendapat sebarang kejadian yang tidak betul termasuk keadaan kesihatan anak mereka.

Akan tetapi, saya ingin mencadangkan bahawa peserta program ini mesti diaturkan ke dalam kem yang terdekat dari negeri asal masing-masing. Ini adalah kerana kita mesti mengambil kira kebanyakan ibu bapa peserta ini datang dari golongan berpendapatan rendah seperti penjaja, ibu tunggal dan lain-lain. Mereka terpaksa bekerja pada hari Ahad dan juga mungkin hanya dapat beberapa jam sahaja untuk masa rehat supaya mereka dapat melawat anak mereka. Jika kem terletak amat jauh, maka amat sukar untuk mereka membuat lawatan. Kos pengangkutan juga menjadi satu bebanan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jika program ini akan terus berjalan, sekurang-kurangnya tiga kali setahun hospital dan klinik kerajaan perlu merancang tambahan kakitangan mereka seperti jururawat dan doktor untuk melancarkan kerja pemeriksaan kesihatan peserta demi tidak mengganggu pesakit-pesakit luar yang lain. Perkara ini sering berlaku pada masa sekarang dan harap boleh ambil perhatian oleh kementerian tentang hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini peserta khidmat negara ini hanya dibenarkan membuka akaun mereka di Agro Bank sahaja. Perkara ini telah menjadi satu masalah kepada peserta dan ahli keluarga mereka kerana di bandar-bandar utama Agro Bank tidak mempunyai banyak cawangan. Ini akan mengakibatkan peserta-peserta menunggu berjam-jam supaya dapat buka akaun mereka. Sebagai contohnya, di Bandaraya Melaka hanya terdapat sebuah cawangan Agro Bank sahaja.

Dalam jawapan di Dewan yang mulia ini juga, saya diberikan alasan tentang perkara ini dikatakan kerana bank-bank komersial yang lain tidak ingin membantu atau bekerjasama dengan kementerian. Ini kerana mereka menganggap bahawa selepas tiga bulan, pelatih ini mungkin banyak akaun akan tidak digunakan lagi dan menjadi *dormant* kerana ini hanya Agro Bank yang minat membantu kementerian. Saya anggap ini bukan satu alasan yang baik atau satu jawapan yang baik.

■ 1730

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh sambung esok Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh, boleh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada usul daripada Yang Berhormat Menteri.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 16(3)

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Silakan Yang Berhormat.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Bantahan Ke Atas Projek Rumah Mewah Taman Rekreasi DBKL

5.31 ptg.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan petang ini. Adalah saya tujuan saya untuk meminta pihak kerajaan terutamanya Kementerian Wilayah Persekutuan bagi menjelaskan perkara ini kepada penduduk-penduduk kawasan saya, kawasan Batu.

Walaupun saya sebelum ini telah membangkitkan perkara ini beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini. Perkara ini telah disiasat oleh saya dan persatuan penduduk mendapati bahawa isu ini menimbulkan kecurigaan kepada orang ramai kerana ia melibatkan bekas Dato' Bandar Kuala Lumpur dan mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu.

Taman Metropolitan merupakan satu-satunya taman rekreasi yang terletak di kawasan Batu dan Sentul serta kemudahan ini dinikmati kira-kira 10,000 penduduk di kawasan sekitar. Taman Metropolitan Batu telah diluluskan sebagai rizab untuk dijadikan taman rekreasi kepada pihak DBKL pada 5 Februari 1996, serta menelan kos pembinaan sebanyak RM9.1 juta.

Malangnya selepas beberapa tahun iaitu 15 Julai 2003, 4.648 ekar tapak rekreasi ini telah dibatalkan kelulusan oleh Pejabat Tanah dan Galian Persekutuan Kuala Lumpur. Pemilikannya telah diserahkan kepada STLR Sdn Bhd selepas diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Seperti mana yang saya katakan tadi percanggahan kepentingan dan siasatan awal harus dilakukan sebelum meluluskan sesuatu projek kerana perkara ini melibatkan Mohamad Said bin Mohamad atau Mohamad Taufik yang dilantik sebagai Pengarah Syarikat STLR Sdn. Bhd.. Pada masa yang sama beliau merupakan Dato' Bandar Kuala Lumpur.

Persoalan saya yang saya hendak bangkitkan di sini adalah di manakah kewajaran Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur meluluskan sebahagian tanah tersebut yang diberi pemilikan kepada STLR Sdn Bhd sebuah syarikat swasta. Adakah perkara ini mempunyai kepentingan kepada segelintir orang tertentu? Persatuan Penduduk Taman Mas Tiara telah membuat bantahan kepada agensi-agensi kerajaan maka pada 18 Julai 2005 telah bermesyuarat dengan agensi-agensi berkenaan seperti pihak DBKL, Pejabat Tanah dan Galian dan Jabatan Pengaliran dan Saliran.

Malangnya agensi-agensi kerajaan tersebut tidak menghiraukan kepentingan penduduk. Pada 20 Ogos 2007 Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah meluluskan permohonan pemilikan dengan premium sebanyak RM2.2 juta. Ini bermakna pihak kerajaan langsung tidak menghiraukan bantahan penduduk. Secara langsung kerajaan telah

cuba mengorbankan tanah hijau demi kepentingan segelintir pemimpin. Sehubungan ini saya meminta Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah tindakan yang akan diambil? serta menjelaskan perkara ini kepada penduduk-penduduk kawasan Batu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Silakan Yang Berhormat Menteri.
5.35 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan [Senator Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu atas ucapan penangguhan beliau bertajuk bantahan ke atas projek rumah mewah di atas taman rekreasi DBKL Taman Metropolitan Batu. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, tapak yang dimaksudkan terletak di kawasan Taman Metropolitan Batu dengan keluasan 6.785 ekar.

Sebelum diluluskan kepada STLR Sdn Bhd. STLR ini datang daripada Syarikat Transit Laju Ringan. PT 19 atau pun 19509 merupakan sebahagian daripada tanah kerajaan yang telah diluluskan rizab pada tahun 1996 sebagai tanah lapang dan rekreasi awam. Kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dan diurus tadbir oleh Dato' Bandar Kuala Lumpur. Taman ini telah diperindah oleh Dewan Bandar raya Kuala Lumpur sebagai kawasan lapang dan tempat letak kereta awam bagi kegunaan orang ramai yang berkunjung ke taman tersebut.

Pada tahun 2002 STLR Sdn Bhd telah menyerahkan sebahagian besar tanah miliknya di kawasan tersebut iaitu PT 7120 seluas 45.751 ekar kepada kerajaan bagi tujuan kolam takungan banjir yang kini merupakan sebahagian daripada kolam takungan ini yang ada. Mengambil kira faktor tersebut dan memandangkan STLR Sdn Bhd adalah sebuah syarikat dimiliki oleh Khazanah Nasional Berhad di bawah Kementerian Kewangan diperbadankan maka pada 18 Julai 2003 Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan telah meluluskan hak milik tapak PT 19509 kepada Tetuan STLR Sdn. Bhd. dengan syarat nyata kediaman.

Seterusnya satu permohonan perancangan untuk memajukan tanah tersebut telah diterima bagi membangunkan 48 unit rumah berkembar tiga tingkat. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh DBKL didapati cadangan pembangunan ini adalah bersesuaian dengan pembangunan kawasan sekitar dan selaras dengan syarat nyata berkenaan. Berikutan itu permohonan ini telah diluluskan dengan perintah pembangunan bertarikh 15 September 2004.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

Desakan Penyelesaian Masalah Gangguan Bekalan Elektrik di Tawau

5.39 ptg.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membentangkan ucapan penangguhan tentang masalah gangguan bekalan kuasa elektrik dan air yang kerap kali berlaku berterusan di Tawau. Tuan Yang di-Pertua, rakyat Tawau sudah lama dinafikan bekalan tenaga elektrik dan bekalan air bersih yang tetap dan berterusan. Manakala bekalan-bekalan ini dianggap prasarana yang asas sekali di Semenanjung Malaysia nampaknya ianya seperti nikmat kemewahan rakyat Sabah khususnya Tawau. Rakyat Tawau ingin menuntut satu penjelasan mengapa wujudnya ketidakseimbangan prasarana di antara Semenanjung Malaysia dan di Sabah.

Saya minta Kementerian dan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menjawab pertanyaan rakyat yang sangat mendesak. Mengapa gangguan bekalan kuasa elektrik berlaku lebih daripada 300 jam pada bulan-bulan kebelakangan ini.

■ 1740

Tanpa sebarang notis kepada rakyat dan sektor perdagangan berkaitan, jadual harian bagi gangguan bekalan. Begitu juga gangguan bekalan air kerap kali berlaku di kawasan-kawasan tertentu lebih daripada 250 hari setahun dan sedang berlaku pada masa kini. Rakyat telah banyak menderita walaupun kebanyakan penderitaan tidak dilaporkan, perkhidmatan jabatan dan agensi kerajaan termasuk hospital, Ibu Pejabat Polis Tawau turut tergendala semasa gangguan bekalan berlaku. Hampir semua keluarga di Tawau mengalami kesan gangguan bekalan, dianggarkan seramai tiga ratus ribu orang yang menderita kerana kehilangan kemudahan dan kerugian kewangannya antaranya pembekal-pembekal makan beku, restoran-restoran, pembuat-pembuat roti, pekedai-pekedai, kilang-kilang peralatan elektrik rumah seperti TV, peti sejuk, alat-alat dapur, lampu, komputer dan juga rumah-rumah yang terjilat api kerana menyala dengan lilin. Pelajar-pelajar tidak dapat belajar kerana tidak ada bekalan elektrik dan rakyat tidak dapat membiayai bil di pejabat kerajaan.

Kes-kes perbicaraan Mahkamah Tinggi Tawau pun selalu terpaksa ditangguhkan kerana berlaku gangguan elektrik. Satu anggaran kerugian kewangan yang konservatif adalah berjuta-juta ringgit Malaysia sekurang-kurangnya. Saya mendesak menteri, timbalan menteri dan pegawai-pegawai kementerian supaya melawat Tawau untuk menyaksikan dengan sendiri penderitaan yang dialami rakyat akar umbi. Saya mendesak kementerian agar dapat memberi pampasan kerugian kewangan yang dialami oleh sektor-sektor perdagangan dan rakyat Tawau akibat gangguan bekalan-bekalan yang kerap kali berlaku ini.

Saya mendesak kementerian agar dapat memandang serius terhadap perkara ini dan saya mendesak kerajaan mengambil serius tindakan segera untuk menyelesaikan masalah gangguan bekalan-bekalan ini demi kepentingan rakyat Tawau selaras dengan perjanjian

Perdana Menteri, iaitu Satu Malaysia rakyat diutamakan dan prestasi sekarang. Tepatlah masanya sekarang untuk membantu rakyat Tawau, ingin saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada.. Yang Berhormat Menteri ada sini? Timbalan Menteri ada sini? Ya, okey, yang menghadiri pada petang ini atas perhatian segera terhadap masalah yang cemas dan terdesak ini. Sekian Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.
5.45 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tawau atas ucapan penangguhan yang menyentuh bidang kuasa kementerian ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang sedia maklum dengan masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah khususnya di kawasan di Pantai Timur dan sedang mengambil pelbagai langkah untuk mengatasinya.

Sungguhpun masih terdapat gangguan bekalan elektrik, keadaan pembekalan elektrik di kawasan ini telah memperlihatkan peningkatan yang menggalakkan. Ianya dapat dilihat di mana petunjuk *Sistem Average Interruption Duration Index*, dengan izin (SAIDI) yang mengukur purata tempoh masa gangguan yang dialami oleh pengguna. Bagi kawasan Tawau, SAIDI telah menurun dari 2,422 minit per pengguna per tahun bagi tempoh September 2006 hingga Ogos 2007 kepada 738 minit per pengguna per tahun bagi tempoh September 2007 hingga Ogos 2008 iaitu penurunan sebanyak 69.5%. Sementara itu petunjuk SAIDI bagi tempoh September 2008 hingga Mei 2009 adalah sebanyak 613 minit per pengguna per tahun iaitu berbanding 1,947 bagi keseluruhan Sabah bagi tahun 2008.

Kekurangan sumber bekalan elektrik dari loji jana kuasa yang berdaya harap merupakan masalah utama pembekalan elektrik di kawasan Pantai Timur Sabah. Justeru pada 24 Ogos 2005 kerajaan telah meluluskan pembinaan sebuah loji jana kuasa berasaskan arang batu dengan kapasiti 300 megawatt di kawasan ini supaya bekalan elektrik yang berdaya harap dapat dibekalkan kepada pengguna-pengguna di kawasan Pantai Timur, malangnya walaupun setelah hampir empat tahun keputusan tersebut dibuat, pelaksanaan projek ini masih tidak dapat diteruskan atas bantahan dan halangan dari beberapa pihak. Situasi ini bukan sahaja menjejaskan sistem pembekalan elektrik di kawasan Pantai Timur malah keseluruhan sistem pembekalan elektrik di Sabah.

Oleh itu sekali lagi saya ingin menekankan akan kepentingan pelaksanaan projek loji jana kuasa arang batu ini untuk manfaat semua pihak dan kerjasama semua pihak amat-amat dialu-alukan dalam menjayakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada projek loji jana kuasa arang batu 300 megawatt di Pantai Timur, kerajaan juga sudah meluluskan beberapa projek pembekalan elektrik yang lain di Tawau seperti berikut:

- (i) Projek Jana Kuasa Solar Hybrid di Kalabakan berkapasiti 1.6 megawatt;

- (ii) Projek Naik Taraf Talian Pembahagian 11 KV ke Marotai sejauh 13 km;
dan
- (iii) Projek Talian Pembahagian 33 KV ke Pulau Sebatik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah gangguan bekalan air pula Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Air Negeri Sabah memang menyedari masalah tersebut dan juga sedang mengambil tindakan untuk mengatasinya. Gangguan tersebut telah dikenal pasti berpunca daripada kerosakan pam dan masalah muka sauk tersumbat akibat berlakunya banjir di Loji Rawatan Air Utara di Hilltop Jalan Utara, dan Loji Rawatan Cinta Mata di Gudang Empat. Pada masa yang sama kapasiti sedia ada bagi loji-loji rawatan ini telah tidak lagi mampu menampung keperluan semasa bekalan air bagi kawasan tersebut.

Kerajaan negeri juga menyedari bahawa masalah yang dialami di kawasan ini memerlukan suatu tindakan penyelesaian jangka panjang yang komprehensif. Untuk itu beberapa tindakan penyelesaian jangka panjang telah dikenal pasti melalui Jabatan Air Negeri Sabah dan syarikat konsesi yang mengendalikan kedua-dua loji rawatan air tersebut, kerajaan negeri telah memulakan perlaksanaan kerja-kerja baik pulih dan naik taraf kedua-dua loji rawatan air tersebut. Ia akan meliputi penggantian pam di kedua-dua loji, naik taraf muka sauk dan peningkatan kapasiti Loji Rawatan Air Cinta Mata daripada 65 juta liter sehari kepada 90 juta liter sehari.

Pada masa kini kerja-kerja reka bentuk terperinci sedang disediakan, kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf tersebut yang dianggarkan berjumlah RM80 juta akan dimulakan pada penggal kedua tahun ini dan dijangka siap dalam tempoh 18 bulan. Syarikat konsesi bagi kedua-dua loji tersebut sebagaimana dinyatakan dalam perjanjian konsesinya adalah bertanggungjawab ke atas perlaksanaan kerja-kerja tersebut. Sementara itu kerajaan negeri juga sedang melaksanakan program pengurangan air tidak terhasil atau NRW fasa 1 bagi daerah Tawau. Program ini yang berjumlah RM20 juta dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Pusat di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, dengan terlaksananya program ini, kapasiti air sedia ada akan dapat disalurkan secara optimum dan dijangka dapat mengurangkan gangguan bekalan air yang berpunca daripada kebocoran paip dan juga ketidakcukupan bekalan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kerajaan negeri juga telah memulakan rancangan untuk menaik taraf dan meningkatkan lagi liputan bekalan air di kawasan Tawau. Bagi maksud tersebut kerajaan negeri akan memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh daripada Kerajaan Pusat melalui kementerian ini. Kerajaan negeri yakin bahawa penyelesaian jangka panjang ini yang sedang dilaksanakan melalui komitmen semua pihak di peringkat Kerajaan Pusat dan negeri termasuk syarikat konsesi akan mampu menangani masalah gangguan bekalan air di Tawau.

Ahli Yang Berhormat, kementerian ini berharap dengan perlaksanaan projek-projek tersebut, masalah gangguan bekalan elektrik dan bekalan air di negeri Sabah, khususnya di

Tawau akan dapat diatasi dan kerajaan akan meneruskan usaha agar penduduk di negeri Sabah akan dapat menikmati kemudahan bekalan elektrik dan juga bekalan air yang lebih baik pada masa akan datang. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa 16 Jun 2009.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.50 petang.